

MAULANA MUHAMMAD 'ASRI YUSOFF

# SYIAH RAFDHAH



DI ANTARA  
KECUAIAN 'ULAMA' DAN  
KEBINGUNGAN UMMAH





KEBENCERAN  
HAMMU NANNU  
NAD AMALU  
AAATNAI  
PDR

## Kandungan

Prakata Edisi Keempat.....	3
Muqqadimah .....	8
Aliran-Aliran Syiah .....	11
Syiah Imamiah Ithna 'Asyariyyah.....	13
Sikap 'Ulama Islam Dahulu Terhadap Syiah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah .....	14
Kitab-Kitab Terpenting Syiah Disembunyikan .....	18
Buku-Buku Kritik Terhadap Syiah Tulisan Ulama Dahulu .....	19
Tarikh Terdedahnya Kitab-Kitab Syiah Kepada Umum.....	22
Buku Kritik Terhadap Syiah Oleh Para Ulama Sunnah India Sebelum Revolusi Iran.....	23
Tokoh-Tokoh Ulama Islam Yang Menulis Khusus Untuk Mengkritik Dan Mendedahkan Ajaran Syiah Selepas Revolusi Iran.....	25
Adakah Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah Rafidhah.....	29
Hubungan Antara Rafidhah Dengan Syiah .....	33
Persamaan Antara Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah Dengan Rafidhah.....	33
Syiah Dan Al-Quran.....	38
Syiah Dan Sahabat.....	40
Syiah dan Raj'ah .....	42
Syiah dan Imamah.....	43
Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah Adalah Rafidhah.....	45
Rafidhah Di Dalam Hadith-Hadiths Rasulullah s.a.w .....	47
Sebab-Sebab Perbezaan Pendapat Di Kalangan 'Ulama Mutaakhir Tentang Syiah .....	50
Kebimbangan Tokoh-Tokoh Ahli Sunnah Tentang Usaha Pendekatan Syiah-Sunnah .....	60
Kenapa Ulama Benua Kecil India Tidak Menyetujui Usaha-Usaha Pendekatan Sunnah-Syiah Oleh Dar At-Taqrīb .....	58
Di Antara Sebab-Sebab Sesetengah Ulama Terkeliru Dengan Syiah.....	60
Pertama .....	60
Kedua .....	61
Ketiga .....	63
Keempat .....	66
Kelima.....	67
Menjadikan Sejarah Sebagai Nas.....	69
Rujukan Sejarah.....	74

Tarikh at-Tabari.....	74
Thabaqat Ibn Sa'ad.....	77
Fatwa Ulama Di Benua Kecil India Tentang Kekufuran Syiah.....	81
Sikap Ulama Tanahair Kita Terhadap Syiah .....	85
Penutup.....	94
Lampiran 1.....	96
Lampiran 2.....	105
Lampiran 3.....	106

Benarkah Syiah Imamiyah  
**Itu Satu Mazhab**  
Sebagaimana  
Mazhab Yang Empat?



MAULANA MOHD ASRI YUSOFF

[www.darulkautsar.net](http://www.darulkautsar.net)

**PRAKATA EDISI KE EMPAT**

Sebenarnya buku ini ditulis hampir dua puluh tahun lalu susulan polemik Sunnah Syi`ah yang telah berlaku antara saya (penulis) dengan Hassan Salleh dan beberapa orang Syi`ah lain di dalam akhbar Watan yang kemudiannya terhenti. Ia terhenti dengan diakhiri maqalah seorang Syi`ah bernama Mustafa Harun (nama samaran?) yang tidak dapat dijawab oleh penulis berikutnya akhbar berkenaan tidak lagi mahu melanjutkan polemik tersebut.

Oleh kerana pada ketika itu penulis tidak mempunyai saluran lain untuk menjawab kekeliruan-kekeliruan dan kekarutan-kekarutan yang ditaburnya di dalam maqalahnya, maka penulis telah bertindak menulis buku ini dengan tidak lagi terikat kepada perbahasan-perbahasan yang telah berlarutan di dalam polemik sebelumnya malah sebaliknya penulis menekankan dan memfokuskan kepada pengenalan ajaran Syi`ah itu sendiri yang tidak diketahui masyarakat umum di samping mengemukakan pandangan-pandangan dan fatwa-fatwa yang telah diberi oleh `ulama' Islam yang mu`tabar tentang Syi`ah di sepanjang sejarah ummat.

Tajuk buku ini tepat sekali dengan keadaan masyarakat Islam setempat khasnya dan di seluruh dunia `amnya terutama pada ketika ia mula-mula diterbitkan kerana rata-rata `ulama' Islam cuai dalam menangani persoalan ini manakala ummat pula benar-benar kebingungan dalam menghadapinya.

Ketika itu belum lagi keluar fatwa majlis kebangsaan atau mana-mana institusi agama Islam yang lain di tanah air kita tentang sesat atau tidaknya ajaran Syi`ah yang digembor-gemburkan oleh pengembang-pengembangnya di seluruh Nusantara. Penulis malah dijadikan bahan ejekan dan momokan pengikut-pengikut Syi`ah kerana sering mereka mengatakan bahawa tidak ada satu pun majlis agama atau mana-mana badan keagamaan lain menyenaraikan Syi`ah sebagai satu ajaran sesat dan menyeleweng. Hanya penulis dan segelintir peribadi jua yang beria-ia sangat meniupkan semangat anti Syi`ah di kalangan masyarakat!

Sekarang setelah keluarnya fatwa dari Majlis Fatwa Kebangsaan juga fatwa dari Majlis-Majlis Ugama Islam di setiap negeri berhubung dengan kesesatan dan kekufuran Syi`ah di samping kesedaran yang agak meluas di kalangan `ulama' dan masyarakat, keadaan telah banyak berubah. Buku-buku yang mendedahkan kebatilan Syi`ah karangan `ulama' `Arab dalam bahasa `Arab juga sudah berlambak-lambak. Jawapan-jawapan kepada buku-buku propaganda Syi`ah seperti buku "Dialog Sunnah-Syi`ah" dan buku "Akhirnya Ku Temui Kebenaran" telah diterbitkan dan disebarluaskan secara meluas. Namun saya tidak mengatakan segala-gala

permasalahan telah selesai, Syi`ah tidak wujud lagi di bumi Malaysia ini, semua `ulama' sudah tidak cuai lagi dan ummat pula sudah tidak kebingungan lagi justeru masih ramai ummat yang terus kebingungan dan tidak kurang pula bilangan `ulama' yang terus cuai, meskipun telah terbit fatwa-fatwa tadi dan telah banyak pembongkaran hakikat ajaran Syi`ah telah dibuat oleh para `ulama' kita di seluruh dunia.

Alhamdulillah buku ini walaupun kecil, telah berjaya menghilangkan kekeliruan sebilangan besar orang-orang yang telah terpedaya dengan Syi`ah bahkan ada yang menceritakan kepada penulis bahawa dia hampir-hampir menganut fahaman Syi`ah kerana diayah dan propaganda yang disebar mereka dengan begitu meluas menerusi buku-buku dan majalah-majalah tetapi telah terselamat daripada terjebak ke dalam gaung kesesatan mereka setelah membaca buku ini. Alhamdulillah sekali lagi.

Pembaca yang budiman!

Biar apa pun, anda mestilah ingat dan mengerti bahawa orang-orang yang telah menganut fahaman Syi`ah di kalangan masyarakat kita ini sudah tentu ramai di antara mereka masih tetap di atas ajaran yang salah itu dan terus aktif mengamal di samping menyebarkannya walau pun secara senyap-senyap dan sulit.

Andaikan seseorang telah menganut ugama Syi`ah dari tahun tercetusnya revolusi Iran (1979) dan ketika itu dia telah mendapat anak, tentu sekali anak itu sekarang telah berumur 26 tahun. Seorang anak yang dididik dan diasuh dalam keluarga Syi`ah dengan ajaran-ajaran Syi`ah yang melampau, sudah tentu langsung tidak akan terdedah dengan ajaran Islam yang dihayati oleh kita Ahlus-Sunnah Wal-Jama`ah. Ini bererti bahawa bilangan orang-orang Syi`ah akan sentiasa bertambah secara tabii dengan berkembangnya sebuah keluarga mereka dan akhirnya mereka akan membentuk satu kelompok masyarakat yang entah berapa pula jumlahnya.

Persoalan yang timbul sekarang ialah apakah usaha kita sebagai `ulama' yang tidak cuai, ummat yang tidak kebingungan? Apakah langkah-langkah yang diambil oleh insitusi-institusi agama yang telah mengeluarkan fatwa tentang kesesatan Syi`ah untuk mengembalikan mereka kepada Islam sejati dan seterusnya memulihkan `aqidah mereka yang rosak itu benar-benar telah membawa kejayaan yang memuaskan? Atau segala yang dilakukan hanyalah sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja??

Lihat saja kepada pergaduhan, kekecohan dan bunuh-membunuh yang saban hari berlaku di negara-negara Islam yang malang. Puncanya tidak lain dan tidak bukan ialah perbezaan `aqidah Ahli as-Sunnah dan Syi`ah. Sejarah menyaksikan bahawa golongan Syi`ahlah sentiasa menjadi talibarut kuasa-kuasa besar kuffar dalam usaha mereka menghancur dan memporak-perandakan ummat Islam.

Lihatlah apa yang berlaku di hadapan anda sendiri di zaman ini, betapa peranan mereka dalam memecah-belahkan negara dan ummat Islam di `Iraq, Afghanistan, Pakistan, Lubnan dan lain-lain. Kekecohan cetusan mereka sentiasa membawa kepada pertumpahan darah.

Mahukah kita melihat keadaan seperti itu berlaku juga di negara kita yang tercinta ini? Jika tidak maka marilah sama-sama kita hapuskan atau paling tidak kita kawal wabak ajaran sesat ini dengan serius seperti mana kita bersungguh-sungguh mahu menghapuskan dan mengawal penyakit-penyakit menular atau virus-virus yang mengancam nyawa manusia. Malah ajaran sesat ini bukan sahaja mengancam nyawa masyarakat bahkan mengugat kestabilan sesebuah negara dan yang paling dahsyat bagi ummat Islam ialah ia memusnahkan `aqidah dan ajaran yang dibawa oleh Nabi kita Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya yang mulia.

Di dalam edisi baru terbitan Pustaka Bisyaroh ini, sedikit perubahan dan pindaan dilakukan di sana sini. Apa yang diharapkan sangat ialah agar seramai mungkin pembaca akan mendapat manfa`at dari penjelasan yang diberikan dan penulis berdoa semoga Allah memberi taufiq dan hidayah-Nya kepada orang-orang yang telah terpengaruh dengan fahaman Syi`ah. Tiada tempat memohon taufiq dan hidayah kecuali kepada Allah jua.

اللهم أرنا الحق حقاً وارزقنا اتباعه وأرنا الباطل باطلاً وارزقنا اجتنابه

ربنا فاغفر لنا ذنبينا وكفر عنا سيئاتنا وتوننا مع الأبرار

**Muhammad `Asri Yusoff**

**Kubang Kerian, Kota Bharu**

**Kelantan. 22/11/2005**

## MUQQADIMAH

Buku ini ditulis ekoran polemik Sunnah-Syi`ah di dalam akhbar-akhbar tempatan sejak akhir-akhir ini. Ia menimbulkan berbagai-bagai tanggapan sehingga ada di antara masyarakat yang kononnya memilih jalan tengah dalam soal ini dengan mengambil sikap bahawa isu Sunnah-Syi`ah adalah suatu isu yang tidak sepakat pendapat para `ulama' mengenainya sejak dahulu sampai sekarang. Ada di antara `ulama' yang mengkafirkan Syi`ah dan ada pula di antara mereka yang menganggap Syi`ah sebagai salah satu mazhab di dalam Islam, tak ubah seperti kedudukan mazhab Maliki atau Hanafi.

Jika demikianlah keadaan `ulama' dari dahulu sampai sekarang, kenapakah kita sibuk berpolemik dan bertengkar tentangnya?

Walaupun mereka berada di dalam kebingungan lantaran perbezaan pendapat `ulama' tentang isu ini, tetapi mereka pada hakikatnya telah memilih satu sikap. Lebih menyedihkan lagi, ada satu golongan dari masyarakat kita yang menganggap Syi`ah lebih baik dan lebih kukuh hujjahnya dari Ahli Sunnah, maka mereka terus mengamalkan ajaran-ajaran Syi`ah atau cuba mempengaruhi orang lain kepada fahaman Syi`ah pada hal mereka sendiri pun masih belum lagi mengenali hakikat Syi`ah vang sebenarnya.

Di dalam buku kecil ini kita akan membentangkan titik-titik perbezaan di antara `ulama' yang berbeza-beza pendapat itu. Kita akan cuba membentangkan faktor-faktor yang menyebabkan para `ulama' tidak sekata di dalam soal ini. Benarkah Syi`ah itu hanya satu mazhab dari mazhab-mazhab dalam Islam atau ia bukan dan ajaran Islam?

Untuk menentukan perkara ini, bukanlah satu perkara mudah. Ia memerlukan satu kajian yang mendalam dan penelitian terhadap buku-buku yang pernah ditulis oleh `ulama' Islam tentang isu ini. Keputusan tentangnya tidak harus dibuai semata-mata berdasarkan khabar-khabar angin atau berdasarkan fatwa-fatwa yang tidak berasaskan kajian ilmiah kerana jika Syi`ah Islam, bererti kita telah menuduh satu golongan Islam sebagai bukan Islam dan ini tentunya merupakan satu fitnah yang sangat besar. Tetapi jika Syi`ah bukan Islam, bererti kita membuka jalan kebinasaan atas nama Islam kepada generasi seterusnya dan tentunya dosa ini akan ditanggung oleh ahli-ahli ilmu yang cuai di dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

Sampai masa ini masih belum kedengaran lagi fatwa yang jelas daripada mana-mana badan agama di tanah air kita secara tegas dan terbuka, walaupun ada beberapa buah buku terbitan

institusi-institusi keagamaan seperti Majlis Agama Islam Kelantan dan Perak yang memasukkan Syi'ah Imamiyyah Ithna `Asyariyyah ke dalam senarai ajaran-ajaran sesat.

Kita kira sudah sampai masanya pihak-pihak yang berkenaan mengambil inisiatif untuk memberikan perhatian khusus berhubung dengan soal ini memandangkan telah nyata dari tulisan-tulisan golongan yang pro-Syi'ah sikap yang tidak sewajarnya ada pada seorang Muslim, lebih-lebih lagi kalau ia mempunyai kedudukan yang penting di dalam institusi yang bercorak keagamaan. Golongan pro-Syi'ah ini sanggup mengeluarkan beberapa pandangan yang lahir dari pada ajaran Syi'ah seperti mengkafirkan Sayyidina `Utsman r.a, menuduh sewenang-wenang terhadap imam-imam seperti Bukhari, Muslim dan sebagainya, dan memfitnah para mujtahid seperti Imam Abu Hanifah dengan mengatakan umpamanya beliau berpendapat perempuan pelacur yang mengambil upah tidak dikenakan had dan rujukan yang diberi ialah Al-Muhalla karangan Ibn Hazm (jilid 3 halaman 350) padahal setelah diteliti melalui dua edisi terbitan Mesir dan Beirut, kenyataan itu tidak ada sama sekali.

Kita berharap para pembaca sekalian dapat mengikuti perbahasan di dalam buku ini dengan dada yang terbuka dan hati yang ikhlas demi mencari kebenaran. Kepada para 'ulama' tanah air saya berharap agar mereka jangan hanyut dengan semangat semata-mata ketika menentukan soal Sunnah-Syi'ah ini. Mereka seharusnya mengeluarkan sesuatu kenyataan sama ada melalui ucapan atau tulisan, setelah membuat kajian dan penyelidikan yang mendalam kerana para 'ulama' yang lalai dan cuai sehingga mengakibatkan kerosakan 'aqidah ummat akan disoal dan dipertanggungjawabkan ke atas mereka dan mereka akan menanggung dosa kecuaian dan kelalaianya sendiri di samping menanggung juga dosa orang-orang yang telah sesat kerana kecuaian dan kelalaianya, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

مَنْ سَنَ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرٌ هَا وَأَجْرٌ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَ

فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْلِيهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

"Sesiapa yang mengadakan dalam Islam sesuatu cara atau jalan kebaikan, ia akan mendapat pahalanya dan pahala orang yang beramal dengannya sesudahnya dengan tidak kurang sedikitpun pahala mereka. Dan sesiapa yang mengadakan dalam Islam suatu jalan keburukan, ia akan menanggung dosanya dan dosa orang yang beramal dengannya sesudahnya dengan tidak kurang sedikitpun dosa mereka." (Muslim, Nasa'i, Ahmad)

Muhammad `Asri Yusoff,  
Kubang Kerian.  
2hb. Ogos, 1989

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

يَكُونُ فِي أَخِيرِ الزَّمَانِ قَوْمٌ يُنْبَذُونَ الرَّافِضَةَ يَرْفَضُونَ فِي الْإِسْلَامِ وَيَلْفِظُونَهُ قَاتِلُوهُمْ فَإِنَّهُمْ مُشْرِكُونَ

Bermaksud: Akan muncul di akhir zaman satu golongan yang digelarkan Rafidah. Mereka menolak Islam tetapi mendakwa Islam. Perangilah mereka kerana mereka sebenarnya adalah golongan musyrikun. (Abu Ya'la, At-Thabarani, Al-Bazzar)

**ALIRAN-ALIRAN SYI'AH****Siapakah Syi'ah?**

Syi'ah ialah golongan yang mendakwa Sayyidina 'Ali lebih utama daripada sahabat-sahabat lain. Inilah perkara pokok yang membezakan golongan Syi'ah daripada golongan-golongan Islam yang lain. Soalnya, adakah semua Syi'ah mempunyai fahaman sekadar yang tersebut itu atau di samping mempunyai fahaman itu ia juga mempunyai fahaman-fahaman lain yang menyentuh 'aqidah dan cabang yang berbeza dari golongan-golongan Islam yang lain?

Apabila diperhatikan persoalan ini maka akan timbulah di hadapan kita beberapa banyak aliran di dalam Syi'ah itu sendiri yang pada dasarnya masing-masing mempunyai konsep yang tersebut di atas. Tetapi aliran-aliran itu berbeza antara satu dengan yang lain kerana wujudnya fahaman-fahaman atau ajaran-ajaran yang saling berbeza. Lantaran perbezaan di dalam ajaran dan fahaman itulah maka Syi'ah terbahagi kepada beberapa kumpulan. Antara lain ialah:-

**1. Syi'ah Tafdhiliyyah**

Iaitu Syi'ah yang mengutamakan Sayyidina 'Ali r.a. daripada sahabat-sahabat yang lain termasuk Sayyidina 'Utsman r.a. (tidak termasuk Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina 'Umar r.a.), tanpa mengkafir, memaki atau menaruh kebencian terhadap mereka semua.

**2. Syi'ah Saba'iyyah**

Iaitu Syi'ah yang memaki dan mengkafirkhan sahabat-sahabat kecuali sebahagian kecil dari mereka seperti Salman al-Farisi, Abu Dzar, Miqdad dan 'Ammar bin Yasir r.a. Mereka berlepas diri (memutuskan hubungan kasih sayang) daripada para sahabat yang lain daripada mereka ini. Selain dari itu, mereka juga berkeyakinan tentang raj'ah (kebangkitan semula 'Ali dan para imam sebelum qiamat untuk menjalankan hukuman ke atas orang-orang yang menyelewengkan ajaran agama yang sebenar di permulaan Islam)

**3. Syi'ah Ghulat**

Iaitu Syi'ah yang mempercayai ketuhanan 'Ali r.a. di samping kepercayaan-kepercayaan karut lain yang terdapat di dalamnya. Syi'ah Ghulat ini terbahagi pula kepada 24 golongan, di antaranya ialah Syi'ah Mufadhdhaliyyah, Syi'ah Sarighiyyah, Syi'ah Janahiyyah, Syi'ah Bayaniyyah, Syi'ah Imamiyyah dan lain-lain.

Kemudian Syi'ah Imamiyyah itu terbahagi pula kepada 39 golongan. Di antaranya ialah al-Hasaniyyah, al-Baqiriyah, al-Ithna 'Asyariyyah, asy-Syaitaniyyah, as-Salimiyyah, al-Isma'iliyyah dan lain-lain lagi. Oleh kerana buku ini ditulis untuk menjelaskan kedudukan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah, maka tumpuan yang utama akan diberikan kepada Syi'ah ini dalam perbicaraan akan datang kerana kekeliruan yang timbul di dalam masyarakat sekarang ini ialah berhubung dengan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah. Syi'ah inilah yang dipertikaikan oleh para 'ulama' di setiap tempat pada masa ini kerana ramainya bilangan mereka dan kedudukan mereka yang semakin popular terutama selepas tercetusnya revolusi di Iran.

## SYI'AH IMAMIYYAH ITHNA 'ASYARIYYAH

Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah ialah Syi'ah yang mempercayai keimaman dua belas orang imam secara berturut seperti di bawah ini:-

1. 'Ali bin Abi Talib (wafat 40 H)
2. Hasan bin 'Ali (wafat 50 H)
3. Husain bin 'Ali (wafat 61 H)
4. 'Ali Zainal 'Abidin bin Husain (wafat 94 H)
5. Muhammad al-Baqir bin 'Ali Zainal 'Abidin (wafat 117 H)
6. Ja'far as-Sadiq bin Muhammad al-Baqir (wafat 148 H)
7. Musa al-Kazim bin Ja'far as-Sadiq (wafat 183 H)
8. 'Ali ar-Ridha bin Musa Kazim (wafat 202 H)
9. Muhammad al-Jawaad bin 'Ali ar-Ridha (wafat 220 H)
10. 'Ali bin Muhammad al-Jawaad (wafat 254 H)
11. Hasan bin 'Ali al-'Askari (wafat 260 H)
12. Muhammad bin Hasan al-'Askari al-Mahdi (ghaib 260 H)

Mereka percaya Imam Kedua Belas telah ghaib dan ia akan muncul kembali ke dalam masyarakat setelah dunia ini dipenuhi dengan kezaliman dan kekacauan. Mereka juga percaya kepada al-bada', ar-raj'ah, tahrif al-Qur'an, kemurtadan para sahabat termasuk Sayyidina Abu Bakar, 'Umar, 'Utsman r.a. dan sahabat-sahabat besar Rasulullah s.a.w. yang lain, 'ismah para imam dan lain-lain. Biasa juga Syi'ah ini disebut sebagai Syi'ah Imamiyyah atau Ja'fariyyah sahaja. Syi'ah ini juga dikenali sebagai Rafidah kerana fahaman-fahaman dan 'aqidah-'aqidahnya yang melampau.

## SIKAP ‘ULAMA’ ISLAM DAHULU TERHADAP SYIAH IMAMIYYAH ITHNA ‘ASYARIYYAH

Golongan Syi‘ah di zaman keagungan Islam ketika mana masyarakat Islam terdiri daripada ahli-ahli ilmu dan orang-orang soleh, tidak menyatakan belang mereka di hadapan umum. Mereka selalu melaksanakan syiar-syiar mereka secara tersembunyi secara taqiyyah (nifaq). Selain dari itu golongan Syi‘ah juga menjaga kitab-kitab tulisan ‘ulama’-‘ulama’ mereka daripada terdedah kepada umum kerana bimbangkan kemarahan dan kritikan terbuka dari ‘ulama’ Islam terhadap mereka. Hakikat ini disebut oleh Syeikh Manzur Nu‘mani di dalam bukunya *Revolusi Iran (Irani Inqilab, halaman 23)*:

“Kitab-kitab pokok Syi‘ah tidak sampai ke tangan ‘ulama’-‘ulama’ Islam waktu itu. Para ‘ulama’ Islam hanya mengetahui tentang Syi‘ah melalui beberapa buah buku tulisan ‘ulama’ Syi‘ah yang terlepas ke tangan mereka atau melalui sikap sesetengah kalangan Syi‘ah pada masa itu.”

Walaupun begitu, berdasarkan maklumat yang sampai kepada mereka, para ‘ulama’ Islam telah pun menghukum Syi‘ah sebagai golongan yang terkeluar dari Islam. Mereka menghukum Syi‘ah demikian hanya kerana beberapa sebab yang diketahui secara pasti tentang Syi‘ah. Umpamanya Syi‘ah mengkafirkan para sahabat terutamanya sahabat Rasulullah s.a.w. yang agung seperti Sayyidina Abu Bakar, ‘Umar, ‘Utsman, ‘Abdul Rahman bin ‘Auf r.a. dan lain-lain atau kerana Syi‘ah mempercayai raj‘ah. Kerana itu anda dapat melihat umpamanya di dalam tulisan al-Imam Ibn Hazm al-Andalusi (wafat 457 H) kenyataan beliau bahawa Syi‘ah bukan Islam kerana mereka mempercayai al-Qur‘an yang ada pada masyarakat Islam telah ditukargantikan isinya dengan ditambah sesuatu yang bukan berasal daripadanya dan dikurangkan sebahagian yang besar daripada kandungan asalnya. (*Al-Fishalu Fi Al-Milal Wa Al-Ahwa’i Wa An-Nihal, jilid 4, halaman 182*)

Di satu tempat yang lain beliau menulis; “Golongan Rafidhah bukan Islam ..... ia adalah satu golongan yang mengikut jejak langkah Yahudi dan Kristian dalam pembohongan dan kekufturan.” (*Ibid, jilid 2, halaman 78*)

Imam Abu Zur‘ah (wafat 264 H) berkata: “Bila engkau melihat seseorang memburuk-burukkan seseorang sahabat Rasulullah s.a.w. maka ketahuilah bahawa sesungguhnya orang itu zindiq (orang yang lahirnya kelihatan Islam tetapi hakikatnya kafir), kerana Rasulullah s.a.w. di sisi kita benar, al-Qur‘an juga benar. Al-Qur‘an dan sunnah Rasulullah s.a.w. telah disampaikan kepada kita hanya oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. Mereka muhu

mencacatkan saksi-saksi kita dengan tujuan untuk membatalkan (menimbulkan keraguan terhadap) ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah itu sendiri. Oleh kerana tujuan mereka begitu, maka mereka lah yang perlu dicacatkan dan mereka adalah golongan zindiq." (*Al-Khatib al-Baghdadi, Al-Kifayah Fi Ma'rifati 'Ilmi Ar-Riwayah, halaman 49*)

Imam Ibn al-Mubarak berkata bahawa Abu 'Ismah bertanya Imam Abu Hanifah, "Dari siapakah tuan akan menyuruh saya menerima hadits-hadits?" Beliau berkata: "Terimalah hadits dari semua walaupun dari golongan ahli bid'ah yang sederhana dalam fahamannya kecuali Syi'ah kerana prinsip 'aqidah mereka ialah mempercayai sesatnya para sahabat Nabi Muhammad s.a.w....." (*Al-Kifayah Fi Ma'rifati 'Ilmi Ar-Riwayah, halaman 146*)

Imam Syafi'i (wafat 204 H) berkata: "Tidak pernah aku melihat golongan yang menurut hawa nafsu, yang lebih pembohong dari golongan Rafidhah." (*Al-Kifayah, halaman 49, as-Suyuti, Tadrib Ar-Rawi, jilid 1, halaman 327*)

Imam Malik (wafat 179 H) pernah berkata ketika ditanya tentang Syi'ah: "Jangan kamu bercakap dengan mereka dan jangan kamu meriwayatkan hadits dari mereka kerana mereka selalu berdusta." (*Ibn Taimiyah, Minhaj As-Sunnah An-Nabawiyyah, jilid 1, halaman 16*)

Imam Ibn al-Mubarak (wafat 181 H) berkata: "Agama itu bagi ahli hadits, percakapan dan putar belit bagi ahli falsafah dan pembohongan bagi golongan Syi'ah." (*Az-Dzahabi, Al-Muntaqa, halaman 68*)

Imam Thahawi (wafat 321 H) berkata: "Kita (Ahlu as-Sunnah wa al-Jama'ah) mengasihi para sahabat Rasulullah s.a.w. Kita tidak melampau dalam mengasihi sesiapa pun dari mereka. Kita tidak berlepas diri dari mana-mana sahabat (tidak menyatakan kebencian terhadap mereka). Kita membenci sesiapa yang membenci para sahabat dan tidak menyebut para sahabat dengan baik. Kita tidak menyebut sahabat melainkan dengan kebaikan. Kasih kepada mereka merupakan agama, iman dan ihsan, dan benci kepada mereka adalah kekufuran, nifaq dan kederhakaan." (*At-Thahawi, Syarhu Al-'Aqidati At-Thahawiyyah, halaman 545*)

Imam Ahmad (wafat 241 H) berkata: "Tidak harus bagi seseorang Islam memburuk-burukkan para sahabat Rasulullah s.a.w. Sekiranya ada sesiapa melakukan demikian maka wajiblah ia dideral!" Beliau juga pernah berkata: "Apabila kamu melihat seseorang memburuk-burukkan seseorang sahabat, maka raguilah keislaman dan keimanannya." (*As-Sharimu Al-Maslul, halaman 568 dan Mufti Muhammad Syafi', Maqami Sahabah, halaman 118*)

Hafiz Shamsuddin az-Dzahabi (wafat 748 H) di dalam bukunya *Mizan Al-I'tidal* (*jilid 1 halaman 4*) jelas mengatakan bahawa golongan Syi'ah telah diresapi oleh fahaman "rafdh" (fahaman yang bencikan Sayyidina Abu Bakar dan 'Umar r.a.). Memburuk-memburukkan Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina 'Umar serta menyeru orang lain kepadanya sudah menjadi agama mereka, oleh itu golongan ini tidak boleh lagi dipercayai. Tidak ada seorang pun dari mereka yang benar. Berbohong, mengada-adakan sesuatu secara tidak benar sudah menjadi syiar mereka. Taqiyah dan nifaq sudah menjadi selimut mereka. Oleh itu di dalam keadaan sifat-sifat mereka sebegini, bagaimanakah riwayat mereka boleh diterima? Sikap mereka yang melampau seperti ini tidak wujud di kalangan salaf mereka."

Kemudian Imam Dzahabi menulis lagi; "Syi'ah Ghulat (Syi'ah pelampau) di zaman kita ini ialah Syi'ah yang mengkafirkan para sahabat agung Rasulullah s.a.w. dan berlepas diri daripada Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina 'Umar r.a. Dengan itu golongan ini adalah golongan yang sesat dan golongan yang menimbulkan kekarutan."

Hujjatu al-Mutakallimin Abu al-Muzaffar al-Isfiraini (wafat 471 H) di dalam *At-Tabshir Fi Ad-Din* (*halaman 24-25*), Qadhi 'Iyadh al-Maliki (wafat 544 H) dalam *As-Syifa Fi Ta'rifi Huquqi Al-Mustafa* (*jilid 2, halaman 286-291*), Syeikh 'Abdul Qadir Jailani (wafat 561 H) di dalam kitabnya *Ghunyah At-Talibin* (*jilid 1, halaman 87 dan 90*), Mulla 'Ali al-Qari (wafat 1014 H) di dalam *Syarah Al-Fiqh Al-Akbar* (*halaman 163*), 'Allamah Bahrul 'Ulum al-Lucknowi (wafat 1225 H) di dalam kitabnya *Fawatihu Ar-Rahamut* (*jilid 2, halaman 97*), Ibn 'Abidin as-Syami (wafat 1260 H) di dalam kitab *Raddu Al-Muhtar* (*jilid 3, halaman 46, Bab Al-Muharramat*), 'Allamah Mahmud al-Alusi (wafat 1270 H) di dalam tafsirnya *Ruhu Al-Ma'ani* (*jilid 26, halaman 116, Tafsir Surah al-Fath, ayat 29*), Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri (wafat 1302 H) di dalam *Faidhu Al-Baari* (*jilid 1 halaman 120*) dan Syah Waliyyullah ad-Dihliwi (wafat 1176 H) di dalam bukunya *Tafhimat Ilahiyyah*. Semua mereka yang tersebut tadi telah mengeluarkan Syi'ah yang mengkafirkan sahabat daripada lingkungan Islam.

Syah Waliyyullah menyebut bahawa salah satu perkara yang menyebabkan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah terkeluar dari Islam ialah kepercayaan mereka kepada keimamam dua belas imam, yang bermakna mereka telah menolak 'aqidah "Khatmi an-Nubuwwah" walaupun mereka mendakwa mengakui Rasulullah s.a.w. sebagai "Khatamu al-Anbiya". (*Tafhimat Ilahiyyah, halaman 244*)

Syah 'Abdul 'Aziz ad-Dihliwi telah mengkafirkan Syi'ah dan beliau berkata: "Sesungguhnya orang yang tidak mengkafirkan mereka adalah orang yang tidak mengetahui 'aqidah mereka." Beliau juga berfatwa demikian. (*Faidhu Al-Baari, jilid 1, halaman 120*)

Selain dari itu, terdapat ramai lagi 'ulama' di setiap zaman yang mengkafirkan Syi'ah dan mengeluarkan mereka dari daerah Islam kerana 'aqidah-'aqidah seperti 'aqidah Tahrif al-Qur'an, 'aqidah Bada', 'aqidah Mengkafirkan Para Sahabat Agung Rasulullah s.a.w., dan 'aqidah Imamah.

### KITAB-KITAB TERPENTING SYI'AH DISEMBUNYIKAN

Walaupun ‘ulama’-‘ulama’ kita dahulu tidak menemui kitab-kitab terpenting Syi’ah seperti *Tafsir Al-Qummi*, *Hayatu Al-Qulub*, *Al-Kafi* dan *Awa’ilu Al-Maqalat*, dan mereka hanya menemui kitab-kitab yang kedudukannya tidak setinggi kitab *Al-Kafi* dan kitab-kitab yang tersebut di atas, namun begitu berdasarkan sebuah dua kitab yang ditemui, mereka telah menulis berjilid-jilid kitab untuk menjawab tuduhan yang ditaburkan oleh golongan Syi’ah di dalam buku-buku tersebut. Umpamanya al-Imam Ibn Taimiyah telah menulis kitab *Minhaju As-Sunnah* (sebanyak 4 jilid) semata-mata untuk menjawab sebuah buku Syi’ah yang telah sampai ke tangan beliau iaitu *Minhaju Al-Karamah*.

Daripada tulisan-tulisan beliau dan juga tulisan-tulisan ‘ulama’ lain sebelum dan selepas beliau, kita dapat mengesan bahawa kitab-kitab penting Syi’ah tidak sampai ke tangan mereka. Walaupun begitu berdasarkan beberapa buah buku Syi’ah dan fahaman-fahaman Syi’ah yang disebarluaskan dengan cara yang lain secara diam-diam, mereka tidak teragak-agak untuk mengkafirkhan Syi’ah Imamiyyah.

**BUKU-BUKU KRITIK TERHADAP SYI'AH TULISAN 'ULAMA' DAHULU**

Para 'ulama' Islam dahulu bukan sahaja mengkritik Syi'ah secara lisan malah mereka telah membuktikan ketidaksetujuan terhadap Syi'ah melalui tulisan-tulisan yang mengkritik Syi'ah secara khusus. Di antara 'ulama' Islam dahulu yang telah menulis kitab khusus bagi mengkritik Syi'ah bahkan mengkafirkannya, ialah:-

1. **Syeikhul Islam Ibn Taimiyah** (wafat 728) dengan kitabnya *Minhaju As-Sunnah An-Nabawiyyah*. Di dalam kitab tersebut Imam Ibn Taimiyah telah menulis bahawa ajaran Syi'ah Imamiyyah Ithna Asyariyyah adalah berasal daripada ciptaan orang-orang zindiq dan munafiqin yang telah dihukum oleh Sayyidina 'Ali bin Abi Talib r.a. semasa hayatnya. Di antara mereka ada yang telah dibakar oleh beliau, ada pula yang dihukum bunuh tetapi sempat mereka melarikan diri dari menerima hukuman tersebut dan ada pula yang diancam oleh beliau dengan hukuman sebat sebagaimana yang dapat diketahui daripada sejarah.
2. **Jalaluddin as-Suyuti** (wafat 911 H) di dalam kitabnya *Miftahu Al-Jannah Fi Al-I'tishami Bi As-Sunnah*.
3. **Mirza Makhdum**, pengarang kitab *An-Nawaqidh*. Kitab beliau ini telah diringkaskan oleh Syeikh Barzanji dan diberi nama kitab *Nawaqidh Ar-Rawafidh*.
4. **Syeikh 'Ali al-Hiiti**, pengarang kitab *As-Saifu Al-Baatir*.
5. **'Allamah Mahmud al-Alusi** (wafat 1270 H) pengarang kitab *Tafsir Ruhu Al-Ma'ani* dengan kitabnya *Al-Ajwibatu Al-'Iraqiyyah Ala Al-As'ilati Al-Iraniyyah*. Kitab kedua beliau ialah *Nahju As-Salamah Ila Mabahithi Al-Imamah*. Kitab ketiga beliau tentang Syi'ah ialah *Al-Ajwibatu Al-'Iraqiyyah 'An Al-As'ilati Al-Lahoriyyah*.
6. **Syeikh al-Bandaniji** dengan kitabnya *Al-Ajwibah 'Ala Al-As'ilati Al-Lahoriyyah*.
7. **Syeikh 'Utsman bin Sanad** dengan kitabnya *As-Sharimu Al-Qirdhab Fi Nahri Man Sabba Akabira Al-Ashab (Pedang Yang Sangat Tajam Di Tengkuk Orang Yang Memaki Sahabat-Sahabat Agung)*

8. **Syeikh 'Abdullah al-Baitusyi** yang digelar "Sibawaih Yang Kedua" salah seorang tokoh 'ulama' Kurdi dengan kitabnya *Hadiqatu As-Sara'i* dan syarahnya.
9. **Syeikh Ibn Hajar al-Haitsami al-Makki** (wafat 973 H) dengan kitabnya *As-Shawa'i*qu *Al-Muhriqah Fi Ar-Raddi 'Ala Ahli Al-Bidai'* *Wa Az-Zandaqah* (*Petir Yang Membakar Golongan Ahli Bid'ah Dan Zindiq*)
10. **'Allamah Mahmud Syukri al-Alusi** (wafat 1924 M) cucunda kepada 'Allamah Mahmud al-Alusi pengarang kitab tafsir *Ruhu Al-Ma'ani* telah menulis buku untuk mengkritik Syi'ah selain dari buku *Mukhtasar Tuhfah Ithna 'Asyariyyah* iaitu ringkasan kepada kitab *Tuhfah Ithna 'Asyariyyah* oleh Syah 'Abdul 'Aziz ad-Dihliwi. Beliau telah menulis buku-buku yang bernama:-
  - i. *Sa'adatu Ad-Darain Fi Syarhi Haditsi Ath-Thaqalain*
  - ii. *Sabbu Al-'Azab 'Ala Man Sabba Al-Ashhab* (*Curahan Azab Ke Atas Orang Yang Memaki Sahabat*)
11. **Syah Waliyullah** (wafat 1176 H) dengan bukunya:-
  - i. *Qurratu Al-'Ainain Fi Tafdhili As-Syaikhain*
  - ii. *Izalatu Al-Khafa 'An Klilafati Al-Khulafa'*
  - iii. *Al-Majmu'atu As-Saniyyah*
12. **Syeikh Ahmad as-Sarhindi** (wafat 1034 H) yang dikenali sebagai Mujaddid Alfi ath-Thani juga telah menulis sebuah risalah dalam bahasa Farsi bernama *Raddi Rawaafidh*.

Selain dari itu ada ramai lagi 'ulama'-ulama' Islam yang telah mengangkat penanya untuk menentang dan memadamkan fitnah yang dinyalakan oleh Syi'ah di dalam masyarakat Islam dahulu.

Jika diperhatikan tulisan-tulisan 'ulama' Islam yang mengkritik Syi'ah atau menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh mereka melalui tulisan-tulisan mereka kita akan mendapati ia bermula lebih kurang pada abad ke-6 H dan abad-abad selepasnya. Adapun pada abad-abad sebelumnya kitab-kitab Syi'ah itu langsung tersembunyi atau jika adapun terlalu sedikit dan tidak sempat sampai ke tangan semua 'ulama' Islam pada masa itu. Kerana itulah 'ulama'-ulama' Islam sebelumnya tidak menulis kitab khusus untuk menentang Syi'ah atau menjawab

persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh mereka. Para ‘ulama’ Islam hanya mengeluarkan pendapat atau fatwa tentang orang-orang Syi’ah berdasarkan amalan dan perkataan mereka semata-mata atau mereka menghukum berdasarkan beberapa peribadi yang dianggap atau dikenali sebagai Syi’ah pada zaman masing-masing.

Ringkasnya golongan Syi’ah lebih menonjol di zaman ummat Islam berada dalam arus kejatuhan dan lebih menyatakan belangnya pada ketika ummat Islam terlalu lemah atau hilang langsung kekuasaan mereka termasuklah di zaman kita ini. Kerana itulah kalau dilihat di dalam sejarah umpamanya sejarah benua kecil India dan Iraq kita akan dapati terlalu banyak kitab-kitab Syi’ah disebarluaskan namun begitu kitab-kitab seperti *Al-Kafi*, *Hayatu Al-Qulub*, *Majalisu Al-Muminin*, *Jila’u Al-’Uyun*, *Biharu Al-Anwar* dan sebagainya tidak tersebar hatta ke zaman Syah Waliyullah. Ia tersebar dan baru sampai ke tangan ‘ulama’ Islam selepas beliau iaitu di zaman anakanda beliau Syah Abdul Aziz, seperti yang diceritakan oleh Maulana Manzur Nu’mani di dalam bukunya *Revolusi Iran*.

Kita sendiripun dapat mengesan bahawa kitab-kitab Syi’ah yang tersebut tadi tidak sampai ke tangan ‘ulama’-‘ulama’ sebelum Syah Abdul Aziz kerana ketika mengkritik Syi’ah atau menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Syi’ah, mereka tidak pernah menyebut nama-nama kitab yang tersebut tadi.

### TARIKH TERDEDAHNYA KITAB-KITAB SYI'AH KEPADA UMUM

Di akhir-akhir zaman kesultanan Delhi di India, terlalu banyak buku-buku Syi'ah disebarluaskan, ceramah-ceramah juga dilancarkan dengan meluas oleh ‘ulama’-‘ulama’ mereka. Maka ramailah ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah bangkit menentang Syi'ah dengan menulis buku-buku untuk mendedahkan ajaran Syi'ah yang sebenar dan mematahkan hujjah-hujjah mereka. Boleh dikatakan tokoh-tokoh ‘ulama’ Islam di India keseluruhannya telah menulis atau memperkatakan tentang ajaran Syi'ah ini melalui tulisan-tulisan dan ceramah-ceramah umum kerana hakikat Syi'ah tidak lagi tersembunyi kepada mereka.

Di sini saya akan menyenaraikan karangan-karangan ‘ulama’ Sunnah di benua kecil India bagi menentang Syi'ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah. Buku-buku yang akan disenaraikan ini telah ditulis pengarang-pengarangnya sebelum tercetusnya lagi Revolusi Iran pimpinan Khomeini. Jadi tidaklah wajar kita mengatakan mereka terpengaruh atau terpedaya dengan politik semasa.

## BUKU-BUKU KRITIK TERHADAP SYI'AH OLEH 'ULAMA'-'ULAMA' SUNNAH INDIA SEBELUM REVOLUSI IRAN

Tokoh-tokoh 'ulama' Sunnah India yang telah tampil menulis tentang Syi'ah sebelum revolusi Iran adalah seperti berikut:-

1. Hujjatul Islam Maulana Muhammad Qasim an-Nanutwi, pengasas Darul Ulum Deoband (wafat 1297 H). Beliau telah menulis sebuah buku untuk menjawab tuduhan-tuduhan Syi'ah terhadap Ahli Sunnah di samping mendedahkan kekarutan ajaran mereka. Buku ini bernama "*Hadiyyatu Asy-Syi'ah*".
2. Faqihu an-Nafs Maulana Rashid Ahmad Gangguhi (wafat 1323 H) pengarang kitab "*Lami'u Ad-Darari Syarah Shahih Al-Bukhari*" (10 Jilid) telah menulis sebuah buku untuk mengkritik Syi'ah bernama "*Hidayatu As-Syi'ah*".
3. Syeikh Khalil Ahmad as-Saharanpuri (wafat 1346 H) pengarang kitab "*Bazlul Majhud Syarah Sunan Abu Daud*" (20 jilid) telah menulis dua buah kitab bagi menjawab persoalan Syi'ah dan mendedahkan kekufuran mereka iaitu "*Mithraqatu Al-Karamah 'Ala Mirati Al-Imamah*" dan "*As-Su'al 'An Jami'i 'ulama' As-Syi'ah*".
4. Syah Abdul Aziz yang digelarkan Musnadul Hind (wafat 1239 H) telah menulis sebuah kitab bagi menjelaskan kekarutan Syi'ah bernama "*Tuhfah Ithna 'Asyariyyah*".
5. As-Syeikh al-Allamah Muhammad bin Ahmadullah at-Thanwi (wafat 1296 H) juga pernah menulis sebuah kritik terhadap fahaman Syi'ah bernama *Tafdhilu Al-Khatanain*.
6. Maulana Ihtishamuddin Muradabadi menulis buku bernama *Nashihatun Asy-Syi'ah*.
7. Maulana Abdul Syakur yang dianggap sebagai Imam Ahli Sunnah di India telah menulis beberapa buah kitab tentang Syi'ah:
  - i. *Tarikh Mazhab Syi'ah* (Sejarah Ugama Syi'ah)
  - ii. *Tuhfa-e Khilafah* (Cenderamata Khilafah)
  - iii. *Tuhfa-e Ehli Sunnat* (Cenderamata dari Ahli Sunnah)

8. Asy-Syeikh al-Mufassir al-Qadhi Tsanaullah Panipati (wafat 1225 H), pengarang *Tafsir Mazhari* (10 jilid) telah menulis beberapa buah buku untuk menolak ajaran Syi'ah, antara lain:-
  - i. *As-Saifu Al-Maslul*
  - ii. *Risalah Fi Hurmati Al-Mut'ah*
9. Nawaab Muhsinul Mulk (wafat 1325 H) seorang mujtahid Syi'ah yang telah meninggalkan ajaran Syi'ah dan menjadi Ahli Sunnah telah menulis sebuah buku untuk membongkar kekarutan ajaran Syi'ah bernama *Aayat Bayyinat* (2 jilid).
10. Dan lain-lain lagi.

## TOKOH-TOKOH ‘ULAMA’ ISLAM YANG MENULIS KHUSUS UNTUK MENGKRITIK DAN MENDEDAKAN AJARAN SYI’AH SELEPAS REVOLUSI IRAN

Beberapa ketika setelah tercetusnya revolusi pimpinan Khomeini di Iran, ‘ulama’ Islam mendiamkan diri untuk memerhatikan sama ada Khomeini dan kerajaan di bawah pimpinannya akan mengotakan apa yang sering mereka laung-laungkan melalui ucapan-ucapan atau buku-buku yang disebarluaskan ke seluruh dunia bahawa Revolusi Iran adalah revolusi ummat Islam sekalian, Iran tidak mementingkan kepuaan, revolusi pimpinan Khomeini membawa perpaduan kepada ummat Islam, Revolusi Iran mahu menghapuskan segala perbezaan mazhab, ia mahu meletakkan ummat Islam semua di bawah panji-panji Islam, selama ini penjahah dan musuh-musuh Islam sahaja yang mengadu-dombakan ummat Islam atas nama Syi’ah dan Sunnah dan sebagainya, padahal mereka sebenarnya adalah ummat yang satu yang percaya kepada Allah, rasul dan hari kemudian, berqiblat ke Ka’bah, bersembahyang, berpuasa, mengerjakan haji ke tanah suci, berzakat dan lain-lain. Jadi sudah sampailah masanya ummat Islam bersatu di bawah satu pimpinan untuk menentang musuh Islam yang sebenarnya yang terdiri dari golongan mustakbirin Amerika dan kuncu-kuncunya.

Pada ketika itu ‘ulama’-‘ulama’ Islam terbahagi kepada dua golongan. Satu golongan tetap tidak mempercayai kata-kata manis yang diucapkan oleh tokoh-tokoh Iran kerana dalam masa yang sama mereka menemui buku-buku yang diterbitkan dan disebarluaskan oleh Bahagian Penerbitan Dan Penerangan Iran sendiri yang memuatkan ‘aqidah-‘aqidah dan ajaran-ajaran Syi’ah sama seperti yang tersebar beberapa abad sebelum revolusi. Buku-buku Khomeini sendiri umpamanya jelas menunjukkan perenggahan di antara apa yang disuarakannya dengan apa yang tersimpan di dalam hatinya. Walaupun beliau seorang tokoh politik yang selalunya lunak ketika berhadapan dengan orang-orang yang tidak sefahaman dengannya tetapi kerana kesetiaannya yang terlalu tinggi terhadap ‘aqidah dan ajaran Syi’ah, beliau tidak dapat menyembunyikannya di dalam tulisan-tulisannya.

Satu golongan lagi dari ‘ulama’ Islam terus menelan apa yang diluahkan oleh pemimpin-pemimpin Revolusi Iran itu tanpa teringat lagi kepada kitab-kitab ‘ulama’ terdahulu dan tanpa mengkaji buku-buku terbitan kerajaan Iran dan ‘ulama’-‘ulama’nya selepas revolusi. Ini hanya berlaku kerana mereka terlalu ghairah dengan kejayaan Revolusi Iran pimpinan ‘ulama’. Kitab-kitab yang menggambarkan hakikat ajaran Syi’ah di celah-celah buku terbitan Iran selepas revolusi dan yang disebarluaskan oleh kerajaan Iran telah ditolak oleh golongan ‘ulama’ ini dengan anggapan kitab-kitab itu telah dicetak dan diedarkan oleh musuh Islam yang terdiri dari ejen-

ejen Amerika seperti Arab Saudi, Iraq dan lain-lain. Sambil memejamkan mata, mereka menolak semua kitab-kitab Syi'ah yang memuatkan caci-maki dan pengkafiran terhadap para sahabat dengan mengatakan bahawa Iran sekarang berlainan Syi'ahnya dari Syi'ah dahulu. Pada hakikatnya golongan 'ulama' ini telah di'brainwash' oleh tokoh-tokoh Iran yang selalu menampakkan kemesraan dengan 'ulama'-ulama' Ahli Sunnah dan menyatakan hasratnya untuk menyatupadukan ummat Islam sedunia.

Kepada 'ulama'-ulama' seperti ini, tidak berguna semua kitab yang ditulis oleh tokoh-tokoh 'ulama' Ahli Sunnah untuk menentang Syi'ah di zaman dahulu dan tidak berguna juga semua kitab 'ulama'-ulama' Ahli Sunnah di zaman sekarang kerana mereka terus akan menuduh golongan 'ulama' yang cuba mendedahkan hakikat ajaran Syi'ah kepada masyarakat sebagai upahan Arab Saudi atau telah menjadi ejen Amerika.

Walau bagaimanapun sekarang hakikat Syi'ah semakin terdedah dan diketahui umum. Walaupun ada golongan 'ulama' yang telah menaruh kepercayaannya kepada tokoh-tokoh pemimpin Revolusi Iran namun 'ulama'-ulama' Islam yang sedar akan tanggungjawabnya tidak putus-putus membuat kajian tentang Syi'ah dan akhirnya mendedahkannya untuk tatapan umum walaupun pendedahan ini dirasakan amat berat oleh segolongan masyarakat di setiap tempat. Untuk menjelaskan hakikat Syi'ah termasuk sebelum dan selepas revolusi, mereka masing-masing telah menulis kitab-kitab atau risalah-risalah tersendiri.

Di sini saya akan senaraikan nama-nama tokoh Ahli Sunnah yang telah menulis tentang Syi'ah selepas revolusi bersama nama kitab-kitab mereka:-

**1. Ustaz Ihsan Ilahi Zahir**

Beliau adalah pengkaji yang tidak ada tolok bandingnya di zaman kini, terutama tentang firaq dan adyan. Beliau telah menulis beberapa buah buku berhubung dengan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah. Buku-buku beliau itu ialah:-

- i. *As-Syi'ah Wa As-Sunnah* yang ditulis 10 tahun sebelum revolusi sebagai jawapan kepada kritik Lutfullah as-Sofi terhadap buku Syeikh Muhibbuddin al-Khatib bernama *Al-Khututu 'Aridhah*.
- ii. *As-Syi'ah Wa Ahlul Bait*
- iii. *As-Syi'ah Wa Al-Qur'an*
- iv. *As-Syi'ah Wa At-Tasyayyu' Firaqun Wa-Tarikh*

- v. *Ar-Raddu 'Ala Ad-Doktor Ali Abdul Wahid Wafi Fi Kitabihi Baina As-Syi'ah Wa Ahli as-Sunnah.* Buku ini ialah sebuah kritik beliau terhadap Dr. Ali Abdul Wahid Wafi dan orang-orang yang terpengaruh dengan usaha-usaha pendekatan antara Ahli Sunnah dan Syi'ah yang ditaja oleh Dar at-Taqrif.
2. **Ustaz Sa'id Hawwa**  
Seorang tokoh Ikhwan Syria yang terkenal, juga telah menulis sebuah risalah bagi menentang ajaran Syi'ah bernama "*Al-Khomeiniyyah Syuzuzun Fi Al-'Aqa'id Wa Syuzuzun Fi Al-Mawaqif*".
3. **Maulana Muhammad Manzur Nu'mani**  
Seorang tokoh 'ulama' di India yang terkenal telah menulis sebuah buku untuk menentang ajaran Syi'ah dahulu dan Syi'ah di bawah pimpinan Khomeini. Bukunya itu bernama "*Irani Inqilab Khomeini Aur Syi'iyyat*". Buku ini kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh Dr. Samir Abdul Hamid Ibrahim dengan nama "*Al-Thauratu Al-Iraniyyah Fi Mizan Al-Islam*".
4. **Syeikh Abu Bakar Jabir Al-Jaza'iri**  
Seorang tokoh 'ulama' dan waa'iz di Masjid Nabi telah menulis sebuah risalah tentang Syi'ah setelah membaca hanya sebuah buku *Al-Kafi* sahaja dan beliau telah dapat membuat keputusan bahawa Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah terkeluar dari Islam. Risalahnya itu bernama "*Haazihi Nashihati Ila Kulli Syi'iyyin*".
5. **Dr. Abdullah Muhammad Al-Gharib**  
Beliau telah menulis sebuah buku yang menyorot sudut sejarah, 'aqidah dan politik Syi'ah yang mencetuskan revolusi di Iran. Buku beliau itu bernama "*Waja'a Dauru Al-Majus*".
6. **Muhammad Malullah**  
Beliau telah menulis beberapa buah buku tentang Syi'ah dan penyelewengannya.
- As-Syi'ah Wa Tahrifu Al-Qur'an.*
  - As-Syi'ah Wa al-Mut'ah.*
  - Naqdu Walayati al-Faqih.*

**7. Maulana Muhammad Nafi'**

Seorang muhaddith dari Pakistan telah menulis beberapa buah buku untuk mendedahkan kekarutan fahaman Syi'ah dan penyelewengannya dalam memahami fakta sejarah, al-Qur'an dan al-Hadits. Buku-buku beliau bemama:-

- i. *Ruhamaa'u Bainahum*
- ii. *Hadith Thaqalain*
- iii. *Aqriba Nawazi*

**8. Maulana Muhammad Nazim an-Nadwi**

Telah menulis sebuah buku bernama "Syi'iyyat Kia He".

**9. Dr. Muhammad Yusuf an-Nagrami**

Juga telah menulis sebuah buku untuk menilai ajaran dan fahaman Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah. Buku itu bemama "As-Syi'ah Fi Al-Mizan".

**10. Syeikh Abdul Sattar at-Tunsawi**

Beliau ialah seorang tokoh 'ulama' dari Pakistan. Buku beliau untuk mendedahkan kebatilan 'aqidah Syi'ah bernama "Butlaanu 'Aqa'idi As-Syi'ah".

## ADAKAH SYI'AH IMAMIYYAH ITHNA 'ASYARIYYAH RAFIDHAH?

Abdullah bin Ahmad bin Hambal berkata: "Aku bertanya ayahku (Imam Ahmad): "Siapakah Rafidhah?" Beliau menjawab: "Orang yang memaki hamun Abu Bakar dan Umar r.a." (*As-Sharimu Al-Maslul Ala Syatimi Ar-Rasul*, halaman 567)

Rafidhah adalah satu golongan Syi'ah pelampau yang menganut fahaman-fahaman yang bertentangan sama sekali dengan ajaran Islam yang suci. Di antara fahaman dan ajaran mereka ialah:-

1. Al-Qur'an yang ada hari ini ialah al-Qur'an yang sudah ditokok tambah dan diselewengkan.
2. Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. telah murtad sepeninggalan Baginda s.a.w.
3. Hadits-hadits yang boleh diterima hanyalah hadits-hadits yang diriwayatkan daripada Imam-Imam Ahlul Bait menurut saluran mereka sahaja. Hadits-hadits yang diriwayatkan oleh kebanyakan sahabat termasuk isteri-isteri Rasulullah s.a.w. adalah tertolak kerana mereka telah murtad selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. dan kerana mereka telah banyak mencipta hadits-hadits palsu.
4. Raj'ah iaitu kepercayaan bahawa imam-imam akan dihidupkan semula sebelum qiamat untuk menghukum orang-orang yang telah merampas hak-hak mereka (ahlul bait) dan telah menganiayai mereka termasuk Sayyidina Abu Bakar, Umar, Usman, 'Aisyah, Mu'awiyah dan lain-lain sahabat.
5. Imamah atau Walayah iaitu kepercayaan bahawa imam-imam dilantik dan ditentukan oleh Allah S.W.T. Imamah adalah salah satu Rukun Iman, sesiapa yang tidak percaya kepada rukun ini tidaklah ia termasuk ke dalam golongan orang-orang mu'min.
6. 'Ismah iaitu kepercayaan bahawa semua imam adalah ma'sum (terpelihara daripada dosa-dosa sama ada besar atau kecil). Imam-imam itu juga tidak tersalah atau tersilap dalam segala tindak tanduknya.
7. Al-Baraa'ah atau Tabarra, iaitu kepercayaan berlepas diri dan memutuskan hubungan kasih sayang dengan semua khalifah-khalifah sebelum Ali r.a., iaitu Abu Bakar, Umar dan Usman r.a.
8. Ghaibah iaitu kepercayaan tentang adanya imam yang lenyap dan akan kembali ke dunia setelah dunia ini dipenuhi oleh kezaliman dan kekacauan, dengan membawa keadilan pemerintahannya.

9. Taqiyyah iaitu kepercayaan menyembunyikan fahaman yang sebenar dan melahirkan yang lain daripada apa yang ada di dalam hati. Taqiyyah merupakan salah satu ciri keimanan bagi orang-orang Syi'ah.
10. Mut'ah (kahwin kontrak) dan lain-lain kepercayaan dan fahaman yang sama sekali tidak ada kena-mengenanya dengan agama Islam.

Lantaran kepercayaan mereka yang menyeleweng dan tersasul begitu jauh sekali dari ajaran Islam yang sebenarnya maka kita dapati ‘ulama’-‘ulama’ Islam sejak dahulu hingga sekarang menentang sekeras-kerasnya segala ajaran dan fahaman yang dibawa oleh mereka. ‘ulama’ Islam telah menggambarkan golongan Rafidah ini dengan seburuk-buruk gambaran malah telah mengeluarkan mereka dari agama Islam yang suci murni. Di bawah ini saya akan nukilkan kata-kata ‘ulama’ tentang Rafidah dan hubungannya dengan Syi’ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah:-

## HUBUNGAN ANTARA RAFIDHAH DENGAN SYI'AH

1. Imam az-Zahabi (wafat 748 H) menulis di dalam kitabnya *Mizan Al-I'tidal*. Kata beliau: "Bid'ah terbahagi dua:-
  - i) Bid'ah kecil seperti berfahaman Syi'ah dengan tidak melampau (umpamanya melebihkan Sayyidina Ali daripada Sayyidina Usman r.a.). Golongan seperti ini ramai di kalangan tabi'in dan tab'i at-tabi'in. Mereka adalah golongan yang kuat beragama, warak dan benar. Jika riwayat orang yang seperti ini ditolak, tentulah akan kehilangan sejumlah besar daripada aatsar nabawiyah dan ini adalah satu kerusakan yang nyata.
  - ii) Bid'ah besar seperti berfahaman rafdh dan terlalu memuja-muja Sayyidina Ali dan merendah-rendahkan Sayyidina Abu Bakar dan Umar di samping menyeru orang lain kepada fahaman mereka. Golongan Syi'ah yang melampau seperti ini tidak boleh dijadikan hujjah dan tidak boleh dihormati apalagi hari ini saya tidak menemui seorang pun dari golongan ini yang benar dan boleh dipercayai kerana bohong telah menjadi syiar mereka, taqiyyah dan nifaq telah menjadi selimut mereka. (*Az-Zahabi, Mizan Al-I'tidal, jilid 1, halaman 5-6*) Imam as-Suyuti juga telah menukilkhan kata-kata az-Zahabi ini di dalam kitabnya "*Tadrib Ar-Rawi*". Selepas menukilkhan kata-kata az-Zahabi ini Imam as-Suyuti menuliskan begini; "Apa yang dikatakan oleh az-Zahabi itulah yang betul dan tidak halal seseorang Muslim mempercayai selain dari apa yang dikatakannya itu." (*As-Suyuti, Tadrib Ar-Rawi, jilid 1, halaman 327*)
2. Imam Sya'bi (wafat 103 H) berkata: "Tidak pernah kulihat golongan yang lebih bodoh daripada Syi'ah. Sekiranya mereka binatang berkaki empat tentu mereka keldai dan sekiranya mereka dari kalangan burung, tentu mereka ini burung oreng. Yahudi dan Kristian lebih baik dari golongan rafidhah ini kerana dua sifat mereka iaitu: Jika kamu bertanya orang-orang Yahudi: "Siapakah orang-orang yang terbaik di antara pengikut-pengikut agama kamu?" Mereka akan menjawab: "Sahabat-sahabat Nabi Musa." Sekiranya kamu bertanya orang-orang Kristian: "Siapakah yang terbaik di antara penganut-penganut agama kamu?" Mereka akan menjawab, "Hawari (sahabat-sahabat) Nabi Isa." Tetapi jika kamu bertanya golongan Rafidhah: "Siapakah orang yang paling jahat di antara pengikut-pengikut agama kamu?" Mereka akan menjawab: "Sahabat-

sahabat Nabi Muhammad s.a.w." Mereka disuruh supaya beristighfar untuk para sahabat tetapi sebaliknya mereka mengutuk sahabat-sahabat Nabi Muhammad s.a.w." (*Minhaj As-Sunnah, jilid 1, halaman 7*)

3. Yazid bin Harun (wafat 206 H) berkata: "Boleh dicatit hadits daripada sekalian ahli bid'ah yang tidak menyeru kepada bid'ahnya kecuali Rafidhah." (*As-Suyuti, Tadrib Ar-Rawi, jilid 1 halaman 327*)
4. Syarik (wafat 177 H) berkata: "Terimalah hadits daripada semua orang yang engkau temui kecuali Rafidhah." (*Ibid*)
5. Ibn al-Mubarak (wafat 181 H) berkata: "Jangan kamu meriwayatkan daripada Amar bin Thabit kerana dia selalu memburuk-burukkan sahabat." (*Ibid*)

## PERSAMAAN ANTARA SYI'AH IMAMIYYAH ITHNA 'ASYARIYYAH DENGAN RAFIDHAH

Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani (wafat 852 H) berkata: "Tasyayyu' (berfahaman Syi'ah) ialah menyintai Ali dan mengutamakannya daripada sahabat-sahabat yang lain. Orang yang mengutamakan Ali daripada Abu Bakar dan Umar r.a. adalah Syi'ah yang melampau di dalam fahamannya. Syi'ah yang melampau ini dipanggil juga Rafidhi atau Rafidhah. Jika ia tidak mengutamakan Sayyidina Ali daripada Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar, maka ia hanya seorang Syi'ah. Jika di samping mengutamakan Sayyidina Ali daripada Sayyidina Abu Bakar dan Umar, ia juga memaki atau menyatakan juga dengan jelas kebenciannya terhadap mereka berdua maka ia adalah melampau dalam rafdhnya. Jika ia mempercayai raj'ah juga maka ia adalah orang yang terlalu melampau dalam rafdhnya." (*Al-'Asqalani, Al-Hadyu As-Sari Muqaddimah Fathu Al-Baari, jilid 2, halaman 213*)

Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani juga menulis di dalam kitabnya *Tahzibu At-Tahzib*; Syi'ah di dalam istilah 'ulama' mutaqaddimin ialah mempercayai keutamaan Ali lebih daripada keutamaan Usman dan Ali berada di pihak benar dalam semua peperangannya. Orang-orang yang menentangnya adalah salah. Di samping itu mereka (Syi'ah itu) mengutamakan Abu Bakar dan Umar daripada Ali sendiri... Syi'ah di dalam istilah 'ulama' mutaakhirin ialah "Rafidhah Tulen". Riwayat seorang Rafidhah yang melampau dalam fahamannya tidak boleh diterima sama sekali dan tidak ada kehormatan sama sekali bagi mereka. (Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani, *Tahzibu At-Tahzib*, jilid 1, halaman 94, Maulana Zafar Ahmad Usmani, *Inhaa'u As-Sakan*, halaman 59, Hakim Mahmod Ahmad Zafar, Sayyidina Mu'awiyah - Syakhsiat Aur Kirdar jilid 2 halaman 25)

Dari keterangan yang disebutkan di atas, jelaslah kepada kita bahawa bukan semua Syi'ah itu Rafidhah. Sebagaimana yang telah dikatakan oleh Hafiz Zahabi sebelum ini, ramai di antara tabi'in dan tab'i at-tabi'in, malah ada juga beberapa orang dari kalangan sahabat yang mengutamakan Sayyidina Ali daripada Sayyidina Usman r.a. sedangkan mereka adalah orang-orang yang kuat beragama, warak dan benar. Az-Zahabi menyatakan: "Jika riwayat orang yang seperti ini ditolak, tentulah akan kehilangan sejumlah besar daripada aatsar nabawiyah dan ini adalah satu kerosakan yang nyata."

Berdasarkan perbezaan inilah maka kita dapat ramai perawi-perawi Syi'ah di dalam sanad-sanad hadits Imam-Imam Ahli Sunnah Wal Jama'ah seperti Bukhari, Muslim, Nasa'i dan lain-lain kerana perawi-perawi Syi'ah ini ialah Syi'ah Mufadhdhilah (Syi'ah yang mengutamakan Sayyidina Ali daripada Sayyidina Usman) seperti yang telah disebutkan oleh Ibn Hajar, Hafiz

Zahabi dan lain-lain mengenai ta‘rif Syi‘ah di sisi ‘ulama’ mutaqaddimin. Syi‘ah ini tidak sampai ke peringkat Syi‘ah Rafidah.

Untuk lebih jelas lagi tentang Syi‘ah yang diterima oleh Imam-Imam Ahli Sunnah, perhatikanlah kata-kata Imam az-Zahabi ini iaitu, “Syi‘ah yang melampau di zaman salaf dan menurut ‘uruf (istilah) mereka ialah orang-orang yang mempertikaikan dan memburuk-burukkan Sayyidina Usman, Zubair, Talhah, Mu‘awiyah dan segolongan orang yang berperang dengan Sayyidina Ali r.a. Tetapi Syi‘ah yang melampau di zaman kita ini dan menurut ‘uruf kita hari ini ialah orang-orang yang mengkafirkan sahabat yang tersebut itu serta berlepas diri daripada Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar. Syi‘ah yang seperti ini jelas sesatnya dan karutnya.” (*Az-Zahabi, Mizan Al-I‘tidal, jilid 1, halaman 6*)

Berdasarkan keterangan-keterangan ini, maka hanya orang jahil sahaja akan berani menjadikan perawi-perawi yang dianggap sebagai Syi‘ah, yang tersebut di dalam Sahih Bukhari, Muslim dan lain-lain, sebagai alasan untuk mengatakan bahawa Syi‘ah bukan satu ajaran yang menyeleweng dari Islam. Mereka beranggapan bahawa jika perawi-perawi tersebut menyeleweng atau bukan Islam, tentulah tokoh-tokoh hadits Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak menerima periwayatan mereka. Orang-orang yang berpegang dengan alasan-alasan demikian jelaslah orang-orang yang jahil tentang kitab-kitab ‘ulama’ Ahli Sunnah atau pura-pura jahil tentang apa yang tersebut di dalam kitab-kitab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jika mereka memerhatikan keterangan-keterangan yang telah penulis berikan tadi, nescaya akan jelaslah kepada mereka bahawa Syi‘ah yang diterima periwayatannya oleh Ahli Sunnah itu adalah lain daripada Syi‘ah Imamiyyah yang berpegang dengan berbagai-bagai fahaman yang sesat dan karut

Perhatikanlah Imam Muslim di dalam Muqaddimah Sahihnya meriwayatkan daripada Abu Ghassan Muhammad bin Amar ar-Razi, katanya: “Aku mendengar Jarir berkata: “Aku bertemu Jabir bin Yazid al-Ju‘fi tetapi tidak mencatatkan sesuatu hadits daripadanya (tidak menerima hadits periwayatannya) kerana beliau percaya kepada ‘aqidah raj‘ah.” (*Sahih Muslim, jilid 1, halaman 101*)

Dari sini nyatalah kepada kita bahawa tokoh-tokoh Ahli Sunnah tidak menerima hadits daripada Syi‘ah yang berfahaman seperti Ithna ‘Asyariyyah tetapi mereka menerima periwayatan dari golongan Syi‘ah Mufadhdhilah sahaja.

Kuncu-kuncu Syi'ah Imamiyyah Ithna Asyariyyah cuba menafikan hubungannya dengan Rafidah. Oleh kerana fahaman-fahaman Rafidah yang begitu jelik serta telah ditolak oleh 'ulama' Islam dahulu, maka kita melihat pengembang-pengembang ajaran Syi'ah di mana-mana sahaja mengelak diri dari nama Rafidah ini dengan mengatakan bahawa Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah sendiri telah menolak dan mengutuk golongan Rafidah dan Syi'ah Imamiyyah tidak seperti ajaran Rafidah yang menyeleweng itu. Mereka mengatakan bahawa Syi'ah yang ditolak oleh 'ulama' dahulu ialah Syi'ah Rafidah bukan Syi'ah Imamiyyah yang dianuti majoriti penduduk Iran hari ini.

Untuk melindungi hakikat Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah yang sebenarnya, mereka terlupa kepada dalil yang selalu mereka gunakan untuk membuktikan kebenaran Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah, iaitu dengan mengemukakan kononnya pengisytiharan Imam Syafie mengenai dirinya sebagai Syi'ah Rafidah di dalam syairnya:-

إِنْ كَانَ رَفِضًا حُبًّا آلَ مُحَمَّدٍ \* فَلَيَعْلَمَ الظَّالَمُونَ أَنِّي رَأَفَضْتُ

*"Kiranya faham 'rafdh' itu bererti cintakan keluarga Muhammad, maka biarlah jin dan manusia mengetahui bahawa aku seorang Rafidhi."*

Golongan Syi'ah Imamiyyah mengemukakan dalil ini untuk menunjukkan bahawa Rafidah itu bukanlah suatu fahaman yang jelik dan ditolak, malah ia suatu fahaman yang dibanggakan kerana fahamannya yang begitu nyata dalam mencintai Ahlul Bait sehingga 'ulama' seperti Imam Syafie pun berterus-terang mengisytiharkan dirinya sebagai seorang Rafidah. Padahal sebenarnya Imam Syafie adalah seorang yang sangat bencikan golongan Rafidah sebagaimana nyata daripada kata-kata beliau yang telah kita kemukakan sebelum ini, iaitu, "Tidak pernah aku lihat satu golongan yang lebih pembohong daripada golongan Rafidah."(halaman 4) Jika syair ini kita terima, tentulah akan berlaku pertentangan di antara dua pendapat beliau itu, dan syair ini juga akan membuka tabir yang menudungi hakikat Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah yang sebenarnya, iaitu Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah ialah Rafidah, dan kata-kata mereka bahawa Syi'ah Imamiyyah bukan Rafidah tidak lebih daripada tabir yang dihulurkan semata-mata untuk mengabui mata orang-orang yang tiada mengetahui hakikat mereka.

Kita tidak memerlukan kepada syair yang seperti itu untuk membuktikan Syi'ah Imamiyyah Ithhna 'Asyariyyah sebagai Rafidah, tetapi kita akan membuktikannya berdasarkan kitab-kitab Syi'ah sendiri;

1. Diriwayatkan dari Uyainah penjual tebu dan Abi Abdillah (Ja'far Sadiq). Kata beliau: "Demi Allah! Sesungguhnya sangat baik nama yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu itu selama kamu berpegang dengan kata-kata kami dan tidak membohongi kami." Abu Abdillah berkata demikian kepadaku ketika aku berkata kepadanya bahawa ada seorang berkata kepadaku: "Jagalah dirimu daripada menjadi Rafidhi (seorang Rafidah)." (*Al-Barqi, Kitab Al-Mahasin, Bab Rafidhah, halaman 157, Syeikh Abbas al-Qummi, Safinatu Al-Bihar, jilid 1, halaman 531*)
2. Diriwayatkan daripada Abi al-Jarud katanya: "Biarlah Allah menulikan kedua telinganya sebagaimana Allah telah membuatkan kedua matanya jika ia tidak mendengar Abu Ja'far (Muhammad al-Baqir) berkata: "Sesungguhnya si fulan menamakan kita dengan satu nama." Beliau berkata: "Apakah nama itu?" Katanya: "Ia menamakan kita Rafidah." Abu Jaafar lalu berkata sambil menunjukkan ke dadanya: "Aku salah seorang Rafidah dan dia adalah daripadaku (Rafidah juga)." Beliau berkata demikian sebanyak tiga kali. (*Ibid*)
3. Diriwayatkan dari Abi Basir katanya: "Aku berkata kepada Abu Ja'far a.s: "Semoga diriku dijadikan tebusan untukmu. Satu nama yang menyebabkan penguasa-penguasa menghalalkan darah kita, harta-harta benda kita dan penyeksaan terhadap kita." Abu Ja'far berkata: "Apakah nama itu?" Berkata Abu Basir: "Ar-Rafidhah." Langsung Abu Ja'far a.s. berkata: "Sesungguhnya 70 orang dari tentera Fir'aun telah menolak dan meninggalkan Fir'aun dan bergabung dengan Musa a.s. Tidak ada seorang pun dari kaum Musa yang lebih bersungguh (kuat beribadat) dan lebih mencintai Harun dari mereka, kerana itu kaum Musa menamakan mereka Rafidah. Maka Allah mewahyukan kepada Musa supaya mencatatkan nama itu ke dalam Taurat kerana Aku (Allah) telah mengurniakan nama itu kepada mereka. (Kata Abu Ja'far) Itulah nama yang Allah telah kurniakan kepada kamu." (*Ibid*)

Al-Kulaini mengemukakan satu riwayat yang panjang lebar berkenaan hubungan Syi'ah dengan Rafidah. Saya akan mengemukakan sebahagian sahaja dari isi riwayat tersebut yang

berkaitan dengan maksud yang sedang kita bicarakan kerana khawatir akan menjadi terlalu besar pula buku ini. Riwayat itu bermaksud;

...Abu Basir berkata: "Semoga diriku dijadikan tebusan untukmu. Sesungguhnya kita digelarkan dengan satu gelaran yang kerananya belakang-bacakang kita patah dan hati kita kecut. Penguasa-penguasa pula menghalalkan darah kita kerana satu hadits yang diriwayatkan kepada mereka oleh 'ulama'-'ulama' mereka." Abu Abdillah berkata: "Rafidhah?" Berkata Abu Basir: "Ya." Abu Abdillah pun berkata: "Tidak! Demi Allah! Bukan mereka yang menggelarkan kamu begitu tetapi Allahlah yang menggelarkan kamu begitu. Tidakkah engkau tahu wahai Abu Muhammad bahawa 70 orang dari Bani Isra'il telah menolak Fir'aun dan kuncu-kuncunya apabila jelas kepada mereka kesesatannya, lalu mereka menggabungkan diri dengan Musa a.s setelah nyata kepada mereka petunjuk yang dibawanya. Di dalam tentera Musa mereka dinamakan ar-Rafidhah kerana mereka telah menolak Fir'aun. Mereka golongan yang paling kuat beribadat dari tentera Nabi Musa dan paling kasih kepada Musa dan Harun dan anak cucu keduanya. Maka Allahlah yang mewahyukan kepada Nabi Musa supaya mencatatkan gelaran (nama) ini untuk mereka, "Bahawa Aku telah menamakan mereka demikian dan mengurniakan nama itu kepada mereka." (*Al-Kulaini, Ar-Raudhah Min Al-Kafi, jilid 8, halaman 34*)

Daripada petikan-petikan ini jelaslah kepada pembaca sekalian bahawa Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah menganggap nama Rafidhah sebagai satu kebanggaan kepada mereka kerana kononnya nama itu diberikan oleh Allah dan telah tercatit di dalam kitab Taurat. Adakah golongan yang telah menafikan hubungan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah dengan Rafidhah jahil tentang hakikat ini? Atau jika mereka mengetahuinya kenapakah mereka berusaha memisahkan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah daripada Rafidhah? Siapakah yang lebih tahu tentang Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah? Al-Barqi, al-Qummi, al-Kulaini atau mereka?

Golongan yang cuba memisahkan antara Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah ini termasuk juga golongan yang dianggap sebagai 'ulama' yang telah terpengaruh dengan tipu daya Syi'ah yang mengatakan tidak ada hubungan di antara Syi'ah Imamiyyah dengan Rafidhah. Adakah pendapat dan fatwa 'ulama' yang jahil seperti ini boleh diterima? Bolehkah kita mengatakan 'ulama'-'ulama' yang telah menganggap Syi'ah Imamiyyah sebagai salah satu cabang Islam telah membaca dengan teliti kitab-kitab Syi'ah yang terpenting yang menjadi rujukan Syi'ah dahulu dan sekarang? Selain dari itu apakah bezanya 'aqidah Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah dengan 'aqidah Rafidhah? Jika Rafidhah menganggap al-Qur'an yang ada hari ini tidak terpelihara sebagaimana asalnya diturunkan, tidakkah Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah

juga menganggap demikian? Kita akan mengemukakan di sini beberapa rujukan Syi'ah berhubung dengan perkara ini.

### **SYI'AH DAN AL-QUR'AN**

1. Orang yang mendakwa telah mengumpulkan al-Qur'an dengan lengkap adalah pembohong besar. Al-Qur'an sebagaimana yang telah diturunkan oleh Allah hanya dikumpul dan disimpan oleh Ali bin Abi Talib dan imam-imam selepasnya. (*Al-Kulaini, Al-Kafi, jilid 1, halaman 228*)
2. Al-Kulaini meriwayatkan lagi di dalam *Al-Kafinya*, bahawa Abu Husain Musa a.s. menulis surat kepada Ali bin Suwaid ketika beliau berada di dalam penjara; "Janganlah kamu mencari agama orang yang bukan dari kalangan Syi'ahmu. Janganlah sekali-kali kamu suka kepada agama mereka kerana mereka adalah pengkhianat. Mereka telah mengkhianati Allah dan rasul-Nya dan telah mengkhianati amanah yang telah diserahkan kepada mereka. Tahukah kamu apakah pengkhianatan yang telah dilakukan terhadap amanah yang diserahkan itu? Mereka telah diamanahkan supaya menjaga kitab Allah (Al-Qur'an) tetapi mereka telah memesongkannya dan menukargantikan isinya." (*Ar-Raudhah Min al-Kafi jilid , halaman 125*)
3. Al-Kulaini menyebutkan lagi di dalam *Al-Kafinya* bahawa Hisyam bin Salim meriwayatkan dari Abi Abdillah (Ja'far as-Sadiq) bahawa beliau berkata: "Sesungguhnya al-Quran yang diturunkan oleh Jibril a.s. kepada Muhammad s.a.w. mengandungi sebanyak 17,000 ayat." 'Allamah Khalil al-Qazwini di dalam "*As-Shafi Syarah Usul Al-Kafi*", *Bab Kelebihan al-Quran (jilid 6, halaman 75)*, menghuraikan kata-kata Ja'far as-Sadiq yang tersebut di atas begini; "Kata-kata beliau itu bermaksud bahawa sebahagian besar al-Qur'an yang asal (yang dibawakan oleh Jibril a.s) telah digugur atau dihilangkan. Di dalam naskhah al-Quran yang wujud dan masyhur di kalangan orang ramai hari ini tidak terdapat ayat-ayat yang digugur dan dibuang itu."
4. Kamaluddin Maitsam al-Bahrani menulis tentang pengumpulan al-Quran oleh Sayyidina Usman r.a. bahawa; "Beliau telah menyatakan orang ramai di atas qira'at Zaid bin Thabit sahaja dan membakar semua mushaf-mushaf yang lain. Beliau telah membatalkan (membuang) ayat-ayat yang tidak syak lagi merupakan sebahagian daripada al-Qur'an." (*Maitsam Al-Bahrani, Syarah Nahjul Balaghah, jilid 11, halaman 1*)

5. Diriwayatkan dari Buraid al-Ijli dari Abi Abdillah (Ja'far Sadiq a.s.) katanya: "Allah telah menurunkan nama 7 orang dengan jelas di dalam al-Qur'an tetapi orang-orang Quraisy telah menghapuskan nama 6 daripada mereka dan meninggalkan nama Abu Lahab sahaja." (*Syeikh at-Ta'ifah al-Imamiyyah Abu Ja'far at-Thusi, Ikhtiar Ma'rifati Ar-Rijal, jilid 3, halaman 290*)

Mirza Husain Muhammad Taqiy at-Tabarsi an-Nuri menulis di dalam kitabnya "*Fashlul Khitab*"; "Dalil yang ke-12 ialah riwayat imam-imam ma'sum berhubung dengan tempat-tempat tertentu di dalam al-Quran yang menunjukkan telah berlaku pengubahan dan tukar ganti pada kalimah-kalimah, ayat-ayat dari surah-surah al-Qur'an yang ada hari ini. Pengubahan dan tukar ganti seperti ini telah berlaku dengan banyak sekali sehingga Sayyid Nikmatullah al-Jaza'iri di dalam beberapa karangannya berkata: "Hadits-hadits daripada Imam-Imam Ahlul Bait yang menunjukkan adanya tukar ganti di dalam al-Qur'an, melebihi 2,000."

Segolongan tokoh 'ulama' kita seperti Syeikh Mufid, Muhaqqiq ad-Damad, 'Allamah al-Majlisi dan lain-lain mendakwa hadits-hadits ini sampai ke peringkat mustafidh dan masyhur. Syeikh at-Thusi juga dengan jelas menulis di dalam bukunya *At-Tibyan* tentang perkara ini, malah ada segolongan 'ulama' kita seperti yang akan disebutkan nanti, telah mendakwa mutawatirnya hadits-hadits yang menunjukkan perkara ini." (*At-Tabarsi, Fashlul Khitab, halaman 251*) At-Tabarsi ialah seorang tokoh Syi'ah yang mu'tabar dan diakui ketokohnya oleh 'ulama'-ulama' Syi'ah yang lain seperti Agha buzrug at-Tehrani, Syeikh Abbas al-Qummi dan lain-lain.

## SYI'AH DAN SAHABAT

Jika Rafidah memaki hamun dan mengkafirkan para sahabat termasuk Sayyidina Abu Bakar, Umar dan sahabat-sahabat besar Rasulullah s.a.w. yang lain dan berlepas diri dari mereka semua, maka Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah tidak berbeza daripada fahaman Rafidah itu kerana kitab-kitab mereka yang mu'tabar penuh dengan caci maki dan riwayat-riwayat yang mengkafirkan para sahabat termasuk sahabat besar Rasulullah s.a.w. Di sini saya akan mengemukakan beberapa contoh dari kitab-kitab mereka sendiri.

Sebelum itu perlulah diketahui bahawa perselisihan pendapat 'ulama' hanya berlaku berhubung dengan kafir atau tidaknya orang yang mencaci dan memburuk-burukkan para sahabat tetapi mereka tidak berselisih pendapat tentang kafirnya orang yang mengkafirkan para sahabat agung Rasulullah s.a.w. seperti Sayyidina Abu Bakar, Umar, Abdul Rahman bin Auf, Zubair bin Awwam, Talhah bin Ubaidillah dan lain-lain. Tetapi Syi'ah di dalam kitab-kitab mereka jelas telah mengkafirkan para sahabat termasuk sahabat agung Rasulullah s.a.w. yang tersebut tadi. Menafikan perkara ini sama seperti menafikan siang pada waktu matahari berada di tengah langit atau perkara ini hanya dapat dinafikan oleh orang-orang yang buta mata hatinya seperti mana tidak bergunanya cahaya matahari yang terang benderang itu kepada orang yang buta matanya. Di sini saya akan kemukakan beberapa contoh daripada kitab Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah sendiri bahawa mereka mengatakan sahabat Rasulullah s.a.w. telah murtad sepeninggalan baginda. Pendapat mereka ini tidak berbeza dari dahulu sampai sekarang.

1. At-Thusi meriwayatkan di dalam *Rijal Al-Kasyi* bahawa Abu Ja'far (Muhammad al-Baqir) berkata bahawa para sahabat telah murtad setelah kewafatan Rasulullah kecuali Miqdad bin Aswad, Abu Dzar al-Ghfari dan Salman al-Farisi. (*Rijal Al- Kasyi jilid 1 halaman 6*)
2. At-Thusi meriwayatkan lagi dari Humran katanya: "Aku berkata kepada Abu Ja'far: "Alangkah sedikitnya bilangan orang-orang kita sehingga kalau kita berkumpul untuk merebahkan seekor biri-biri pun tidak akan dapat." Humran berkata: "Maka Abu Ja'far berkata: "Mahukah aku ceritakan perkara yang lebih aneh dari itu?" Humran berkata: "Ya." Maka Abu Ja'far berkata: "Orang-orang Muhajirin dan Ansar telah pergi (murtad) kecuali tiga (dan beliau pun mengisyaratkan dengan tangannya)." (*Ibid*)

3. Diriwayatkan dari Abi Ja'far a.s: "Anak-anak Ya'qub bukan nabi tetapi mereka adalah asbat kepada anak-anak Nabi. Mereka tidak meninggalkan dunia melainkan dalam keadaan bahagia. Mereka telah bertaubat dan menyesal di atas apa yang mereka lakukan tetapi Abu Bakar dan Umar telah meninggal dunia dalam keadaan tidak bertaubat dan tidak menyesali apa yang telah dilakukannya terhadap Amirul Mu'minin Ali a.s. Mereka berdua dilaknat oleh Allah, para malaikat dan manusia seluruhnya." (*Al-Kulaini, Ar-Raudhah Min Al-Kafi, jilid 8, halaman 246*)
4. Diriwayatkan daripada Abi Ja'far a.s. Kata beliau: "Para sahabat telah murtad sepeninggalan Nabi s.a.w. kecuali tiga orang daripada mereka." Perawi bertanya: "Siapakah yang tiga itu?" Abi Ja'far menjawab: "Miqdad bin Aswad, Abu Dzar al-Ghfari dan Salman al-Farisi." (*Ibid, halaman 245*)
5. Ayatullah al-'Uzma Sayyid Murtadha al-Husaini al-Fairuzabadi di dalam kitabnya *As-Sab'ah Min As-Salaf* telah mengkafirkan Abu Bakar, Umar, Usman, Abdul Rahman bin Auf, Sa'ad bin Abi Waqqas, Abu Ubaidah al-Jarrah, Mu'awiyah, Abu Sa'id al-Khudri, Bara' bin 'Azib dan lain-lain. (*Lihat halaman 29,32,71,78,81,85, 107,120 dan 211*)
6. Ayatullah al-Uzma Khomeini di dalam kitabnya *Kasyfu Al-Asrar* telah mengkafirkan Sayyidina Umar. (*Lihat halaman 137 dan 176, edisi Arab dan halaman 119 dan 153 edisi Farsi*) Beliau menganggap Abu Bakar dan Umar jahil tentang hukum Allah dan mereka menjadikannya sebagai bahan permainan kanak-kanak. (*Halaman 110-111, edisi Farsi*) Beliau juga menuduh Abu Bakar dan Umar mereka hadits atas nama Rasulullah s.a.w. (*Halaman 131 dan 138 edisi Arab 114 dan 120 edisi Farsi*)

## SYI'AH DAN RAJ'AH

Jika golongan Rafidah mempercayai Raj'ah maka golongan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah juga tidak ketinggalan dalam kepercayaan ini. Untuk itu saya akan kemukakan beberapa rujukan Syi'ah untuk diperhatikan oleh pembaca sekalian.

1. Diriwayatkan dari Ja'far as-Sadiq bahawa beliau berkata: "Tidak ada seorang nabi dan Rasul pun yang diutuskan Allah melainkan akan dikembalikan mereka semua ke dunia untuk berperang di hadapan Ali bin Abi Talib. (*Nur Ath-Thaqalain, jilid 1, halaman 359, Al-Majlisi, Biharu Al-Anwar, jilid 13, halaman 210*) Perkara yang sama juga tersebut di dalam *Tafsir Al-'Ayasyi, jilid 1, halaman 281, Al-Burhan jilid 1, halaman 295.*)
2. At-Tabarsi menyebut di dalam tafsirnya *Majma' Al-Bayan (jilid 1 halaman 50)*; "Bahawa para imam akan dibangkitkan kembali (raj'ah) sebelum qiamat sebagai mukjizat mereka."
3. Al-Hurru al-'Amili berkata: "Di antara perkara yang menunjukkan ijma' para 'ulama' Syi'ah tentang raj'ah ialah persefikatan mereka dalam menerima hadits-hadits raj'ah sehingga tidak ada sebuah kitab pun daripada kitab-kitab Syi'ah yang tidak menyebut tentang raj'ah dan mereka ('ulama' Syi'ah) tidak pula mendhaifkan walaupun satu hadits daripadanya, di samping tidak juga ditakwilkannya. Dari itu diketahui bahawa para 'ulama' Syi'ah menyakini dan beri' tiqad terhadap isi kandungannya kerana selalunya mereka akan mendhaifkan setiap hadits yang bercanggah dengan apa yang telah sedia diterima atau mereka cuba mentakwilkannya jika didapati sesuatu hadits itu bertentangan dengan 'aqidah mereka. (*Al-'Iqaz Min Al-Haja'ah, halaman 42 - 43*)
4. Al-Majlisi berkata di dalam kitab besarnya *Biharu Al-Anwar* selepas mengemukakan beberapa banyak riwayat-riwayat (Syi'ah) tentang raj'ah: "Ketahuilah wahai saudaraku, aku yakin bahawa engkau tidak akan meragui lagi tentang raj'ah setelah aku menjelaskan kedudukannya yang telah diijma' oleh Syi'ah di setiap zaman dan kepercayaan tentangnya di kalangan mereka terlalu jelas dan umum bagaimanapun matahari di siang hari. Bagaimanakah seseorang mu'min (Syi'ah) akan meragui kebenaran para imam mereka yang suci di dalam hadits-hadits mutawatir yang telah diriwayatkan dari mereka oleh lebih dari 200 orang dan telah diriwayatkan pula oleh lebih 40 orang tokoh-tokoh 'ulama' yang dipercayai di dalam lebih dari 50 karangan mereka masing-masing." (*Al-Majlisi, Biharu Al-Anwar, jilid 13, halaman 225*)

## SYI'AH DAN IMAMAH

Jika golongan Rafidah menganggap orang-orang yang tidak mempercayai keimaman para imam yang ma'sum sebagai sesat, maka golongan Syiah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah juga tidak berbeza dengan Rafidah dalam soal ini. Tetapi kuncu-kuncu Syi'ah sekarang mengatakan bahawa kepercayaan kepada Imamah adalah termasuk dalam "Usul Ekslusif Syi'ah" dengan erti orang yang tidak mempercayainya tetap muslim tetapi muslim bukan Syi'ah sedangkan orang yang mempercayainya adalah muslim Syi'ah. Jika benar seperti kata mereka bererti ajaran Syi'ah membeza-bezakan di antara orang-orang Islam dan tentu sekali bagi mereka, Syi'ahlah yang lebih baik daripada golongan Islam yang lain. Dari manakah mereka mengambil konsep diskriminasi seperti ini? Sedangkan Allah S.W.T. telah berfirman:-

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْقَاصُكُمْ

Bermaksud: "Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa." (Surah Al-Hujurat, ayat 13)

Adakah yang dimaksudkan dengan yang paling bertaqwa itu termasuk juga orang yang percaya kepada Imamah? Perbezaan yang seperti ini hanya diada-adakan oleh tokoh-tokoh Syi'ah kemudian yang mahu menunjukkan sikap terbuka Syi'ah terhadap golongan Islam yang lain berdasarkan ajaran taqiyah mereka, padahal ajaran Syi'ah yang sebenarnya tidaklah seperti yang mereka dakwakan itu. Kita akan kemukakan di bawah ini ajaran Syi'ah yang sebenarnya berdasarkan kitab-kitab 'ulama' mereka yang mu'tabar dan dianggap sebagai tempat rujukan.

1. Diriwayatkan dari Abi Abdillah a.s. Katanya: "Kamilah orang yang difardhukan Allah supaya ditaati. Setiap orang mesti mengenali kami. Tidak dimaafkan orang yang tidak mengenali kami. Orang yang mengenali kami adalah mu'min. Sesiapa yang tidak mengenali kami dan menolak kami, dia adalah kafir. Orang yang tidak mengenali kami tetapi tidak menolak kami adalah sesat, sehingga ia kembali kepada petunjuk yang Allah fardhukan ke atasnya iaitu kewajipan mentaati kami. Sekiranya ia mati dalam kesesatannya maka Allah akan melakukan apa yang dikehendaki-Nya terhadapnya." (*Al-Kulaini, Al-Kafi, jilid 1, halaman 187*)
2. Diriwayatkan dari Abi Hamzah. Kata beliau: "Abu Ja'far as-Sadiq a.s. berkata kepadaku: "Sesungguhnya orang yang mengenali Allah sahajalah yang menyembah Allah. Sesiapa

yang tidak mengenali Allah bererti ia menyembah-Nya dalam sesat.” Aku (Abi Hamzah) bertanya: “Semoga diriku dijadikan tebusan untukmu, apakah yang dimaksudkan dengan mengenali Allah?” Beliau (Abu Ja’far) menjawab: “Membenarkan Allah, membenarkan rasul-Nya s.a.w., menerima Ali dan imam-imam sebagai imam yang benar dan pembawa petunjuk dan berlepas diri daripada musuh-musuh mereka (para imam). Begitulah Allah dikenali.” (*Al-Usul Min Al-Kafi, jilid 4, halaman 180*)

3. Diriwayatkan dari Jabir, beliau berkata: “Aku mendengar Abu Ja’far a.s. berkata: “Sesungguhnya orang-orang yang mengenali Allah dan imam-Nya dari kalangan kami Ahlul Bait sahaja yang mengenali Allah dan menyembah-Nya. Orang yang tidak mengenali Allah dan tidak mengenali imam-Nya dari kalangan kami Ahlul Bait sebenarnya ia mengenali dan menyembah selain dari Allah. Demi Allah! Begitulah cara mereka sesat.” (*Ibid, halaman 181*)
4. Diriwayatkan dari Muqrin katanya: “Aku mendengar Abi Abdillah (Ja’far Sadiq) berkata: “Ibn al-Kawwa datang menemui Amirul Mu’mimin (Ali a.s) lalu ia pun bertanya: “Wahai Amirul Mu’mimin! Siapakah orang-orang yang dimaksudkan di dalam ayat ini?

وَعَلَى الْأَعْرَافِ رِجَالٌ يَعْرِفُونَ كُلًاً بِسِيمَاهُمْ

Bermaksud: “Dan di atas al-A’raf itu ada orang-orang yang mengenal masing-masing dari dua golongan itu (ahli syurga dan ahli neraka) dengan tanda-tanda mereka.” (*Al-A’raf: 46*)

Amirul Mu’minin berkata: “Kamilah orang-orang di atas a’raf itu. Kami mengenali pendokong-pendokong kami (Syi’ah kami) dengan tanda-tanda pada mereka. Kamilah a’raf yang tidak mungkin Allah dikenali melainkan melalui jalan mengenali kami. Kamilah a’raf yang akan diperkenalkan oleh Allah pada hari qiamat nanti di atas Siraath. Tidak akan masuk syurga kecuali orang yang mengenali kami dan kami (para imam dua belas) juga mengenalinya dan tidak akan masuk neraka kecuali orang yang tidak menerima kami dan kami juga tidak menerimanya.” (*Ibid, jilid 1 halaman 184*)

Penulis hanya menyebutkan sebahagian kecil daripada ‘aqidah Syi’ah untuk renungan para pembaca sekalian terutama untuk ahli ilmu dari kalangan mereka. Jika tidak saya memang bermaksud meringkaskan buku ini tentulah saya kemukakan banyak lagi penyelewengan-penyelewengan Syi’ah dalam ‘aqidah yang menyebabkan mereka tidak boleh dianggap sebagai satu golongan daripada ummat Islam. Hanya orang-orang jahil atau orang-orang yang bersyubhat dengan Syi’ah dalam menegak dan menyebarkan ajaran mereka yang jelas telah

sedang dan akan merosakkan ‘aqidah ummat sahaja boleh menerima Syi’ah sebagai orang-orang Islam.

### **SYI’AH IMAMIYYAH ITHNA ‘ASYARIYYAH ADALAH RAFIDHAH**

Di bawah tajuk sebelum ini kita telah menunjukkan persamaan antara Syi’ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah dengan Rafidah. Fahaman-fahaman seumpama ini hanya ada pada golongan Syi’ah yang sangat melampau dan dikenali sebagai golongan Rafidah oleh ‘ulama’ kita terdahulu. Untuk membuktikan perkara ini kita akan mengemukakan beberapa contoh dari pandangan ‘ulama’-‘ulama’ kita terhadap Syi’ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah sebagai golongan Rafidah.

1. Ibn Khaldun (wafat 808 H) berkata: “Pelampau-pelampau dari golongan Imamiyyah terutama dari golongan Ithna ‘Asyariyyah juga berpendapat dan mempercayai demikian terhadap imam yang kedua belas di sisi mereka, iaitu Muhammad bin al-Hasan al-‘Askari yang digelarkan dengan gelaran al-Mahdi. Mereka mempercayai bahawa beliau telah hilang bersama ibunya di dalam satu lubang di sebuah rumah mereka di Hillah, sebuah kampung di Iraq.” (*Ibn Khaldun, Al-Muqaddimah, halaman 199*)
2. Al-Imam Abu al-Hasan al-Asy’ari (wafat 324 H) juga telah memasukkan Syi’ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah ini ke dalam golongan Syi’ah pelampau dan Rafidah. (*Al-Asy’ari, Maqalat Al-Islamiyyin, halaman 88-89*)
3. As-Sam’ani (wafat 562 H) berkata: “Imamiyyah adalah satu golongan pelampau Syi’ah. Mereka digelari demikian kerana mereka beritiqad bahawa Imamah (keimaman) itu adalah hak Ali dan anak cucunya. Mereka beritiqad bahawa manusia mestilah mempunyai imam (menurut istilah mereka) dan mereka menunggu seorang imam yang akan keluar di akhir zaman.” (*As-Sam’ani, Al-Ansaab, jilid 1, halaman 344*)
4. Al-Maqrizi (wafat 845 H) berkata: “Sesungguhnya golongan Rafidah itu telah berpecah kepada 300 puak. Yang terkenal di antaranya ialah 20:
  - i) Al-Imamiyyah
  - ii) Al-Kaisaniyyah
  - iii) Al-Khatabiyyah
  - iv) Az-Zaidiyyah .... dan lain-lain lagi.

(Al-Maqrizi, Al-Khutat, jilid 4 halaman 173)

5. Al-Imam as-Syah Abdul Aziz bin as-Syah Waliyyullah (wafat 1239 H) memasukkan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah ke dalam golongan Syi'ah pelampau yang ke-32 di dalam kitabnya yang terkenal membicarakan secara khusus tentang Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah iaitu *Tuhfah Ithna 'Asyariyyah*. (*Syah Abdul Aziz, Mukhtasar Tuhfah Ithna 'Asyariyyah*, halaman 21)

**RAFIDHAH DI DALAM HADITH-HADITH RASULULLAH S.A.W**

Dari keterangan yang lalu kiranya anda telah dapat membuat kesimpulan bahawa Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah adalah Rafidhah kerana tidak ada sebarang perbezaan di antara Rafidhah dan Syi'ah Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah seperti yang saya sebutkan sebelum ini. Jika anda mengkaji kitab-kitab hadits yang diriwayatkan oleh Imam-Imam Ahli Sunnah Wal Jama'ah, maka anda akan menemui beberapa hadits Rasulullah s.a.w. berkenaan dengan golongan Rafidhah ini. Hakikat ini rupanya telah disingkapkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabda-sabda baginda sebelum dari wujudnya golongan Rafidhah, dan ini merupakan salah satu mukjizat Rasulullah s.a.w.

Sebagaimana Rasulullah s.a.w. telah bersabda berhubung dengan Qadariyah dalam banyak hadits-hadits, begitulah juga Rasulullah s.a.w. telah bersabda berkenaan Rafidhah ini. Semua ini bukanlah suatu perkara yang mustahil untuk kita terima kerana Rasulullah s.a.w. diwahyukan terlebih dahulu oleh Allah S.W.T. tentang banyak perkara yang akan berlaku sampai hari qiamat. Di sini saya akan mengemukakan hadits-hadits itu.

1. Diriwayatkan dari Ibn Abbas katanya: "Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Akan muncul satu golongan di akhir zaman yang dinamakan Rafidhah. Mereka menolak Islam tetapi mendakwa Islam. Bunuhlah mereka kerana mereka adalah golongan musyrikun." (Ibn Qutaibah, Takwilu Mukhtalifi Al-Hadith, halaman 56)
2. Diriwayatkan daripada Zaid bin Ali Zainal Abidin iaitu cucunda kepada Sayyidina Husain dan bapa saudara Ja'far as-Sadiq, bahawa ketika Syi'ah mengemukakan kepadanya syarat sokongan mereka terhadap beliau, iaitu "Jika engkau berlepas diri daripada Abu Bakar dan Umar maka kami akan menyokong engkau tetapi jika engkau tidak berlepas diri daripadanya maka kami akan menolak engkau." Mendengar syarat mereka itu, Imam Zaid lantas berkata: "Allahu Akbar! Ayahku telah menceritakan kepadaku bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepada Ali r.a.: "Sesungguhnya akan muncul satu golongan yang mendakwa cinta kepada kami. Mereka akan mempunyai gelaran-gelaran yang dapat dikenali melaluiinya. Apabila kamu menemui mereka, bunuhlah mereka kerana mereka itu sebenarnya musyrikun." Kemudian Imam Zaid berkata: "Pergilah kamu, kamu golongan Rafidhah (golongan yang dimaksudkan oleh nabi kepada Sayyidina Ali dalam sabdanya itu)." (Nasywan al-Himyari, Al-Huuru Al-'Ain, halaman 185)

3. Ali bin Abi Talib berkata: "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Akan muncul satu golongan di akhir zaman yang dipanggil Rafidah. Mereka menolak Islam." (*Ahmad, Al-Musnad, jilid 1, halaman 103*)
4. Imam Az-Zahabi telah mengemukakan satu riwayat daripada Sayyidina Ali sebagaimana dinukilkan oleh Ibn Hajar al-Haithami bahawa Sayyidina Ali berkata: "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Akan muncul di dalam ummatku di akhir zaman nanti satu golongan yang dinamakan Rafidah. Mereka menolak Islam." Imam ad-Daraqutni mengemukakan hadits ini dengan sedikit tambahan iaitu Rasulullah s.a.w. berkata kepada Ali: "Sekiranya kamu menemui mereka hendaklah kamu bunuh mereka kerana mereka adalah golongan musyrikun." Ali berkata: "Aku bertanya Rasulullah s.a.w: "Apakah tanda yang ada pada mereka?" Baginda bersabda: "Mereka terlalu memuji-muji engkau dengan sesuatu yang tidak ada pada engkau dan mereka memburukkan-burukkan para sahabat." (*Imam Ibn Hajar al-Haithami, As-Sawa'iqu Al-Muhriqah, halaman 102*)

5. Imam al-Bukhari juga mengemukakan hadits ini di dalam kitabnya yang bernama *At-Tarikhu Al-Kabir* di bawah biografi Ibrahim bin Hasan dengan lafadz "Akan muncul satu golongan, gelaran mereka ialah Rafidah. Mereka menolak agama." (*Al-Bukhari, At-Tarikhu Al-Kabir, jilid 1, halaman 279-280*)

Syeikh Ahmad Muhammad Syakir membuat komentar selepas mengemukakan riwayat yang disebutkan oleh Bukhari tadi begini; "Agaknya Bukhari tidak memandang hadits ini dhaif kerana beliau tidak mencacatkan seorangpun dari perawi-perawinya."

6. Diriwayatkan dari Ali bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Kiranya engkau ingin menjadi ahli syurga maka nanti akan muncul satu golongan yang mendakwa cintakan engkau, mereka membaca al-Qur'an tetapi pembacaannya tidak melampaui halkum mereka (tidak meresap ke dalam hati), mereka dikenali sebagai Rafidah. Sekiranya engkau sempat menemui mereka, perangilah mereka kerana mereka adalah golongan musyrikun." (*Ali al-Muttaqi, Kanzu Al-Ummal jilid 11, halaman 324*) Selain dari hadits ini Ali al-Muttaqi telah mengemukakan 13 hadits yang lain berhubung dengan Rafidah di dalam kitab beliau yang tersebut, di bawah tajuk *Ar-Rafidah Qabbahahum Allah (Golongan Rafidah - Semoga Mereka Dimurkai Allah)*.
7. Diriwayatkan daripada Ibn Abbas katanya: "Pernah aku berada di samping Nabi s.a.w., bersamanya ada Ali. Nabi s.a.w. bersabda (kepada Ali): "Wahai Ali! Nanti akan muncul di

dalam ummatku satu golongan yang mendakwa cintakan Ahlul Bait. Mereka digelar Rafidah. Perangilah mereka kerana mereka adalah golongan musyrikun.” (*Hafiz Nuruddin Ali bin Abi Bakr al-Haithami, Majma’u Az-Zawa’id Wa Manba’u Al-Fawa’id, jilid 10, halaman 22*)

8. Hafiz Ibn Hajar dalam *Ta’jilu Al-Manfa’ah* (*halaman 14*) juga mengemukakan hadits di atas dan beliau tidak menyebutkan sebarang kecacatan di dalam sanad hadits tersebut. (*Lihat Ta’liq dan Syarah Al-Musnad oleh Syeikh Ahmad Muhammad Syakir, jilid 2, halaman 806*)
9. Imam ad-Daraqutni, Ibn Hajar al-Haithami dan Imam Ibn Taimiyah juga telah mengemukakan hadits di atas dengan sedikit perbezaan pada lafaznya. Untuk itu lihat *As-Sawaa’iqu Al-Muhriqah* (*halaman 102*) dan *As-Sharimu Al-Maslul* (*halaman 582-583*).

## SEBAB-SEBAB PERBEZAAN PENDAPAT DI KALANGAN ‘ULAMA’ MUTAAKHIR TENTANG SYI‘AH

Sebelum ini penulis telah menyebutkan bahawa tidak ada perselisihan pendapat di kalangan ‘ulama’ terdahulu tentang Syi‘ah. Mereka semua telah menghukumkan golongan Syi‘ah sebagai golongan yang sesat, menyeleweng dan bukan Islam.

Jika kita meneliti permulaan perubahan arus pendapat ‘ulama’ secara besar-besaran tentang Syi‘ah, maka kita akan mendapati ia bermula secara rasmi dan agak menyeluruh dengan tertubuhnya apa yang dinamakan “Dar At-Taqrīb Baina Al-Mazahibi Al-Islamiyyah” (iaitu sebuah lembaga yang berusaha ke arah pendekatan antara mazhab-mazhab Islam) di Mesir yang dipelopori oleh tokoh-tokoh ‘ulama’ al-Azhar di awal abad ini. Sikap toleransi yang diambil oleh tokoh-tokoh al-Azhar itu patut disanjung dan dipuji kerana lagikan Syi‘ah yang mendakwa dirinya Islam, menggunakan al-Qur'an yang sama, berqiblatkan Ka'bah dan menyakini kenabian Muhammad s.a.w, orang-orang Yahudi dan Kristian pun disuruh Allah kita orang-orang Islam mengajak mereka berbincang dan bermuafakat agar dengan perbincangan yang baik, mereka akhirnya akan menerima konsep KeTuhanan Yang Esa, konsep kenabian yang bersih dan seterusnya menerima Islam sebagai satu-satunya agama yang benar. Firman Allah:-

قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٌ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَا نَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ وَلَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا



بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا أَشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Bermaksud: “Katakanlah! Wahai ahli kitab! Marilah kepada satu kalimah (ajaran) yang tidak ada perselisihan di antara kami dan kamu. Bahawa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita sekutukan-Nya dengan sesuatupun dan tidak pula sebahagian dari kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling katakanlah kepada mereka: Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang Islam.” (Surah Ali-’Imran, ayat 64)

Tetapi setelah itu terbukti kepada kita bahawa usaha-usaha pendekatan antara Ahli Sunnah dengan Syi‘ah itu hanyalah satu helah oleh ‘ulama’ Syi‘ah untuk menjauhkan pengikut-pengikut Ahli Sunnah daripada ajaran Islam yang sebenarnya dan mendekatkan pula mereka kepada Syi‘ah. Ertinya kerjasama dan kejujuran yang berlaku itu hanya dari sebelah pihak.

‘Ulama’-‘ulama’ al-Azhar memasukkan kitab-kitab Syi‘ah ke dalam sukanan pelajaran al-Azharnya. Dar at-Taqrib juga telah mencetak dan menyebarkan beberapa banyak kitab-kitab Syi‘ah. Di dalam kitab-kitab fiqh hasil tulisan mereka, dimasukkan juga pendapat-pendapat fiqh Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah, Zaidiyyah dan lain-lain. Walaupun itu tidak akan mengelirukan orang-orang berilmu pengetahuan yang mendalam, tetapi bagaimana dengan sikap ‘ulama’-‘ulama’ Syi‘ah? Mereka mengajarkan kitab-kitab Ahli Sunnah demi untuk menikam Ahli Sunnah itu sendiri kemudiannya. Lihatlah kepada tindakan ‘Abdul Husain Syarafuddin pengarang kitab *Al-Muraja‘at* atau *Dailog Sunnah-Syi‘ah*.

‘Abdul Husain Syarafuddin merupakan antara tokoh yang begitu serius dalam usaha-usaha pendekatan antara Ahli Sunnah dengan Syi‘ah yang ditaja oleh mereka. Dalam masa yang sama beliau telah mengeluarkan buku tentang Abu Hurairah dalam mana beliau telah mengkafirkan Abu Hurairah dan mengatakan Rasulullah s.a.w. telah menyebut Abu Hurairah sebagai ahli neraka. Buku itu selalu digunakan oleh golongan Syi‘ah sebagai rujukan termasuklah di tanahair kita ini. Tidakkah usaha-usaha pendekatan itu bererti mendekatkan Ahli Sunnah kepada Syi‘ah? Tidakkah rancangan-rancangan ‘ulama’-‘ulama’ al-Azhar untuk mendekatkan dua golongan itu telah hancur berantakan sebelum sampai ke mana-mana lagi?

Tidakkah orang awam Islam sekarang terkeliru, termasuk ‘ulama’-‘ulama’ di tanahair kita sendiri dengan mengatakan: “Sebagai bukti Syi‘ah Imamiyyah itu diterima sebagai satu mazhab di dalam Islam, aliran fiqh mereka juga disertakan bersama-sama dengan aliran fiqh Hanafi, Maliki, Syafi‘i dan Hambali di dalam tulisan ‘ulama’ muta‘akhir terutama ‘ulama’ al-Azhar sendiri?”

Mereka lupa bahawa aliran fiqh Imamiyyah, Zaidiyyah hatta Khawarij yang diselitkan oleh penulis-penulis muta‘akhir itu ialah dalam konteks menjayakan dan melaksanakan apa yang telah diputuskan oleh ‘ulama’-‘ulama’ yang mempelopori usaha-usaha pendekatan antara mazhab-mazhab dalam mesyuarat-mesyuarat mereka. Dr. Mustafa as-Siba‘i di dalam bukunya *As-Sunnah Wa Makanatuha Fi At-Tasyri‘i Al-Islami* (halaman 8-12) menyebutkan perkara yang telah saya sebutkan di atas dan beliau sendiri telah mengikuti keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh ‘ulama’ Dar at-Taqrib. Beliau menyatakan kesedihannya kerana usaha-usaha pendekatan itu hanya berlaku dari kedua belah pihak Syi‘ah dan Sunnah di meja perundingan sahaja. Tetapi dari segi praktiknya jelas golongan Syi‘ah, termasuk orang-orang yang bekerja keras mengeluarkan buku-buku ke arah pendekatan ini seperti Syarafuddin ‘Abdul Husin al-Musavi dan lain-lain, telah melanggar apa yang diputuskan di dalam muktamar-muktamar yang

diadakan oleh kedua-dua belah pihak. Sikap ‘ulama’-‘ulama’ Syi‘ah yang seperti itu tidak berbeza di mana-mana, baik di ‘Iraq, Iran maupun Lubnan. Ini bererti ‘ulama’-‘ulama’ al-Azhar yang mewakili pihak Ahli Sunnah Wal Jama‘ah telah kecundang dalam usaha-usaha mereka pada peringkat awalnya lagi.

Saya cadangkan kepada ‘ulama’-‘ulama’ seperti ini supaya meneliti kitab-kitab yang ditulis oleh ‘ulama’ Islam sebelum bermulanya usaha-usaha pendekatan ini atau tulisan-tulisan ‘ulama’ yang tidak terpengaruh dengan usaha-usaha ini. Di sana mereka akan dapat melihat bahawa tidak ada sebuah pun kitab tulisan ‘ulama’ dahulu atau ‘ulama’-‘ulama’ yang tidak terpengaruh dengan usaha-usaha pendekatan itu, menyebutkan aliran Syi‘ah Imamiyyah bersama-sama aliran fiqh Islam yang lain.

Jika tersebut pun aliran fiqh Syi‘ah di dalam kitab-kitab mereka, itu semata-mata untuk menunjukkan khilaf golongan yang tidak mu’tabar.

Kenapakah ‘ulama’-‘ulama’ sebelum ini tidak memasukkan aliran fiqh Syi‘ah ke dalam kitab-kitab mereka, padahal selalu saja disebutkan mazhab Tsauri, al-Auza‘i, Zahiri dan lain-lain yang mana pengikutnya tidak wujud lagi di zaman mereka? Ini menunjukkan bahawa ‘ulama’-‘ulama’ kita menganggap aliran fiqh Syi‘ah itu sebagai satu aliran yang tidak mu’tabar.

Kuncu-kuncu Syi‘ah selalu menonjol-nonjolkan fatwa Syeikh-Syeikh al-Azhar untuk membenarkan ajaran Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah. Itu semua dilakukan untuk mendapat simpati masyarakat Islam terhadap ajaran yang dibawa mereka dan untuk mencabangkan fikiran orang ramai terhadap keputusan para ‘ulama’ yang telah menghukumkan ajaran Syi‘ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah sebagai ajaran yang sesat dan menyeleweng. Dengan menonjol-nonjolkan fatwa yang seperti ini orang ramai akan merasa bahawa perkara Syi‘ah ini adalah perkara yang diperselisihkan oleh para ‘ulama’. Maka masyarakat seharusnya bertolak ansur dengan Syi‘ah walaupun ‘aqidah-‘aqidahnya bercanggah dengan Islam dan sering kali membingungkan fikiran, kerana bagaimana golongan yang mempunyai ‘aqidah-‘aqidah sedemikian boleh diterima sebagai orang-orang Islam?!

Sebenarnya kuncu-kuncu Syi‘ah yang selalu menonjolkan fatwa-fatwa Syeikh al-Azhar itu tidaklah yakin dan memberikan penghargaan yang sewajarnya kepada fatwa-fatwa tersebut. Mereka hanya mengambil dan menyebarkan fatwa-fatwa yang bersesuaian dengan aliran pemikiran mereka atau boleh menyokong ajaran mereka. Sebabnya adakah mereka boleh menerima Syeikh al-Azhar iaitu Syeikh Mahmud Syaltut umpamanya, yang telah berfatwa

bahawa Imam Mahdi tidak wujud dan bahawa Imam Mahdi bukan termasuk dalam perkara ‘aqidah kerana ia hanya tsabit melalui hadits-hadits ahad? (*Al-Islam ‘Aqidah Wa Syari’ah, halaman 79*)

Adakah golongan Syi‘ah boleh menerima dan menghormati fatwa Syeikh al-Azhar ini? Adakah mereka boleh menerima fatwa Syeikh al-Azhar Mahmud Syaltut yang menyatakan bahawa syari‘at yang mengharuskan perempuan berkahwin dalam satu tahun dengan 11 orang lelaki dan mengharuskan pula lelaki berkahwin setiap hari dengan seberapa ramai perempuan tanpa membebarkannya dengan bebanan dan tanggungjawab perkahwinan, syari‘at yang seperti ini tidak mungkin datangnya dari Allah s.w.t, Tuhan Sekalian Alam dan tidak juga ia syari‘at yang memelihara kesucian dan kehormatan manusia? (*Syeikh Mahmud Syaltut, Al-Fatawa, halaman 274 - 275*)

Jika tidak, maka ini menunjukkan Syi‘ah hanya mengambil fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah yang menyokong atau mendatangkan keuntungan kepada fahaman mereka dan mereka meninggalkan mana-mana yang tidak sesuai dengannya. Begitu juga dengan fatwa Syeikh al-Azhar Dr. ‘Abdul Halim Mahmud yang mengatakan bahawa percanggahan antara Ahli Sunnah dan Syi‘ah adalah percanggahan dalam perkara usul dan furu’. (*Dr. ‘Abdul Halim Mahmud, Al-Fatawa, jilid 1, halaman 100*) Tidakkah golongan-golongan yang menonjol-nonjolkan fatwa Syeikh al-Azhar tentang Syi‘ah itu memerhatikan kata-kata kedua-dua Syeikh al-Azhar yang telah saya kemukakan ini? Kata-kata mereka jelas menunjukkan sikap berhati-hati terhadap Syi‘ah walaupun mereka berusaha menampakkan kesungguhan untuk menjayakan usaha pendekatan yang dipersetujui bersama.

Jika golongan Syi‘ah tidak menerima fatwa Syeikh al-Azhar tentang Imam Mahdi dan tentang haramnya mut‘ah sampai qiamat, apakah salahnya kita golongan Ahli Sunnah Wal Jama‘ah tidak menerima fatwanya yang mengatakan seseorang Islam harus bersembahyang mengikut mazhab Imamiyyah atau bahawa golongan Syi‘ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah adalah sebahagian daripada ummat Islam? Apalagi jika ditilik kepada ketidaktepatannya fatwa Syeikh-Syeikh al-Azhar dengan ajaran Syi‘ah yang sebenarnya.

**KEBIMBANGAN   TOKOH-TOKOH   AHLI   SUNNAH   TENTANG   USAHA-USAHA  
PENDEKATAN SYI'AH - SUNNAH**

Kebanyakan ‘ulama’ al-Azhar telah bersetuju dengan rancangan pendekatan yang ditaja oleh Dar at-Taqrīb di Mesir. Namun begitu ada juga di antara ‘ulama’nya yang tidak menyetujui rancangan itu seperti Syeikh Muhibbuddin al-Khatib, dan ada juga di antara mereka yang menaruh kebimbangan terhadap rancangan itu seperti ‘Allamah Rasyid Ridha dan Doktor Mustapha as-Siba’i.

‘Allamah Rasyid Ridha adalah di antara orang yang bersungguh-sungguh dan bekerja keras dalam usaha-usaha pendekatan antara Sunnah dengan Syi’ah. Beliau mempunyai hubungan yang baik dengan beberapa orang tokoh Syi’ah, di antaranya Ketua Pengarang Majalah Al-‘Irfan, Hibatuddin asy-Syahrastani an-Najafi dan ‘Abdul Husain Syarafuddin al-Musavi pengarang *Dialog Sunnah-Syi’ah*, dan juga Muhyuddin ‘Usairan.

Pada peringkat permulaannya ‘Allamah Rasyid Ridha menganggap sahabat-sahabat Syi’ahnya itu terdiri dari Syi’ah yang sederhana tetapi akhirnya beliau terkejut apabila melihat sebuah buku tulisan Mohsin al-Amin al-‘Amili yang bernama “*Kritik Terhadap Wahhabiyah*”. Kemudian terbit pula sebuah buku karangan pengarang yang sama bernama “*Al-Hushunu Al-Mani’ah Fi Ar-Raddi ‘Ala Ma Auradahu Shahibu Al-Manar Fi Haqqi Asy-Syi’ah*”. Ketika itu yakinlah ‘Allamah Rasyid Ridha bahawa kesederhanaan yang ditonjolkan oleh sahabat-sahabatnya dari kalangan Syi’ah itu tidak lebih daripada taqiyah dan nifaq.

Yang lebih menyakinkan lagi beliau ialah ketika mana sahabatnya juga, iaitu Ketua Pengarang Majalah Al-‘Irfan menyokong apa yang ditulis oleh Mohsin al-Amin al-‘Amili. Rasyid Ridha berasa perlu menjawab kebatilan-kebatilan mereka dan menyatakan kebenaran yang cuba dihapuskan oleh mereka. Kerana itu beliau menulis risalahnya yang pertama berjudul *As-Sunnah Wa As-Syi’ah*.

Di dalamnya beliau menyatakan kepercayaan Syi’ah bahawa para sahabat telah membuang beberapa ayat dari al-Qur’ān, dan as-Sunnah di sisi orang-orang Syi’ah ialah kata-kata, perbuatan atau taqrir imam-imam mereka yang ma’sum dan akhir sekali beliau mendedahkan sikap biadab golongan Syi’ah terhadap sahabat Rasulullah s.a.w. Begitu juga beliau mendedahkan bagaimana Syi’ah melaknat Sayyidina Abu Bakar dan ‘Umar serta yakin bahawa kebanyakan sahabat telah murtad.

'Allamah Rasyid Ridha juga telah memuatkan di dalam bukunya itu dua pucuk surat dari dua tokoh 'ulama' yang pernah berutusan surat di suatu ketika dahulu berhubung dengan Syi'ah. Dua tokoh yang dimaksudkan ialah 'Allamah Negeri 'Iraq iaitu Mahmud Syukri al-Alusi dan 'Allamah Negeri Syam, Jamaluddin al-Qasimi. Dari surat-surat itu jelas kepada kita bahawa yang mendorong 'Allamah al-Qasimi menulis surat kepada 'Allamah al-Alusi itu ialah terbitnya dua buah buku karangan tokoh Syi'ah, Mohsin al-Amin al-'Amili yang tersebut tadi. Surat al-Qasimi itu dijawab oleh al-Alusi dengan penuh keyakinan bahawa Syi'ah Rafidhah mempercayai berlakunya tokok tambah di dalam al-Qur'an dan mereka mengingkari Sunnah.

'Allamah al-Alusi juga telah menyatakan kesyirikan golongan Rafidhah dalam 'aqidah dan ibadah. Tidak hairanlah jika mereka telah mengkafirkan tokoh-tokoh kita dan menganggap sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. telah murtad. Kemudian al-Alusi mengemukakan satu syair yang berbunyi:-

إِنَّ الرَّوَافِضَ قَوْمٌ لَا خَلَاقَ لَهُمْ \* مِنْ أَجْهَلِ النَّاسِ فِي عِلْمٍ وَأَكْذِبُهُمْ

Bermaksud: "Sesungguhnya golongan Rafidhah adalah satu golongan yang malang. Mereka adalah manusia yang paling jahil dan paling pendusta."

Risalah *As-Sunnah Wa As-Syi'ah* tulisan 'Allamah Rasyid Ridha memuatkan penyaksian dua 'ulama', al-Qasimi dan al-Alusi, di samping memuatkan juga penyaksian-penyaksian pengarangnya sendiri. Dan mereka semua berpendapat tentang rosaknya 'aqidah golongan Syi'ah serta kemustahilan akan wujudnya persefahaman dengan mereka. (*Dr. 'Abdullah Muhammad al-Gharib, Wa Jaa'a Dauru Al-Majus, halaman 146 - 148*)

Syeikh Muhibbuddin al-Khatib di dalam bukunya "*Al-Khututu Al-'Aridhah*" meragui usaha-usaha pendekatan itu kerana beberapa sebab. Antara lain ialah usaha-usaha itu hendaklah benar-benar dibuktikan oleh kedua-dua belah pihak, kerana menurut beliau, hanya pihak Sunnah sahaja yang bersungguh-sungguh menjayakan apa yang diputuskan dalam muktamar-muktamar Dar at-Taqrif.

Perkara kedua yang menyebabkan beliau meragui usaha-usaha itu ialah usaha-usaha pendekatan itu dimulakan dengan perkara cabang bukan dimulakan dengan penyelesaian perkara pokok terlebih dahulu.

Ketiga, untuk usaha-usaha itu, sebuah negara Syi'ah telah membelanjakan sejumlah wang untuk mendirikan satu badan yang dinamakan Dar at-Taqrif di Mesir, sedangkan negara-negara yang penduduknya terdiri dari orang Syi'ah tidak bermurah hati untuk menghulurkan wang demi mendirikan satu badan yang sama di negara-negara mereka.

Keempat, jika golongan Syi'ah benar-benar berhasrat untuk menjayakan usaha-usaha yang diharapkan tercapainya melalui penubuhan Dar at-Taqrif itu, mengapakah di tahun-tahun kebelakangan ini mereka menerbitkan buku-buku yang menghancurkan hasrat dan impian untuk mencapai persefahaman dan pendekatan antara Ahli Sunnah dengan Syi'ah?

'Ulama'-‘ulama’ Syi'ah di Najaf telah menerbitkan sebuah buku yang bernama *Az-Zahra'* terdiri dari tiga juzuk. Buku ini memuatkan beberapa fakta yang tidak berasas dan melukakan hati setiap Ahli Sunnah. Umpamanya mereka mengatakan Amirul Mukminin ‘Umar al-Khattab diserang oleh suatu penyakit yang tidak dapat disembuhkan kecuali dengan air mani lelaki.

Doktor Mustapha as-Siba'i seperti telah disebutkan sebelum ini, meragui dan menaruh kebimbangan terhadap usaha-usaha itu walaupun beliau sendiri menuruti keputusan yang telah diambil oleh ‘ulama’ al-Azhar.

‘Ulama’-‘ulama’ al-Azhar boleh dikatakan telah bersetuju mengikuti apa yang diputuskan melalui Dar at-Taqrif itu, tetapi dalam masa yang sama kita melihat ‘ulama’-‘ulama’ di benua kecil India tidak bersetuju dan menentang dengan sekeras-kerasnya usaha pendekatan antara Ahli Sunnah dengan Syi'ah itu, kerana bagi mereka usaha-usaha untuk mendekatkan Ahli Sunnah dengan Syi'ah adalah usaha yang sia-sia. Mereka sepakat menyatakan arus aliran Syi'ah berlainan dan bercanggah sama sekali dengan arus aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Perkara ini ditegaskan oleh tokoh-tokoh Syi'ah sendiri yang juga tidak bersetuju dengan usaha-usaha pendekatan itu.

Sebenarnya golongan Syi'ah ini tidak mahu langsung bertolak ansur dalam perkara-perkara ‘aqidah dan ajaran-ajaran Syi'ah. Tetapi mereka tidak sedar bahawa usaha pendekatan yang telah diusahakan oleh saudara-saudaranya tidak lebih daripada usaha-usaha untuk mendekatkan Ahli Sunnah kepada Syi'ah dan itu adalah di antara politik mereka semata-mata.

Hari ini sudah terlalu nyata bahawa ‘ulama’ al-Azhar telah kecundang dalam pertaruhananya dengan ‘ulama’ Syi'ah. Itu berlaku kerana ‘ulama’ al-Azhar terlalu jujur dan setia dalam perjanjian-perjanjian yang dibuat oleh mereka dengan ‘ulama’-‘ulama’ Syi'ah, sebaliknya ‘ulama’ Syi'ah tidak membala kesetiaan yang dihadiahkan oleh ‘ulama’ Ahli Sunnah dari al-Azhar

dengan kesetiaan yang setimpal. Sesetengah ‘ulama’ al-Azhar telah mengeluarkan fatwa bahawa harus beribadat mengikut cara mazhab Syi‘ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah dan bahawa golongan ini adalah satu golongan Islam. Tetapi lihatlah bagaimanakah budi baik ‘ulama’-‘ulama’ al-Azhar itu dibalas oleh ‘ulama’-‘ulama’ Syi‘ah!

‘Abdul Husain Syarafuddin al-Musavi telah menulis buku *Al-Muraja‘at (Dialog Sunnah-Syi‘ah)*. Di dalamnya beliau memuatkan surat menyurat antara beliau dengan Syeikh al-Azhar, Salim al-Bisyri. Di dalam buku ini Syeikh Salim al-Bisyri kelihatan sebagai pelajar yang sentiasa menunggu dan mengharapkan huraian dari seorang gurunya dan jika begitulah sebenarnya kedudukan Syeikh al-Azhar, maka alangkah malangnya Ahli Sunnah kerana Syeikh al-Azharnya pun begitu jahil.

Sebenarnya buku *Al-Muraja‘at* adalah sebuah buku yang direka oleh ‘Abdul Husain Syarafuddin untuk merendah-rendahkan ‘ulama’-‘ulama’ dari al-Azhar dan serentak dengan itu ia mahu memikat para pembaca dengan metode penulisan buku tersebut. Syeikh Salim al-Bisyri mengemukakan soalan-soalan dan Syeikh al-Musavi menjawabnya. Begitulah soal jawab berlaku hingga ke akhir kitab. Satu persoalan yang timbul, kenapakah Syeikh al-Azhar tidak menjadi Syi‘ah setelah dia berpuas hati di segi usul dan furu’ Syi‘ah itu? Selain dari itu pengarang kitab tersebut ‘Abdul Husain Syarafuddin mengakui bahawa beliau telah mengubah beberapa perkara dalam dialog asal yang berlaku antara mereka berdua dengan beberapa tambahan yang sesuai dengan keadaan dan keperluan. (*Lihat muqaddimah kitab tersebut halaman 2, 4 dan 5 edisi ‘Arab dan halaman 1 dan 6 edisi Bahasa Indonesia*) Tidak dapat dipastikan sebanyak manakah yang ditambah dan yang dianggap sebagai tambahan yang diperlukan itu!

Kitab ini juga ditulis 25 tahun selepas Syeikh Salim al-Bisyri meninggal dunia sebagaimana diakui oleh pengarangnya sendiri dalam kitab tersebut. Kenapakah kitab itu tidak diterbitkan semasa hayat Syeikh Salim al-Bisyri? Ada juga orang yang telah menyiasat tentang hakikat dialog yang termuat dalam kitab tersebut dengan bertanya kepada anak Syeikh Salim al-Bisyri. Beliau menjawab bahawa beliau tidak pernah mengenali Syeikh al-Musavi dan tidak pula ingat bahawa ayahnya pernah mengadakan hubungan dengan pengarang kitab tersebut atau berdialog dengannya. Itulah balasan Syi‘ah terhadap budi baik ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah!

## KENAPA ‘ULAMA’ BENUA KECIL INDIA TIDAK MENYETUJUI USAHA-USAHA PENDEKATAN SUNNAH-SYI‘AH OLEH DAR AT-TAQRIB

‘Ulama’ Islam di benua kecil India (India, Pakistan dan Bangladesh sekarang) bukan sahaja tidak menyetujui usaha-usaha yang dilancarkan oleh ‘ulama’-‘ulama’ al-Azhar melalui Dar at-Taqrif, malah dalam masa yang sama mereka telah mengeluarkan fatwa tentang kekufuran Syiah (sila lihat fatwa mereka pada muka surat 76-80\* dalam buku ini). Kenapakah pandangan mereka begitu berbeza dengan pandangan ‘ulama’-‘ulama’ yang merestui usaha-usaha pendekatan tersebut, yang kebanyakannya mereka terdiri daripada ‘ulama’ ‘Arab’?

Mengikut Maulana Manzur Nu‘mani di dalam bukunya “*Irani Inqilab Khomeini Aur Syi‘iyat*” ada beberapa faktor yang menyebabkan mereka berbeza pendapat dalam menentukan perkara ini dan kenapakah ‘ulama’ di benua kecil India lebih peka terhadap isu ini berbanding ‘ulama’-‘ulama’ di negara-negara ‘Arab’, antara lain beliau menyebut:-

1. Perhubungan ‘ulama’-‘ulama’ ‘Arab dengan golongan Syi‘ah agak jauh berbanding perhubungan di antara ‘ulama’-‘ulama’ benua kecil India dengan mereka. Walaupun negara-negara ‘Arab seperti Mesir pernah dikuasai oleh kerajaan Syi‘ah tetapi pengaruhnya terhadap penduduk-penduduk di negara-negara itu tidak begitu mendalam seperti pengaruhnya terhadap penduduk di India. Oleh kerana ajaran Syi‘ah masih dihayati dengan sepenuhnya oleh penduduk-penduduk di benua kecil India maka ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah di sana lebih mengetahui tentang Syi‘ah daripada ‘ulama’-‘ulama’ di negara-negara lain.
2. Banyak karya Syi‘ah terdapat di dalam bahasa Farsi dan Urdu selain daripada bahasa ‘Arab. ‘Ulama’-‘ulama’ ‘Arab yang umumnya tidak mengerti bahasa Farsi dan Urdu, tidak mengetahui kesesatan-kesesatan yang terselit di celah-celah kitab-kitab mereka itu. Mereka hanya diperkenalkan dengan kitab-kitab Syi‘ah yang ditulis untuk tujuan propaganda sahaja atas nama usaha-usaha pendekatan antara Ahli Sunnah dengan Syi‘ah.

Maulana Muhammad Manzur Nu‘mani mengatakan lagi: “Sebagaimana ‘ulama’-‘ulama’ ‘Arab di peringkat permulaannya teragak-agak untuk mengeluarkan fatwa terhadap kekufuran golongan Qadiani kerana pada zahirnya mereka mendakwa Islam dan tulisan-tulisan mereka yang kebanyakannya dalam bahasa Urdu tidak boleh diselami oleh ‘ulama’-‘ulama’ dari dunia ‘Arab justeru itu ketika kami mengusulkan di dalam Muktamar ‘ulama’ Islam di Karachi pada tahun 1952 supaya Qadiani diputuskan sebagai terkeluar daripada Islam, pengerusinya Mufti

Amin al-Husaini teragak-agak untuk menerima usul tersebut kerana beliau belum pasti tentang kesesatan golongan Qadiani dan kerana kurangnya maklumat beliau tentang ajaran Qadiani. Tetapi hari ini siapakah yang meragui tentang kufurnya golongan Qadiani? Ini semua adalah hasil kegigihan ‘ulama’-‘ulama’ pembela kebenaran yang berada di benua kecil India pada waktu itu, sehingga Maulana Maududi sendiri dihukum penjara selama beberapa tahun kerana tentangannya secara terbuka terhadap fahaman dan ajaran Qadiani. Secara kebetulan pula dalam kerajaan pada masa itu terdapat pemimpin-pemimpin yang berfahaman Qadiani.

Kita menaruh sangka baik terhadap ‘ulama’-‘ulama’ al-Azhar terutama apabila mengenangkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan itu ialah pada zaman usaha-usaha pendekatan antara Sunnah dan Syi‘ah mula dilancarkan.

## DI ANTARA SEBAB-SEBAB SESETENGAH ‘ULAMA’ TERKELIRU DENGAN SYI‘AH

Sesetengah ‘ulama’ yang tidak biasa dengan metode penulisan Syi‘ah dan tidak pula pernah mengikuti secara serius sejarah perkembangan Syi‘ah, baik dari sudut ‘aqidahnya atau dari sudut cabangnya, akan terkeliru dan terpedaya dengan Syi‘ah, terutamanya apabila lahir pula sebuah badan Dar at-Taqrīb yang dianggotai oleh tokoh-tokoh ‘ulama’ al-Azhar sendiri. Golongan ‘ulama’ seperti ini tidak pernah membaca kitab-kitab terpenting Syi‘ah itu.

Mereka hanya mengenali Syi‘ah melalui buku-buku yang ditulis khusus oleh ‘ulama’-‘ulama’ Syi‘ah muta’akhir semata-mata untuk menarik perhatian ummat Islam kepada ajaran Syi‘ah, tanpa menyedari hakikat bahawa tokoh-tokoh Syi‘ah muta’akhir ini tetap mempunyai hubungan dengan tokoh-tokoh Syi‘ah terdahulu, baik dari segi keyakinan, kepercayaan maupun dari segi polisi mereka dalam mengembangkan ajaran-ajaran mereka.

Selalunya tokoh-tokoh Syi‘ah menggunakan beberapa cara untuk memukau ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah. Mengikut keyakinan mereka, apabila ‘ulama’ Ahli Sunnah telah terpukau dan terjebak ke dalam perangkap mereka atau kaku dengan alasan-alasan mereka, maka mudahlah didorong orang awam Ahli Sunnah ke dalam kandang kecelakaan mereka. Di sini saya akan mendedahkan beberapa taktik tokoh-tokoh Syi‘ah untuk memukau ‘ulama’-‘ulama’ dan orang awam Ahli Sunnah.

### Pertama

- i. Dengan memainkan sentimen ‘ulama’ Islam, umpamanya dengan mengatakan, “Adakah wajar fiqh Ja‘fari yang diasaskan oleh Imam Ja‘far as-Sadiq diketepikan dan tidak diletakkan bersama dengan fiqh-fiqh Islam yang lain, sedangkan Imam Ja‘far as-Sadiq adalah guru kepada Imam Abu Hanifah dan Imam Malik? Tidakkah fiqhnya juga seperti Sunnah Rasullullah s.a.w, kerana ia diambil turun temurun dari anak cucu Rasulullah s.a.w? Tidakkah Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: “Bahawa aku tinggalkan padamu dua perkara, tidak akan kamu sesat selagi kamu berpegang kepadanya - kitab Allah dan ‘itrahu (anak cucuk - Ahlul Bait).”

Dengan mengemukakan persoalan-persoalan seperti ini, sepantas lalu dapat diterima oleh ‘ulama’-‘ulama’ Islam. Bagi mereka yang tidak mengikuti fiqh Syi‘ah yang dikaitkan dengan Imam Ja‘far as-Sadiq, boleh jadi hujjah seperti ini dapat diterimanya. Tetapi jika ‘ulama’-‘ulama’ Islam itu mengetahui ajaran mereka yang dikaitkan dengan Imam Ja‘far

as-Sadiq itu, tentulah akan timbul pertanyaan seperti, "Jika Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan lain-lain imam merupakan murid kepada Imam Ja'far as-Sadiq, kenapakah mereka tidak mengajarkan atau tidak meriwayatkan dari Imam Ja'far as-Sadiq seperti yang diriwayatkan oleh Syi'ah? Adakah mereka menyembunyikan ajaran Imam Ja'far as-Sadiq atau ajaran Imam Ja'far as-Sadiq yang sebenarnya bukan seperti yang didakwa oleh Syi'ah?" Salah satu dari dua keadaan ini mesti berlaku.

- ii. Mereka juga memainkan sentimen orang awam Ahli Sunnah atau 'ulama'-ulama' mereka yang tidak mengetahui hakikat Syi'ah dengan mengatakan tidak ma'qul Ahlul Bait yang merupakan keluarga terdekat Rasulullah s.a.w. dan sangat disayangi oleh Baginda s.a.w. begitu sedikit meriwayatkan hadits sehingga riwayat-riwayat mereka di dalam kitab-kitab Ahli Sunnah boleh dibilang dengan jari.

Sepintas lalu, persoalan yang seperti ini boleh ditelan oleh orang-orang Ahli Sunnah tetapi jika mereka meneliti riwayat-riwayat tokoh-tokoh sahabat agung Rasulullah s.a.w. sendiri, maka mereka akan mendapati bahawa riwayat mereka juga boleh dibilang dengan jari. Jadi sedikit atau banyaknya riwayat yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh Ahli Sunnah di dalam kitab-kitab mereka tidaklah menunjukkan 'ulama'-ulama' Ahli Sunnah menyembunyikan riwayat-riwayat mereka seperti yang difaham oleh Syi'ah, tetapi ia adalah kerana sebab-sebab dan suasana yang melingkungi tokoh-tokoh tersebut itu.

## Kedua

- i) Di antara taktik mereka lagi ialah dengan mengemukakan riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh Ahli Sunnah sendiri yang kononnya menyokong ajaran dan fahaman mereka. Umpamanya mereka mengemukakan hadits yang diriwayatkan oleh Bukhari dan lain-lain yang berbunyi:-

إِنَّكَ لَا تَدْرِي مَا أَحْدَثُوا بَعْدَكَ

Bermaksud: "*Engkau (Muhammad s.a.w.) tidak tahu apakah yang telah mereka lakukan sepeninggalanmu.*"

'Ulama'-ulama' Ahli Sunnah menghuraikan hadits di atas dengan mengatakan hadits itu dimaksudkan kepada beberapa orang yang telah murtad setelah kewafatan baginda, atau dimaksudkan kepada golongan munafiq yang berpura-pura menjadi sahabat baginda

semasa hayat baginda. Untuk membuktikan hakikat mereka yang selama ini disembunyikan, maka Allah s.w.t. menunjukkan kepada Rasulullah s.a.w. dan juga kepada khalayak ramai di padang Mahsyar nanti keadaan seperti yang tersebut dalam hadits di atas, di mana Rasulullah s.a.w. menganggap orang-orang itu sebagai sahabatnya, padahal pada waktu itu Allah menunjukkan kepada semua orang bahawa mereka bukannya sahabat kerana telah jelas penyelewengan mereka sepeninggalan Rasulullah s.a.w.

Orang-orang yang termasuk di dalam hadits-hadits di atas mengikut Ahli Sunnah Wal-Jama'ah ialah orang-orang seperti 'Abdullah Ibn Ubai Ibn Salul, Malik bin Nuwairah dan sebagainya, tidak seperti golongan Syi'ah yang menganggap bahawa orang-orang yang termasuk di dalam makna hadits di atas ialah Sayyidina Abu Bakar, 'Umar, 'Utsman, 'Abdul Rahman bin Auf dan lain-lain. Jadi jelaslah, apa yang difahami Ahli Sunnah, berlainan dari apa yang difahami Syi'ah. (*Lihat As-Sab'ah Min As-Salaf dan lain-lain*)

Sekiranya 'ulama'-ulama' Ahli Sunnah itu tahu siapakah yang dikatakan sahabat yang tersebut di dalam hadits-hadits di atas menurut Syi'ah, tentulah mereka tidak dapat bertolak ansur dengan mereka.

- ii) Contoh yang kedua dari penggunaan metode ini ialah bahawa mereka mengemukakan hadits yang diriwayatkan dari Nafi' dari 'Abdullah katanya: "Nabi s.a.w. berdiri untuk berkhutbah. Maka baginda mengisyaratkan ke pihak rumah 'Aisyah, lalu baginda bersabda: "Dari sebelah sinilah akan timbul fitnah." Iaitu dari pihak terbitnya matahari. Baginda berkata demikian sebanyak tiga kali. Hadits ini diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Imam Ahmad dan lain-lain.

Tujuan golongan Syi'ah mengemukakan hadits ini ialah untuk membuktikan bahawa fitnah kekufturan akan muncul dari rumah 'Aisyah yakni dari 'Aisyah isteri Rasulullah s.a.w. Beliaulah yang akan menimbulkan kekacauan di kalangan ummat manusia, padahal jelas sekali kepada orang yang telah dikurniakan oleh Allah walaupun hanya sedikit citarasa untuk memahami hadits bahawa yang dimaksudkan oleh Rasulullah bukanlah seperti yang difaham oleh Syi'ah itu, bahkan Baginda Rasulullah s.a.w. bermaksud untuk menyatakan bahawa fitnah akan berlaku terhadap ummat Islam dari sebelah timur, umpamanya fitnah Yakuj dan Makuj dan juga fitnah-fitnah yang lain. Tetapi kerana kebodohan, dendam dan kebencian mereka terhadap sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w, mereka memahaminya sepetimana yang telah difahami mereka kerana secara kebetulan rumah Siti 'Aisyah itu terletak di sebelah timur. (*As-Sab'ah Min As-Salaf*, halaman 177)

### Ketiga

Di antara taktik mereka untuk mengelirukan ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah yang belum mengetahui kelihaihan dan kelincinan mereka dalam menipu, ialah menunjukkan beberapa buah kitab yang kononnya ditulis oleh tokoh Ahli Sunnah, serta selalu menonjol-nonjolkan riwayat-riwayat yang dikemukakan di dalam kitab *Al-Imamah Wa As-Siyasah*, yang dikatakan karangan Ibn Qutaibah dan *Yanabi’ Al-Mawaddah* yang dikatakan tulisan seorang tokoh ‘ulama’ Hanafi. Dengan berbuat demikian mereka menyangka boleh mengelirukan golongan ‘ulama’ Ahli Sunnah tanpa menyedari bahawa ramai ‘ulama’-‘ulama’ telah mengetahui rahsia dan telah terhidu tembelang mereka. Kerana itu ‘ulama’ Islam meragui kitab *Al-Imamah Wa As-Siyasah* sebagai sebuah karangan Ibn Qutaibah dan mereka mempertikaikan kesahihan nisbahnya kepada Ibn Qutaibah.

Syah ‘Abdul ‘Aziz berkata: “Kitab *Al-Imamah Wa As-Siyasah* bukannya tulisan Ibn Qutaibah tetapi ia adalah sebuah kitab yang ditulis oleh orang lain dan telah dihubungkan kepadanya kerana kedudukannya sebagai tokoh ‘ulama’ Ahli Sunnah Wal Jama‘ah yang begitu istimewa.” Syah ‘Abdul ‘Aziz mengemukakan beberapa bukti, di antaranya:-

- i) Kitab tersebut tidak tertulis di dalam senarai karangan-karangan beliau. Untuk melihat senarai tulisan Ibn Qutaibah, boleh dirujuk kepada kitab-kitab *Wafayat Al-A‘yan*, *Lisanu Al-Mizan*, *Tarikh Khatib Baghdad*, *Syazaratu Az-Zahab* dan *Bughyatul Wu‘at*. Tidak mungkin sebuah buku Ibn Qutaibah yang begitu terkenal dan tersebut di dalamnya serangan-serangan dan tuduhan-tuduhan terhadap para sahabat tidak diketahui oleh tokoh-tokoh hadits dan sejarah.
- ii) Ibn Qutaibah di dalam tulisan-tulisannya yang lain seperti *Adabu Al-Katib*, *Gharibu Al-Qur‘an*, *Gharibu Al-Hadits*, *Takwili Mukhtalifi Al-Hadits* dan lain-lain jelas menampakkan keahliannya dalam kesusasteraan ‘Arab di samping sikap beliau yang begitu keras terhadap Syi‘ah dan ahli-ahli bid‘ah yang lain. Tetapi kitabnya *Al-Imamah Wa As-Siyasah* ini langsung tidak mempunyai nilai sastera, jika tidak dipandang kepada cerita-cerita karut yang terdapat di dalamnya sekalipun. Orang-orang yang mempunyai daya menilai akan dapat memutuskan sendiri bahawa buku tersebut bukannya lahir dari seorang ahli sastera seperti Ibn Qutaibah.
- iii) Kebanyakan riwayat yang tersebut di dalam kitab *Al-Imamah Wa As-Siyasah* menyokong aliran Syi‘ah dan dengan jelas menunjukkan bahawa penulisnya seorang berfahaman Syi‘ah, sedangkan Ibn Qutaibah terkenal sebagai seorang yang kuat menentang Syi‘ah.

Bahkan Ibn Hajar mengatakan beliau lebih condong kepada aliran an-Nashb (aliran yang lebih kuat menyokong golongan Mu'awiyah r.a.) yang lebih keras sikapnya terhadap Syi'ah daripada golongan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

- iv) Bukti keempat yang menunjukkan kitab *Al-Imamah Wa As-Siyasah* bukannya tulisan Ibn Qutaibah ialah di dalamnya terdapat banyak riwayat dari 'ulama' Mesir sedangkan Ibn Qutaibah tidak pernah meriwayatkan apa-apa dari 'ulama'-'ulama' Mesir. Kerana itulah kebanyakan muhaddithin dan ahli sejarah tidak memasukkan nama *Al-Imamah Wa As-Siyasah* di dalam senarai tulisan Ibn Qutaibah.

Perkara ini diakui oleh tokoh-tokoh 'ulama' Islam dan juga orientalis-orientalis barat. Brockelmann berkata buku *Al-Imamah Wa As-Siyasah* itu dikatakan tulisan Ibn Qutaibah tetapi De Goeje berpendapat bahawa buku itu ditulis oleh seorang Mesir atau Maghribi semasa hayat Ibn Qutaibah. (Lihat Dairatu Al-Ma'arif Al-Islamiyyah, jilid 1, halaman 262, Ibn Qunfuz, *Al-Wafayat*, halaman 189)

Menurut Syah 'Abdul 'Aziz, terdapat dua orang yang dikenali sebagai Ibn Qutaibah, iaitu seorang bernama Ibrahim Ibn Qutaibah seorang Syi'ah pelampau dan yang kedua ialah 'Abdullah bin Muslim, tokoh Ahli Sunnah. Oleh kerana Ibn Qutaibah Ahli Sunnah telah menulis kitab bernama *Al-Ma'arif*, Ibn Qutaibah Syi'ah juga telah menulis sebuah buku dengan tajuk yang sama dengan tujuan untuk mengelirukan orang ramai. (*Tuhfah Ithna 'Asyariyyah*, halaman 89)

Seseorang yang pernah membaca dan meneliti kitab "Yanabi' Al-Mawaddah" pula tidak mungkin menganggap pengarangnya seorang tokoh Ahli Sunnah. Orang yang menulis sedemikian rupa tidak lagi seorang Ahli Sunnah dan dengan sendirinya ia menjadi Syi'ah walaupun sebelumnya ia mungkin seorang Ahli Sunnah. Apalagi jika diteliti tentang pengarangnya itu, tidak ditemui beliau sebagai seorang tokoh 'ulama' Ahli Sunnah dalam mazhab Hanafi.

Pengarang kitab tersebut bernama Sulaiman bin Ibrahim yang dikenali sebagai Khawajah Kalan Ibn Muhammad Ma'ruf yang dikenali dengan Baba Khawajah bin Ibrahim bin Muhammad Ma'ruf bin Syeikh Sayyid Tarsun al-Baqi al-Husaini al-Balkhi al-Qanduzi. Selalu juga pengarang kitab tersebut disebut sebagai Syeikh Sulaiman al-Qanduzi. Kitab itu selesai ditulis pada waktu Dhuha hari Isnin 9 Ramadhan 1291 H terdiri dari tiga jilid. Pengarangnya mengumpulkan di dalam kitabnya itu bahan-bahan yang diambil dari kitab-

kitab Syi'ah tulen seperti kitab Salim bin Qais al-Hilali, kitab *Al-Muwalat* oleh Ibn 'Uqdah, kitab *Maqtal* oleh Abi Mikhnaf (Lut bin Yahya), kitab *Al-Ghaibah* oleh Syeikh Muhammad bin 'Ali bin Husain, kitab *Al-Manaqib* oleh Akhthab Khuwarizm, kitab *Al-Bayan Fi Akhbari Shahibi Az-Zaman* oleh Syeikh Muhammad bin Yusof al-Kanji, kitab *Kasyfu Ghummah* oleh Syeikh 'Ali bin Isa al-Ardabili dan lain-lain.

Selain dari itu kitab ini juga mengemukakan riwayat-riwayat yang bermacam-macam, ada yang sahih, lemah, mungkar dan banyak pula yang maudhu'. Jika diperhatikan pemikiran dan kefahaman pengarangnya maka kita dapatkan beliau berkeyakinan terhadap 12 orang washi (12 orang imam yang telah kita sebutkan menurut tertibnya sebelum ini) yang mesti ditaati sepeninggalan Rasulullah s.a.w.

Imam terakhir sekali Muhammad al-Mahdi dikatakan akan berperang dan menentang golongan yang memusuhi Ahlul Bait (menurut anggapannya). Untuk membuktikan perkara ini beliau telah mengadakan bab yang tersendiri di dalam juzuk ketiga, bab 93. Beliau juga berkeyakinan Muhammad al-Mahdi ialah anak Hasan al-'Askari. Untuk itu beliau mengadakan bab yang tersendiri iaitu bab 86 juzuk 3 dari kitabnya itu. Beliau juga berkeyakinan bahawa Imam Mahdi telah lahir dan telah menghilangkan dirinya semasa hidup. Selepas menghilangkan diri beliau masih lagi bertemu dengan beberapa orang khawas yang bilangan mereka ialah 12 orang. Beliau telah menyebutkan nama setiap satu dari mereka yang sentiasa bertemu Imam Mahdi semasa Ghaibah Kubranya (Kehilangan Besar).

Untuk membuktikan perkara ini juga beliau telah mengadakan bab yang tersendiri iaitu bab 83 juzuk 3. Orang yang mempunyai keyakinan-keyakinan seperti yang tersebut ini masih bolehkah lagi kita ragui tentang Syi'ahnya? Walaupun ia mengatakan sikapnya hanya menyintai Ahlul Bait tetapi kata-kata itu tidak lebih dari taqiyyah yang merupakan senjata yang terbesar bagi golongan Syi'ah. Oleh itu bagaimanakah orang-orang Ahli Sunnah akan dapat mempercayai dan seterusnya berpegang dengan kitab orang yang seperti itu?

#### **Keempat**

Di antara cara yang digunakan oleh golongan Syi'ah untuk memukau golongan 'ulama' Ahli Sunnah yang menaruh sangka baik terhadap mereka ialah dengan berhujahkan beberapa nama perawi hadits yang dikatakan Syi'ah. Mereka mengatakan jika Syi'ah tidak Islam seperti

yang didakwakan oleh sesetengah golongan, maka bagaimanakah tokoh-tokoh hadits dari kalangan Ahli Sunnah sendiri menerima hadits-hadits daripada golongan Syi'ah? Jika diperhatikan perawi-perawi Syi'ah di dalam kitab-kitab hadits Ahli Sunnah maka kita akan dapat bilangan mereka terlalu ramai.

Ini menunjukkan Syi'ah adalah satu golongan yang dipercayai dan diterima oleh golongan Ahli Sunnah sendiri. Jika kita menolak Syi'ah bererti kita mesti juga menolak kitab-kitab tokoh hadits dari kalangan Ahli Sunnah seperti Bukhari, Muslim dan lain-lain. Dan jika mereka itu tidak boleh dipercayai maka dengan sendirinya kitab-kitab Ahli Sunnah itu tidak boleh dipercayai dan tidak boleh dipegang lagi.

Boleh jadi ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah yang tidak mengetahui tentang sejarah perkembangan Syi'ah akan termakan racun yang dihulurkan oleh mereka!

Tetapi jika ‘ulama’ Ahli Sunnah itu sedar tentang apa yang dikatakan Syi'ah di zaman permulaan Islam dan perbezaannya dengan Syi'ah kemudiannya seperti yang telah saya kemukakan sebelum ini pada muka surat 21-22\* buku ini, tentu mereka tidak termakan racun yang dihulurkan oleh Syi'ah. Bahkan mereka akan memahami bahawa tujuan imam-imam Ahli Sunnah mengemukakan riwayat dari orang-orang yang dianggap sebagai Syi'ah itu ialah untuk menguatkan lagi apa yang dikemukakan oleh mereka di dalam buku masing-masing. Umpamanya Imam Bukhari hanya mengemukakan beberapa hadits sahaja dari gurunya Imam Ahmad, padahal Imam Ahmad adalah seorang tokoh Ahli Sunnah yang sangat terkenal. Begitu juga dengan Imam Muslim, beliau hanya mengemukakan beberapa hadits yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari gurunya, padahal Imam Bukhari diakui ketokohnya oleh semua golongan Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Adalah salah sekali jika difahamkan daripada kenyataan di atas bahawa Imam Bukhari kurang percaya kepada riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh gurunya iaitu Imam Ahmad. Begitu juga Imam Muslim tidak begitu percaya kepada riwayat gurunya Imam Bukhari, malah mereka lebih percaya kepada Syi'ah daripada tokoh-tokoh Ahli Sunnah. Mereka bersikap demikian kerana bagi mereka tidak perlu dikemukakan riwayat-riwayat dari orang-orang yang sefahaman dan sudah diterima umum, kerana tentunya mereka sepandapat dan mengeluarkan hadits-hadits yang serupa. Tetapi jika orang yang tidak sefahaman dengan seseorang mengeluarkan sesuatu hadits maka itu adalah satu bukti yang kuat untuk menunjukkan kebenaran hadits yang diriwayatkan itu.

Inilah rahsia kenapakah imam-imam Ahli Sunnah Wal Jama'ah menerima riwayat-riwayat dari orang-orang yang dianggap sebagai Syi'ah, Khawarij, Nashibi dan sebagainya dengan syarat-syarat yang tertentu. Di antaranya ialah riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh golongan-golongan yang tersebut bukan menyokong fahaman mereka dan mereka pula ialah orang-orang yang tidak menyeru orang lain kepada fahamannya. Jika tidak, maka tentu sekali 'ulama'-ulama' Islam tidak menerima hadits-hadits yang diriwayatkan oleh ahli bid'ah seperti itu. Ini adalah suatu yang disepakati oleh semua 'ulama' Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

### Kelima

Di antara taktik yang digunakan oleh golongan Syi'ah untuk mengelirukan 'ulama' Ahli Sunnah yang belum mengetahui perangai mereka ialah dengan memutarbelitkan istilah-istilah yang digunakan oleh 'ulama'-ulama' Ahli Sunnah di dalam kitab-kitab mereka. Umpamanya mereka menggunakan istilah "awwaliyyaat" yang disebutkan oleh al-Imam Jalaluddin as-Suyuti di dalam *Tarikh Al-Khulafa'* untuk menunjukkan bahawa Sayyidina 'Umar dan 'Utsman telah mengadak-an perkara baru (bid'ah) semasa pemerintahan masing-masing.

Mereka menjadikan "awwaliyyaat 'Umar" atau "awwaliyyaat 'Utsman" sebagai "mubtada'at", yakni perkara bid'ah yang diada-adakan oleh 'Umar dan 'Utsman, padahal tujuan asal pengarangnya menggunakan istilah tersebut ialah untuk menyatakan keutamaan dan jasa-jasa besar khalifah itu yang dilakukan semasa pemerintahan masing-masing.

Ini bererti golongan Syi'ah memahami "awwaliyyaat 'Umar" umpamanya sebagai "min mubtada'aatihi" yakni di antara perkara-perkara bid'ah yang diada-adakan oleh 'Umar, sedangkan pengarangnya bermaksud dengan "awwaliyyaat 'Umar" ialah "min maatsirihi" yakni "di antara keutamaan dan jasa-jasa mereka semasa pemerintahannya sebagai orang yang mula-mula sekali melakukannya atau orang yang mula-mula sekali menguatkuasakannya".

Istilah "awwaliyyaat" yang digunakan oleh as-Suyuti di dalam kitabnya itu tidak boleh dianggap sebagai mubtada'at, kerana adakah boleh dimasukkan ke dalam mubtada'at keutamaan-keutamaan dan jasa-jasa besar Sayyidina 'Umar dan Sayyidina 'Utsman yang telah disebutkan oleh Imam Jalaluddin as-Suyuti? Umpamanya:-

- i. Sayyidina 'Umar adalah orang yang mula-mula berjalan di waktu malam untuk mengetahui keadaan rakyatnya.

- ii. Sayyidina 'Umar adalah khalifah yang mula-mula mengadakan gedung tempat simpanan gandum, tamar, zabib dan sebagainya daripada keperluan umum masyarakat dengan tujuan membantu orang-orang yang memerlukan kepada bahan makanan tersebut.
- iii. Sayyidina 'Umar juga orang yang mula-mula sekali menyalakan lampu di masjid pada bulan Ramadhan. Kerananya Sayyidina 'Ali mendoakan, "Semoga Allah menyinari kubur 'Umar sebagaimana ia telah menyinari masjid-masjid kita."

Begitu juga dengan "awwaliyyaat 'Utsman", umpamanya:-

- i. Beliau adalah orang yang mula-mula menjawat jawatan khalifah semasa hayat ibunya.
- ii. Beliau adalah orang yang mula-mula berhijrah bersama ahli keluarganya dari ummat ini, dan
- iii. Beliau adalah khalifah yang mula-mula memberi gaji kepada mu'azzin.

Adakah perkara-perkara yang disebutkan oleh as-Suyuti di dalam kitabnya itu di bawah tajuk "Awwaliyyat" boleh dianggap sebagai mutbada'at seperti yang difaham oleh Syi'ah? Tidakkah dengan menyebutkan perkara-perkara seumpama itu, pengarangnya bermaksud menyatakan keutamaan dan jasa-jasa besar yang pernah mereka lakukan semasa pemerintahan mereka?

Dari itu jelaslah golongan Syi'ah sengaja memutarbelitkan istilah-istilah yang digunakan oleh 'ulama'-ulama' Ahli Sunnah dengan tujuan memukau golongan 'ulama' Ahli Sunnah yang terlalu mendatar ilmunya, ataupun golongan Syi'ah itu memang tiada memahami istilah sebagaimana yang dimaksudkan oleh pengarangnya lantaran terlalu ceteknya ilmu mereka sehingga tidak dapat menyesuaikan antara tajuk dengan isi kandungannya.

## MENJADIKAN SEJARAH SEBAGAI NAS

Oleh kerana golongan Syi'ah dan kuncu-kuncunya selalu menggunakan sejarah sebagai rujukannya untuk memudarkan cahaya kegemilangan kerajaan Islam yang lampau maka dengan tajuk ini penulis akan mengemukakan kedudukan sejarah dan buku-buku rujukan terpentingnya supaya dengan itu kita meletakkan sejarah di suatu tempat yang sewajarnya. Penjelasan ini adalah penting untuk memahami metodologi 'ulama' Islam dalam penulisannya.

Kaedah penulisan golongan Syi'ah dan kuncu-kuncunya sungguh ganjil. Selalu saja mereka mengutamakan sejarah dari hadits-hadits untuk menunjukkan kejahatan sahabat-sahabat. Mereka selalu mengemukakan riwayat-riwayat sejarah dengan mengenepikan langsung ayat-ayat al-Qur'an, hadits-hadits saih yang menyebutkan keutamaan dan kelebihan para sahabat itu sama ada secara umum atau secara khusus. Cara inilah yang seringkali menyebabkan berlakunya percanggahan di dalam kitab-kitab mereka. Mereka menyamakan kitab-kitab sejarah dengan kitab-kitab hadits.

Saya sekali-kali tidak mengatakan bahawa riwayat-riwayat sejarah langsung tidak boleh diterima tetapi kita mestilah meletakkan sejarah di tempat yang sewajar dengannya. Jika kedudukan hadits di bawah dari al-Qur'an maka begitu juga kedudukan sejarah, di bawah lagi dari hadits. Sesuatu riwayat sejarah yang bercanggah dengan al-Qur'an dan hadits mestilah ditolak, apalagi yang menyentuh soal 'aqidah. Usahakan riwayat-riwayat sejarah, riwayat-riwayat dari hadits sendiri pun mesti diketepikan apabila bercanggah dengan al-Qur'an dan tidak ada jalan untuk menyesuaikannya dengan al-Qur'an atau dalam erti kata yang lain apabila hadits-hadits tersebut tidak boleh ditakwil lagi.

Sebenarnya golongan Syi'ah memang bencikan sahabat kerana itu mereka mengambil riwayat-riwayat sejarah yang memburuk-burukkan sahabat semata-mata. Riwayat-riwayat yang menunjukkan kemuliaan, kejujuran dan keutamaan para sahabat diketepikan langsung padahal riwayat-riwayat itu memang ada di dalam kitab-kitab hadits dan juga kitab-kitab sejarah.

Apakah rahsia di sebalik kebencian dan dendam Syi'ah yang begitu memuncak terhadap sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w? Untuk mengetahuinya perlulah kita merujuk kepada sejarah yang mendedahkan rahsia ini.

'Allamah Abu Bakar Ahmad bin 'Ali al-Khatib al-Baghdadi (wafat 463 H) mengemukakan riwayat yang berasal dari Imam Abu Daud bahawa ketika Syakir, seorang ketua orang-orang zindiq (Syi'ah) dibawa ke hadapan Khalifah ar-Rasyid untuk dipenggal lehernya, Khalifah ar-

Rasyid bertanya beliau: "Ceritakan kepadaku kenapakah pelajaran pertama yang kamu berikan kepada pelajar-pelajar kamu ialah pelajaran tentang rafdh (bencikan sahabat) dan qadar (menafikan takdir)?" Syakir berkata: "Tujuan kami mengajarkan konsep rafdh ini ialah supaya keyakinan orang terhadap pembawa-pembawa agama (sahabat) hilang. Apabila keyakinan orang terhadap pembawa agama itu hilang maka dengan sendirinya keyakinan mereka terhadap agama yang dibawa mereka itu juga akan hilang.

Tujuan kami mengajarkan konsep penafian takdir pula ialah untuk menimbulkan keraguan di dalam fikiran orang ramai bahawa jika sebahagian daripada perbuatan mereka itu di luar dari takdir Allah maka kemungkinan terkeluarnya semua perbuatan mereka dari takdir Tuhan, juga mungkin." (*Tarikh Baghdad, jilid 4, halaman 308*)

Sekiranya mereka menerima apa yang tersebut di dalam kitab-kitab sejarah maka seharusnya juga mereka menerima riwayat-riwayat sejarah yang menunjukkan kemuliaan dan keutamaan para sahabat tersebut, tetapi barangkali mereka terfikir jika diambil juga riwayat-riwayat tentang kemuliaan dan keutamaan para sahabat maka akan nyata percanggahan di antara riwayat-riwayat sejarah itu, kerananya mereka hanya mengambil riwayat-riwayat sejarah yang memburuk-burukkan sahabat sahaja.

Persoalan yang timbul: Kenapakah mereka tidak mengambil riwayat-riwayat sejarah yang menunjukkan kebaikan sahabat tetapi sebaliknya memilih riwayat-riwayat yang memburuk-burukkan semata-mata? Sekiranya mereka adil tanpa menilik kepada kedudukan sanad-sanad bagi sesuatu riwayat sejarah itu, seharusnya mereka menerima kedua-dua macam fakta yang tersebut di dalam sejarah. Inilah satu keganjian sikap Syi'ah ketika menjadikan sejarah sebagai hujjah. Tidak mungkin mereka mengatakan sanad-sanad riwayat sejarah yang menyebutkan kebaikan dan keutamaan para sahabat semuanya lemah atau karut, sebagaimana juga mereka tidak mungkin mengatakan semua riwayat-riwayat sejarah yang memburukkan sahabat-sahabat adalah sahih dan kuat. Seringkali mereka menonjol-nonjolkan perawi yang dhaif atau matruk (tidak diterima riwayatnya) di dalam sanad sesuatu riwayat sejarah yang menyatakan kelebihan dan keutamaan para sahabat tetapi mereka tidak pula menyebutkan langsung keadaan perawi-perawi yang lemah atau matruk ini jika riwayatnya memuatkan cerita-cerita yang memburuk-burukkan para sahabat.

Selain dari itu mereka hanya mengemukakan riwayat-riwayat yang memburuk-burukkan para sahabat seperti Sayyidina Abu Bakar, 'Umar, 'Utsman dan lain-lain seperti yang tersebut di

dalam kitab-kitab sejarah, tetapi tidak mengemukakan riwayat yang tersebut di dalam kitab sejarah yang sama yang memuatkan kebaikan-kebaikan para sahabat.

Sebagai contohnya mereka selalu mengemukakan riwayat yang memuatkan kisah-kisah kezaliman Busru bin Artat, seorang gabenor yang dilantik oleh Sayyidina Mu'awiyah r.a., untuk menuduh Sayyidina Mu'awiyah r.a. sendiri sebagai pemerintah yang zalim kerana melantik orang seumpama itu. Maka mereka mengemukakan at-Thabari sebagai rujukannya.

Seandainya mereka menerima setiap riwayat yang dikemukakan oleh at-Thabari, kenapakah mereka tidak menerima juga riwayat yang dikemukakan oleh at-Thabari yang memuatkan kisah-kisah kezaliman gabenor yang dilantik oleh Sayyidina 'Ali r.a. iaitu Jariah bin Qudamah? Sayyidina 'Ali r.a. telah menghantar beliau bersama 2000 orang tentera untuk mengejar Busru bin Artat. Setelah sampai di Najran, beliau membakarnya semua sekali lalu menangkap pendokong-pendokong Sayyidina 'Utsman dan membunuh mereka.

Kemudian beliau sampai di Madinah. Ketika itu Abu Hurairah sedang mengimamkan sembahyang. Abu Hurairah ternampak Jariah ketika sedang bersembahyang dan beliau terus melarikan diri. Melihat keadaan Abu Hurairah itu Jariah pun berkata: "Demi Allah! Sekiranya aku sempat menangkap Abu Hurairah tentu aku penggal lehernya." (*Thabari, jilid 4, halaman 107, Al-Bidayah Wa An-Nihayah, jilid 8, halaman 322*) Jariah ini juga telah dihantar oleh Sayyidina 'Ali r.a. ke Basrah. Di sana dia mengepung 'Abdullah bin al-Hadhrami, utusan Sayyidina Mu'awiyah r.a. dan telah membakarnya bersama rumahnya sekali. (*Al-Isti'ab, jilid 1, halaman 247*)

Jika tujuan mereka dengan mengemukakan riwayat-riwayat yang memuatkan kezaliman Busru bin Artat ialah untuk memburuk-burukkan Sayyidina Mu'awiyah r.a., kenapakah mereka tidak mengemukakan riwayat-riwayat yang tersebut di dalam kitab-kitab yang sama tentang kezaliman Jariah yang menunjukkan kezaliman Sayyidina 'Ali r.a. sendiri? Kenapakah mereka tidak memandang buruk terhadap Sayyidina 'Ali r.a. kerana keburukan pekerti gabenorinya sebagaimana mereka memandang buruk Sayyidina Mu'awiyah kerana keburukan pekerti gabenorinya? Jika diperhatikan kitab-kitab sejarah, kita dapat Sayyidina Mu'awiyah r.a. telah melucutkan jawatan gabenor Busru bin Artat apabila mengetahui kezaliman dan keburukan pekertinya setelah berlalu beberapa ketika zaman kekacauan itu. (*Tarikh Ibn Khaldun, jilid 3, halaman 998*) Tetapi tidak tersebut di dalam mana-mana riwayat sejarah bahawa Sayyidina 'Ali telah melucutkan juga jawatan Jariah bin Qudamah kerana kezaliman dan keburukan pekertinya.

Bagi kita yang tidak menganggap sejarah sebagai nas dan tidak mengutamakannya daripada riwayat-riwayat hadits yang sahih dan keutamaan para sahabat yang telah terbukti melalui al-Qur'an dan as-Sunnah, riwayat-riwayat yang seumpama itu tidaklah akan membingungkan kita dan menghilangkan keyakinan kita terhadap para sahabat yang telah terbukti kejujuran dan keadilannya. Berdasarkan hadits yang sahih, dengan mudah sahaja kita menolak riwayat-riwayat sejarah yang seumpama itu setelah diuji dengan usul-usul yang telah diterima oleh ‘ulama’-‘ulama’ kita terdahulu. Tetapi bagi golongan Syi‘ah yang tidak mempunyai usul-usul untuk menilai sejarah tentu sekali sukar untuk mengkompromikan antara dua riwayat tersebut. Sebagaimana riwayat pertama menyatakan keburukan dan kezaliman Sayyidina Mu‘awiyah, maka riwayat kedua pula menunjukkan kezaliman dan keburukan Sayyidina ‘Ali.

Metode penerimaan Syi‘ah yang tidak mempunyai prinsip dan usul seperti inilah yang menyebabkan berlakunya penyelewengan ‘aqidah, salah faham, menimbulkan keraguan dan kebingungan di kalangan orang-orang yang tidak dapat menilai riwayat-riwayat sejarah. Kerapkali juga golongan yang terpengaruh dengan Syi‘ah terpedaya dengan alasan Syi‘ah; “Bahawa fakta yang kita sebutkan ini tersebut di dalam At-Thabari, Al-Kamil, Thabaqat Ibn sa‘ad dan lain-lain yang mana pengarang-pengarangnya adalah tokoh ‘ulama’ Ahli Sunnah sendiri yang diterima dan diakui ketokohnanya.” Mereka lupa bahawa kitab-kitab tersebut adalah kitab-kitab sejarah. Kitab sejarah sifatnya berbeza dari kitab hadits.

Ia memuatkan semua macam riwayat, sama ada yang sahih, dhaif hatta yang maudhu’ sekalipun. Pengarangnya tidak boleh dipersalahkan kerana mengemukakan riwayat-riwayat seperti itu, kerana mereka telah menyempurnakan tanggungjawab mereka sebagai ahli sejarah yang patut disanjung kerana memuatkan semua cerita, baik yang pro atau kontra di samping tidak mengabaikan sudut isnadnya supaya orang-orang yang ahli dapat menilainya kemudian. Kita hanya dapat menganggap mereka sebagai orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan penyebar fitnah di kalangan masyarakat apabila mereka hanya mengemukakan cerita-cerita tanpa isnad.

Keadaan ini sama seperti ‘ulama’-‘ulama’ fiqh Islam yang menulis kitab perubatan, umpamanya Jalaluddin as-Suyuti yang diterima oleh ‘ulama’-‘ulama’ ketokohnya. Di dalam buku perubatannya *Ar-Rahmah Fi At-Tibbi Wa Al-Hikmah*, beliau banyak menyebutkan ubat-ubatan dari bahan-bahan yang haram digunakan. Tidak harus seseorang yang membaca kitab tersebut menganggap bahawa bahan-bahan haram yang disebutkan as-Suyuti itu sebagai halal kerana telah dikemukakan oleh as-Suyuti seorang ahli fiqh.

Seorang ahli fiqh seperti as-Suyuti tentu mengetahui apa yang halal dan apa yang haram. Sekiranya bahan itu haram tentu as-Suyuti tidak mengemukakannya sebagai ubat. Mereka lupa bahawa buku perubatan berbeza dari buku fiqh.

Jalaluddin as-Suyuti tidak boleh dipersalahkan kerana menyebut bahan-bahan yang haram di dalam kitabnya lantaran beliau telah menyebutkannya di dalam buku perubatan. Orang yang menganggap sesuatu yang haram itu halal kerana as-Suyuti menyebutnya di dalam kitab perubatannya itulah yang mesti dipersalahkan kerana tidak tahu membezakan antara tulisan ‘ulama’ di dalam kitab perubatan dengan tulisannya di dalam kitab fiqh.

Sebagaimana Jalaluddin as-Suyuti tidak boleh dipersalahkan kerana menyebutkan beberapa bahan haram sebagai ubat, begitu juga at-Thabari, Ibn al-Atsir, Ibn Sa‘ad dan lain-lain tidak boleh dipertikaikan kerana telah mengemukakan riwayat-riwayat yang karut dan tidak berasas bahkan bercanggah dengan riwayat-riwayat hadits yang lebih sahih daripadanya, di dalam kitab-kitab sejarah mereka. Hanya orang-orang yang mengambil secara membuta tuli segala apa yang tersebut di dalam kitab-kitab itu sahaja yang harus dipersalahkan, kerana mereka telah menyalahgunakan apa yang telah dikemukakan oleh ‘ulama’-‘ulama’ tersebut.

## RUJUKAN SEJARAH

Di sini saya akan mengemukakan kedudukan dan latar belakang rujukan sejarah yang selalunya dijadikan rujukan dan nas oleh Syi'ah untuk menentang golongan Ahli Sunnah.

### Tarikh At-Thabari

Kitab tarikh ini bernama *Tarikh Al-Umam Wa Al-Muluk* dan lebih dikenali dengan *Tarikh At-Thabari*. ‘Ulama’ berbeza pendapat tentang Ibn Jarir at-Thabari ini. Ada di antara mereka berpendapat beliau adalah ahli tafsir dan ahli sejarah dari kalangan Ahli Sunnah yang handal. Syeikh Muhibbuddin al-Khatib menulis;

“Sejarah Islam ditulis di zaman kejatuhan kerajaan Bani Umayyah dan ketika gara-gara kenaikan dan kemunculan kerajaan `Abbasiyah bermula. Di zaman itu orang ramai tidak senang berbicara tentang kebanggaan-kebanggaan dan jasa-jasa baik oleh kerajaan sebelumnya. Maka golongan yang didapati mengambil bahagian dalam penulisan sejarah Islam pada waktu itu terdiri dari 3 golongan.

Golongan pertama ialah golongan yang menulis kitab-kitab dengan maksud menentang Bani Umayyah. Mereka cuba memburuk-burukkan usaha baik Bani Umayyah dengan tujuan mendapat penghargaan dan kesenangan hidup daripada pihak musuhnya iaitu Bani ‘Abbas.

Golongan kedua ialah golongan yang menganggap tidak sempurna beragama dan tidak mungkin dapat menghampirkan diri kepada Allah selagi tidak diburukkan nama baik Abu Bakar, ‘Umar, ‘Utsman dan semua keturunan Bani Umayyah.

Golongan ketiga pula terdiri dari penulis-penulis yang adil dan beragama seperti at-Thabari, Ibn ‘Asakir, Ibn al-Atsir dan Ibn Katsir. Golongan ini berpendapat adalah adil dikumpulkan semua cerita-cerita yang disampaikan oleh ahli-ahli cerita dari berbagai-bagai aliran dan fahaman seperti Lut bin Yahya (seorang Syi’ah jati) dan Saif bin ‘Umar al-‘Iraqi yang berfahaman agak sederhana.

Boleh jadi ada di antara mereka terpaksa berbuat demikian untuk mengambil hati sesetengah pihak yang merasakan dirinya kuat dan berkedudukan. Walau bagaimanapun kebanyakan penulis-penulis dari golongan yang ketiga ini menyebutkan nama perawi-perawi bagi cerita-cerita yang mereka masukkan ke dalam kitab-kitab masing-masing supaya dengannya pengkaji dapat memastikan kedudukan setiap cerita yang dikemukakan setelah diselidiki perawi-perawinya. Pusaka penulisan sejarah yang sampai kepada kita ini bukanlah

sebagai sejarah kita, tetapi ia merupakan bahan yang sangat berguna dalam kajian dan penyelidikan untuk diambil sejarah kita daripadanya.

Perkara ini boleh dicapai apabila seseorang pengkaji mengambil kira sudut-sudut kekuatan dan kelemahan di dalam buku-buku sejarah tersebut. Di samping itu ia juga mempunyai keahlian yang dapat memisahkan antara hakikat berlakunya sesuatu peristiwa atau tidak dengan menggunakan usul-usul untuk menilai cerita yang sahih serta mengasingkannya dari tambahan yang berlaku ke atas cerita itu. (*Ta'liq Al-'Awasim Min Al-Qawasim halaman 177*)

Ada pula 'ulama' mengatakan beliau (Ibn Jarir at-Thabari) seorang Syi'ah. Muhyiddin Ahmad bin 'Ali Sulaimani berkata beliau mencipta hadits menyokong golongan Syi'ah. (*Lisan Al-Mizan, jilid 5, halaman 100*) Ibn Hajar al-'Asqalaani menaqlakan pendapat seorang 'ulama'; "Abu Ja'far at-Thabari adalah seorang tokoh Syi'ah Imamiyyah (*Ibid, jilid 5 halaman 100*), kerana itulah semasa hidupnya beliau mendapat tentangan dari masyarakat umum lantaran pemikiran Syi'ahnya. Ketika beliau meninggal dunia, jenazahnya tidak dibenarkan untuk dikebumikan di tanah perkuburan orang-orang Islam kerana dituduh sebagai Syi'ah Rafidah, oleh itu beliau dikebumikan di dalam rumahnya sendiri." (*Al-Bidayah Wa An-Nihayah, jilid 11, halaman 146*)

Golongan 'ulama' ini menganggap bahawa di antara bukti jelas yang menunjukkan Ibn Jarir at-Thabari seorang Syi'ah ialah kebanyakan riwayat yang dinaqlakan oleh beliau di dalam kitabnya itu ialah dari perawi-perawi Syi'ah dan hampir 90% daripadanya ialah riwayat yang diambil daripada Abu Mikhnaf Lut bin Yahya yang telah ditolak oleh semua tokoh muhaddithin. Mereka menganggap Abu Mikhnaf seorang Syi'ah jati dan seorang pembohong yang tidak boleh dipegang riwayat-riwayatnya. (*Mizan Al-I'tidal, jilid 2, halaman 360, Qanun Al-Maudhu'at, halaman 286, Lisan Al-Mizan, jilid 4, halaman 492, Taj Al-'Arus Syarah Qamus, jilid 6, fasal 5, halaman 105*)

Perawi kedua yang banyak diambil riwayatnya oleh at-Thabari ialah Muhamad bin as-Sa'ib al-Kalbi dan ketiga, anaknya Hisyam. Kedua-dua orang ini adalah dari golongan Syi'ah Saba'iyyah dan termasuk di antara pendusta di dalam riwayat. (*Mizan Al-I'tidal, jilid 3, halaman 62 dan 256, Lisan Al-Mizan, jilid 6, halaman 196 dan 197*)

Kebanyakan kitab-kitab sejarah yang lain berasal atau berpunca dari kitab Tarikh At-Thabari ini seperti Al-Kamil oleh Ibn al-Atsir, Tarikh Ibn Khaldun, Tarikh Abul Fida' dan lain-lain.

Menurut Maulana Syibli Nu'mani kitab ini tidak ditemui beberapa lama di dunia Islam dan ia mula diterbitkan di dunia barat oleh para orientalis. (*Siratu An-Nabi, jilid 1, halaman 54*)

Di satu tempat lain Maulana Syibli menulis; “Dalam masa 14 tahun, iaitu dari tahun 1879 M hingga 1892 M, dengan tidak mengenal penat lelah Prof. J. Barth, Prof. MJ. De Geoje, Prof. Noldeke dan beberapa orang professor lain telah berusaha menerbitkan kitab *At-Thabari* yang terkenal itu setelah tidak ditemui beberapa lama di dunia Islam.” (*Ibid, jilid 1, halaman 107*)

Bayangkan, buku yang sekian lama tidak ditemui di dunia Islam dan kemudiannya diterbitkan oleh golongan orientalis yang kebanyakannya merupakan musuh ketat Islam. Bagaimanakah boleh dipercayai dan boleh diyakini tentang keterpeliharaannya daripada tokok tambah mereka?

Ibn Katsir menulis; “Ibn Jarir menulis di dalam kitabnya; “Bahawa para sahabat menulis surat ke seluruh bandar-bandar pusat dunia Islam pada waktu itu dalam mana mereka menghasut orang ramai supaya memerangi Sayyidina ‘Utsman r.a.” Setelah menukilkan demikian Ibn Katsir menulis; “Ini adalah satu pembohongan terhadap para sahabat r.a.” (*Al-Bidayah Wa An-Nihayah, jilid 7, halaman 175*)

Walau bagaimanapun *at-Thabari* boleh dimaafkan kerana beliau mengemukakan isnad ketika membawa cerita-cerita di dalam bukunya itu. Tetapi bagaimanakah dengan orang-orang yang menukilkan dari kitab *at-Thabari* dengan membuta tuli tanpa meneliti sanad-sanadnya walaupun perkara yang dipetik itu bercanggah dengan ‘aqidah Islam dan bertentangan dengan riwayat-riwayat sahih dan mu’tabar di sisi ‘ulama’ Islam?

Orang-orang seperti ini tentu tidak boleh dimaafkan kerana dengan berbuat demikian mereka telah membiarkan dan membuat masyarakat umum berada di dalam kebingungan yang akhirnya boleh menggugat ‘aqidah mereka.

Pada pandangan saya, *at-Thabari* adalah salah seorang tokoh ‘ulama’ Ahli Sunnah Wal Jama‘ah, demikian juga pendapat jumhur ‘ulama’ Islam. Beliau telah melaksanakan tanggungjawabnya sebagai ahli sejarah melalui kitab beliau tersebut. Namun begitu kemungkinan besar telah berlaku banyak pengubahan dan pindaan terhadap buku itu kerana sebab-sebab yang telah kita kemukakan sebelum ini. Ibn Katsir sendiri telah menganggap beliau sebagai tokoh Ahli Sunnah Wal Jama‘ah.

### Thabaqat Ibn Sa'ad

Kitab ini bernama “*At-Thabaqat Al-Kubra*” dan lebih dikenali dengan nama “*Thabaqat Ibn Sa`ad*”. Penulisnya bernama Muhammad bin Sa`ad, murid al-Waqidi dan guru kepada ahli sejarah, Balazuri. Walaupun Khatib al-Baghdadi, Ibn Khallikan dan tokoh-tokoh ‘ulama’ hadits yang lain mengatakan beliau seorang yang sangat benar, boleh dipercayai, seorang yang mempunyai ilmu dan keutamaan, namun tokoh pengkaji hadits, Yahya bin Ma`in, tidak menganggapnya tsiqah.

Di suatu ketika dahulu kitab ini hampir tidak ditemui dengan lengkapnya di mana-mana khutub-khanah di dunia. Setelah itu Maharaja Jerman terfikir untuk mencetak dan mengedarkannya kembali. Beliau telah membelanjakan berjuta-juta wang untuk tujuan tersebut. Untuk itu beliau telah menugaskan Prof. Sachau supaya mengumpulkan kembali semua bahagian kitab tersebut dari serata negeri. Prof. Sachau telah mengumpulkan bahagian-bahagian kitab tersebut dari Constantinople, Mesir dan beberapa buah khutub-khanah di Eropah. Kemudian buku itu telah ditashihkan oleh 12 orang professor yang kebanyakannya mereka terdiri dari paderi Kristian. Setiap orang daripadanya mengambil beberapa bahagian buku tersebut untuk ditashihkan.

Pada tahun 1900 M, buku itu dicetak dan diterbitkan di Leyden, Holland. (*Siratu An-Nabi, jilid 1, halaman 53, Hakim Mahmud Ahmad Zafar, Sayyidina Mu'awiyah Sakhsiyat Aur Kirdar, jilid 1, halaman 59*)

Hari ini buku itu boleh ditemui di mana-mana dan dicetak di Mesir beberapa kali. Walaupun begitu, cetakan di Mesir itu merupakan salinan kepada cetakan Leyden sebelumnya. Bayangkan, kitab yang begitu lama tidak ditemui di dunia Islam dan telah diperkenalkan oleh dunia barat melalui orientalis yang bukan Islam dan terlalu fanatik dengan ugama Kristiannya, terdiri dari paderi yang memusuhi ummat Islam selama 1300 tahun, tentu sekali tidak terlepas daripada usaha-usaha jahat mereka untuk mengelirukan ummat Islam terutama berhubung dengan para sahabat Baginda s.a.w. yang telah menghancurkan semua agama dengan menegakkan Islam di atas runtuhan mereka.

Patutkah kita menerima segala riwayat yang tersebut di dalam kitab seperti ini tanpa menilai, menyelidik dan mengujinya terlebih dahulu dengan usul-usul kritik yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh ‘ulama’ kita? Jika kita menerima dengan membuta tuli segala riwayat yang tersebut di dalam kitab-kitab seumpama ini tentunya ia akan bertentangan dengan

riwayat-riwayat sahih yang diterima oleh para ‘ulama’ dan ummat Islam yang amanah dalam ilmunya.

Lihatlah kepada perawi kitab *Thabaqat* ini. Guru-guru pengarangnya terdiri dari al-Waqidi, Hisyam bin Muhammad bin as-Sa’ib al-Kalbi dan Abu Ma’syar. Semua ‘ulama’ sepakat mengatakan al-Waqidi seorang ahli cerita. Imam an-Nasa’i berkata: “Pendusta-pendusta yang paling terkenal dalam mencipta riwayat-riwayat palsu ialah:-

- i. Ibn Abi Yahya di Madinah
- ii. Al-Waqidi di Baghdad
- iii. Muqatil bin Sulaiman di Khurasan
- iv. Muhammad bin Sa’id (yang telah disalib) di Syam.

(*Tahzib At-Tahzib*, jilid 9 halaman 326, *Al-La’ali’u Al-Masnu’ah Fi Al-Ahadisi Al-Maudhu’ah*, jilid 2, halaman 473)

Imam Ahmad bin Hambal berkata: “Beliau seorang pembohong besar.” `Ali Ibn al-Madini berkata: “Beliau mempunyai lebih 2,000 hadits yang tidak berasas langsung.” (*Tahzib At-Tahzib*, jilid 9, halaman 326) Imam Syafi`i berkata: “Semua tulisan al-Waqidi merupakan timbunan dusta.” (*Ibid.* halaman 325) “Punca kebanyakan riwayat-riwayat yang karut di dalam kitab-kitab sirah ialah dari tulisan-tulisan beliau.” (*Siratu An-Nabi*, jilid 1, halaman 59)

Demikian juga keadaannya Hisyam bin Muhammad as-Sa’ib al-Kalbi dan Abu Ma’syar. Hafiz Dzahabi dan Hafiz Ibn Hajar mengatakan: “Hisyam bin Muhammad as-Sa’ib adalah seorang pendusta.” (*Mizan Al-I’tidal*, jilid 3, halaman 62 dan 256, *Lisan Al-Mizan*, jilid 6, halaman 196-197 dan halaman 529)

Demikian juga dengan buku-buku sejarah yang lain seperti *Al-Kamil* dan *Usdu Al-Ghabah* karangan Ibn al-Atsir dan *Al-Bidayah Wa An-Nihayah* karangan Ibn Katsir. Kitab-kitab ini semuanya berpuncak dari kitab at-Thabari yang tersebut tadi. Perawi-perawinya adalah sama. Walaupun di antara mereka ada yang bersikap lebih berhati-hati namun kitab-kitab itu adalah kitab-kitab sejarah yang tentunya berbeza metode penulisannya daripada metode penulisan kitab-kitab hadits.

Persoalan yang timbul di sini ialah, “Adakah semua riwayat di dalam kitab sejarah itu tidak boleh diterima? Bagaimanakah pula caranya ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah Wal Jama‘ah menerima riwayat-riwayat sejarah?”

Di sini saya akan mengemukakan beberapa usul yang dipegang oleh ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah Wal Jama‘ah dalam menerima riwayat-riwayat sejarah. Jika riwayat-riwayat itu tidak bercanggah dengan usul-usul tersebut maka bolehlah ia diterima. Usul-usul itu adalah seperti di bawah ini:-

1. Riwayat itu tidak bercanggah dengan al-Qur'an.
2. Riwayat itu tidak bercanggah dengan sunnah yang mutawatir.
3. Riwayat itu tidak bercanggah dengan ijmak para sahabat
4. Riwayat-riwayat yang menceritakan sesuatu peristiwa penting yang dapat disaksikan oleh ramai orang dan sepatutnya ia diriwayatkan oleh bilangan yang ramai, tetapi jika riwayat itu hanya diriwayatkan oleh seorang dua sahaja maka riwayat yang seperti ini juga tidak boleh diterima.
5. Riwayat itu tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip yang ditemui dan diterima oleh ‘ulama’-‘ulama’ yang mu’tabar.
6. Riwayat itu tidak bercanggah dengan hadits-hadits yang sahih dan maqbul.
7. Riwayat itu tidak bercanggah dengan kaedah-kaedah bahasa ‘Arab.
8. Riwayat itu bukan riwayat yang dikemukakan oleh seorang sahaja perawi dan ia sendiri tidak bertemu dengan orang yang dikatakan diambil riwayat itu darinya.
9. Riwayat itu tidak bercanggah dengan kedudukan nabi atau kedudukan para sahabat.
10. Riwayat itu tidak bercanggah dengan akal yang sejahtera. Usul yang kesepuluh ini adalah istimewa dan dikenali sebagai Usul Dirayah.
11. Riwayat itu tidak bercanggah dengan kenyataan.

Sebelas usul yang telah disebutkan tadi adalah di antara usul terpenting yang digunakan oleh ‘ulama’ Ahli Sunnah Wal Jama‘ah untuk menilai teks riwayat sejarah. Usul yang mereka gunakan untuk menilai sanad riwayat adalah seperti di bawah ini:-

1. Sama ada perawi kepada riwayat tersebut seorang yang adil, sempurna kedhabitannya dan tsiqah atau ia seorang yang tidak boleh dipercayai.
2. Berapakah bilangan saluran untuk riwayat tersebut dan berapakah pula bilangan perawi-perawinya.

3. Adakah riwayat itu sampai kepada orang yang berkenaan dalam keadaan tidak terputus atau ia terhenti di tengah jalan.

Jika sanad riwayat tersebut sampai kepada orang yang berkenaan maka riwayat itu dipanggil riwayat “*Marfu’Muttashil*”. Jika sanad riwayat itu terhenti di tengah jalan, maka ia dipanggil riwayat “*Munqati`*”.

Inilah dia usul-usul yang telah dikemukakan oleh ‘ulama’ Islam seperti Ibn Khaldun di dalam *Muqadimahnya*, Ibn al- Jauzi seperti yang dinukilkkan oleh Hafiz Sakhawi di dalam *Fathu Al-Mughithnya*, halaman 114, Mulla ‘Ali al-Qari di dalam *Maudhu’atnya*, halaman 92, Syibli Nu’mani di dalam *Siratu An-Nabi*, halaman 69 dan 101, dan ramai lagi ‘ulama’-‘ulama’ lain dalam menilai riwayat-riwayat sejarah.

Jika usul ini diguna-pakai untuk menilai sejarah tentu sekali sejarah itu akan bersih daripada bahan-bahan tidak berasas yang boleh mengelirukan orang ramai dan menggugat ‘aqidah mereka.

## FATWA ‘ULAMA’ DI BENUA KECIL INDIA TENTANG KEKUFURAN SYI’AH

Oleh kerana golongan Syi’ah atau Rafidah itu adalah satu golongan yang mempunyai kepercayaan dan ‘aqidah-‘aqidah yang bercanggah sama sekali dengan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan kemudiannya disebarluaskan oleh para sahabatnya ke serata dunia, maka seperti yang telah disebutkan sebelum ini, para ‘ulama’ Islam di zaman dahulu telah mengeluarkan mereka dari Islam. Demikianlah sikap ‘ulama’ Islam sejak dahulu sehingga pada tahun 1928 ketika mana ajaran-ajaran Syi’ah tidak tersembunyi lagi kepada ‘ulama’-‘ulama’ Islam di benua kecil India. Maka mereka mengeluarkan fatwa bahawa Syi’ah bukan dari golongan Islam.

Di sini penulis akan menterjemahkan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Maulana Mufti Muhammad ‘Abdul Syakur pada tahun 1928 dan disokong oleh berpuluhan-puluhan tokoh-tokoh ‘ulama’ ulung pada masa itu. Fatwa ini dikeluarkan oleh beliau ketika ditanya oleh seorang hamba Allah. Pertanyaan itu berbunyi, “Apa kata ‘ulama’ dan para mufti berhubung dengan Syi’ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah, adakah mereka itu Islam atau terkeluar dari Islam? Adakah harus berkahwin dengan mereka dan memakan sembelihan mereka? Adakah harus menyembahyangkan jenazah mereka atau turut serta dalam meraikan jenazah mereka? Adakah harus menerima derma khairat dari mereka untuk pembinaan masjid atau tidak?”

Soalan-soalan tersebut dijawab oleh beliau begini;

“Syi’ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah terkeluar dari Islam. Oleh kerana sesetengah ‘ulama’ kita terdahulu tidak mengetahui hakikat ajaran Syi’ah kerana mereka (Syi’ah) menyembunyikannya dan kitab-kitab mereka juga tidak ditemui, maka mereka tidak mengkafirkan golongan Syi’ah berdasarkan sikap bercermat dalam menghukum. Tetapi hari ini kitab-kitab mereka itu boleh didapati di mana-mana dan hakikat ajaran mereka sudah terserlah. Kerana itu semua ‘ulama’-‘ulama’ muhaqqiqin sepakat mengkafirkan mereka. Mengingkari dharuriati ad-din (perkara-perkara yang diketahui umum sebagai ajaran Islam) tidak syak lagi merupakan kekufuran.

Al-Qur'an adalah di antara dharuriati ad-din yang paling tinggi dan paling jelas dan Syi’ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah, sama ada ‘ulama’ mutaqaddimin atau muta’akhirin mereka, mengatakan al-Qur'an yang ada sekarang sudah diselewengkan. Di dalam kitab-kitab mereka yang mu'tabar terdapat lebih 2000 riwayat berhubung dengan penyelewengan yang telah

berlaku di dalam al-Qur'an. Di dalamnya disebutkan 5 macam tahrif al-Qur'an (penyelewengan al-Qur'an):-

- i. Pengurangan
- ii. Penambahan
- iii. Penukaran perkataan-perkataan
- iv. Penukaran huruf
- v. Kerosakan susunan-susunannya berlaku pada surah-surah, ayat-ayat dan kalimat-kalimatnya.

'Ulama' mereka terus menerus mengakui riwayat tahrif pada kelima-lima macam yang tersebut di atas dan mereka mengatakan riwayat itu adalah riwayat mutawatir dan jelas menunjukkan telah berlakunya tokok tambah dalam al-Qur'an dan kepercayaan mereka adalah menurut riwayat tersebut.

Di kalangan 'ulama' Syi'ah terdapat hanya 4 orang yang menafikan tokok tambah atau tahrif di dalam al-Qur'an. Mereka ialah:-

- i. Syeikh Shaduq Ibn Babwaih al-Qummi
- ii. As-Syarif Murtadha
- iii. Abu Ja'far at-Tusi
- iv. Abu 'Ali at-Tabarsi (Pengarang *Tafsir Majma'ul Bayan*)

Pendapat keempat-empat tokoh Syi'ah ini bertentangan dengan riwayat-riwayat yang mutawatir di sisi mereka dan tidak beralasan pula. Kerana itulah 'ulama'-ulama' Syi'ah sendiri telah menolak pendapat-pendapat mereka itu. Keterangan yang jelas dapat dilihat di dalam buku saya "*Tanbihu Al-Ha'irin*".

'Allamah Bahrul 'Ulum Firangi Mahalli di peringkat permulaannya memfatwakan Syi'ah sebagai golongan Islam tetapi setelah beliau membaca kitab *Tafsir Majma'ul Bayan*, yakinlah beliau bahawa Syi'ah beritiqad bahawa al-Qur'an yang ada sekarang telah ditahrifkan (ditokok tambah). Kerana itu beliau kemudiannya memfatwakan kufurnya Syi'ah di dalam kitab beliau "*Fawatihu Ar-Rahamut Syarah Musallamu Ath-Thubut*". Di dalam buku tersebut beliau menulis ... "Orang-orang yang beritiqad tentang berlakunya tokok tambah dalam al-Qur'an tidak boleh disyak lagi tentang kafirnya."

Ringkasnya, kekufuran Syi'ah berdasarkan 'aqidah mereka terhadap tahrif al-Qur'an adalah satu perkara yang tidak dapat diragui lagi. Selain dari itu terdapat banyak lagi 'aqidah-'aqidah

lain pada mereka yang menyebabkan kekufuran mereka seperti ‘aqidah bada’, menuduh Ummahatul Mukminin dan lain-lain dalam keadaan tidak ada kemungkinan mereka mentakwil lagi ‘aqidah-‘aqidah ini. Kerana itu tidak harus berkahwin dengan golongan Syi‘ah. Haram memakan sembelihan mereka. Begitu juga tidak harus menyembahyangkan jenazah mereka dan tidak boleh menyuruh mereka menyembahyangkan jenazah orang-orang Islam.

Mengikut ajaran agama Syi‘ah di dalam kitab-kitab mereka, orang-orang Syi‘ah diajarkan supaya berdoa kepada jenazah orang-orang Islam begini;... “Ya Allah! Penuhkanlah kuburnya dengan api dan curahkan azab-Mu ke atasnya...”

Sekian, wallahu a’lam.

*Ditulis oleh: Ahqaru al-‘Ibad*

*Muhammad ‘Abdul Syakur,*

*‘Aafaahu maulaahu.*

Fatwa beliau ini telah disokong oleh ‘ulama’-‘ulama’ lain dengan mengeluarkan fatwa yang tersendiri atau dengan mengatakan jawapan ini benar dan masing-masing ‘ulama’ yang telah menyetujuinya menurunkan tandatangan mereka di atas fatwa tersebut.

Yang mula-mula sekali menurunkan tandatangan untuk membenarkan fatwa ini ialah Mufti Darul ‘Ulum, Deoband, Maulana Mufti Riadhuddin. Beliau juga telah menuliskan tarikh di situ iaitu 19 Safar 1348 H. Di bawahnya terdapat tandatangan ‘ulama’-‘ulama’ lain lagi. Di bawah ini disenaraikan nama-nama ‘ulama’ yang telah menurunkan tandatangan di atas fatwa tersebut menurut tertibnya sebagaimana terdapat di dalam warqah fatwa yang telah dicetak kemudiannya.

1. Maulana Sayyid Muhammad Murtadha Hasan Chanpuri (Pengetua Bahagian Pelajaran & Pendidikan, Darul ‘Ulum, Deoband).
2. Maulana Muhammad I‘zaz ‘Ali (Syeikhul Fiqh Wal Adab, Darul ‘Ulum, Deoband).
3. Maulana Mufti Mahdi Hasan Syahjahanpuri.
4. Maulana Hamid Hasan Deobandi.
5. Maulana Mufti Mas‘ud Ahmad.
6. Maulana Mufti Muhammad Syafi‘ (kemudiannya telah menjadi Mufti Besar di Pakistan).
7. Maulana Muhammad Rasul Khan.
8. Maulana Muhammad Yamin.
9. Maulana ‘Abdul as-Sami‘.

10. Maulana Nabih Hasan.
11. Maulana Asghar Ali.
12. Maulana Husain Ahmad Madani (Syeikhul Hadits Darul ‘Ulum, Deoband).
13. Maulana Muhammad Ibrahim.
14. Maulana ‘Abdul Wahid.
15. Maulana Muhammad Anwar.
16. Maulana Khalil Ahmad.
17. Maulana Sayyid Asghar Husain.
18. Maulana Muhammad Tayyib (Pengetua Darul ‘Ulum, Deoband).
19. Maulana Muhammad Chiragh.
20. Maulana Muhammad ‘Abdul ‘Aziz.
21. Maulana Hafiz ‘Abdul Rahman.
22. Maulana Anwarul Haq.
23. Maulana Abu at-Tayyib Muhammad Manzur.
24. Muhammad Syabbir Ahmad ‘Utsmani (Syeikhul Tafsir Jami’ah Islamiyah, Dabhil).
25. Maulana Mufti Zuhur Ahmad Bihari (kemudiannya menjadi Mufti di Darul ‘Ulum, Nadwatul ‘Ulama’).
26. Maulana Muhamad Asbath.

Fatwa ini bersama nama-nama ‘ulama’ yang menurunkan tandatangannya diambil dari risalah:-

**Kia Syi‘ah Ithna ‘Asyariyyah Hazrat Musalman Hein 1928 Masihi Ka ‘ulama’ Kiram Ka Muttafiqa Fatwa**

Oleh: *Maulana Muhammad Manzur Nu‘mani dan Maulana ‘Abdul Syakur Lucknowi*

Perlu diketahui bahawa selain dari ‘ulama’-‘ulama’ yang tersebut itu, ramai lagi yang telah mengeluarkan fatwa yang tersendiri di benua kecil India. Saya tidak bermaksud menukilkan kesemua fatwa-fatwa mereka di sini. Akhir-akhir ini nampaknya ‘ulama’-‘ulama’ ‘Arab juga telah mengeluarkan fatwa yang sama seperti yang pernah dikeluarkan oleh ‘ulama’ di benua kecil India tentang Syi‘ah. Di antara tokoh ‘ulama’ ‘Arab yang telah memfatwakan kafir Syi‘ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah termasuk pemimpin mereka yang terkenal, Khomeini, ialah Syeikh Sa‘id Hawwa, Syeikh ‘Abdul ‘Aziz bin Baz, Syeikh Nasiruddin al-Albani dan lain-lain.

## SIKAP ‘ULAMA’ TANAHAIR KITA TERHADAP SYI‘AH

‘Ulama’ di tanahair kita juga terbahagi dua di dalam menghadapi soal ini. Satu golongan daripada mereka tidak menerima Syi‘ah tetapi mereka tidak mengetahui selok belok Syi‘ah dan segala perincian aliran ini sama ada kerana kekurangan bahan bacaan atau mereka belum lagi berhadapan dengan golongan Syi‘ah itu sendiri. Penolakan mereka terhadap golongan Syi‘ah ini adalah berdasarkan keputusan dan hukum ‘ulama’ terdahulu bahawa Syi‘ah adalah sesat atau Syi‘ah adalah satu ajaran yang terkeluar dari Islam.

Satu golongan lagi ialah yang terpengaruh dan kagum dengan revolusi Iran yang dicetuskan oleh golongan ‘ulama’! Di samping itu mereka juga bersikap terbuka terhadap golongan Syi‘ah sebagai salah satu aliran di dalam Islam seperti yang diterima oleh sesetengah ‘ulama’ yang memperjuangkan fahaman ke arah mendekatkan antara mazhab-mazhab yang bermula di Mesir.

Golongan ‘ulama’ yang seperti ini bukan sahaja terdapat di tanahair kita ini, tetapi di mananya sahaja mereka ini boleh ditemui. Antara sikap mereka ialah mengambil kira sudut-sudut persamaan antara Ahli Sunnah dan Syi‘ah tetapi tidak begitu mengambil kira sudut-sudut percanggahan di antara kedua-dua aliran ini walaupun sudut-sudut percanggahan itu menyentuh soal ‘aqidah.

Selain dari itu mereka tidaklah mendalami selok-belok ajaran Syi‘ah. Syi‘ah yang mereka kenali hanyalah Syi‘ah yang ditonjolkan oleh Iran selepas revolusi, iaitu Syi‘ah yang telah ditapis dengan penapis taqiyyah untuk disuap kepada golongan ‘ulama’ yang lurus dan menerima sahaja apa yang dihulurkan kerana belum mengenali lagi perangai-perangai mereka. Golongan ‘ulama’-‘ulama’ yang seperti ini sangat kagum dengan perlaksanaan hukum Islam di Iran dan slogan-slogan mereka yang membayangkan keislaman yang tidak ada tolok bandingnya di negara-negara ummat Islam yang lain.

Sejauh penelitian saya terhadap ‘ulama’ seperti ini di tanahair kita, maka saya mendapati mereka terkeliru dalam beberapa perkara dan belum lagi mempunyai jawapannya yang memuaskan untuk diri mereka sendiri dan juga untuk orang lain jika mereka disoal. Antaranya ialah:-

1. Di kalangan ‘ulama’ Islam dahulu sampai sekarang, terdapat dua golongan. Golongan pertama mengeluarkan Syi‘ah dari Islam dengan memberikan alasan-alasan kenapakah Syi‘ah itu telah terkeluar dari Islam. Alasan-alasan dan sebab-sebab itu mereka ambil

dari kitab-kitab Syi'ah sendiri yang mu'tabar sama ada kitab-kitab mereka yang dahulu atau yang baru diterbitkan selepas revolusi. Golongan kedua pula menganggap Syi'ah masih Islam.

Adakah golongan 'ulama' tanahair kita ini menemui alasan daripada golongan 'ulama' yang tidak mengeluarkan Syi'ah dari Islam tentang tidak terkeluarnya mereka dari Islam? Pernahkah mereka menemui di dalam kitab-kitab golongan 'ulama' yang seperti itu hujjah-hujjah yang cukup untuk membuktikan Syi'ah satu golongan daripada Islam atau ia hanya satu fatwa yang tidak disokong oleh alasan-alasan dan hujjah-hujjah yang kukuh?

Bagaimana dengan 'aqidah-'aqidah Syi'ah yang bercanggah sama sekali dengan agama Islam, yang jika kita menerimanya bererti kita tidak menerima Islam dan jika kita menerima Islam bererti kita menolaknya (Syi'ah)? Adakah 'aqidah orang-orang yang seperti ini boleh dimaafkan? Adakah orang yang berpegang dengan kepercayaan-kepercayaan seperti itu boleh kita anggap sebagai Muslim? Jika boleh, apakah perbezaan antara seorang Muslim dengan bukan Muslim?

2. Sesetengah 'ulama' kita menganggap Syi'ah pimpinan Khomeini dan pemimpin-pemimpin dari kalangan 'ulama' di Iran sekarang berbeza dengan Syi'ah dahulu. Satu persoalan yang timbul ialah kenapakah mereka masih lagi merujuk dan meminta supaya orang-orang lain juga merujuk kepada kitab-kitab Syi'ah dahulu yang pengarangnya telah mengatakan al-Qur'an telah diubah, para sahabat termasuk Sayyidina Abu Bakar, 'Umar dan 'Utsman telah murtad dan sebagainya? Mereka menganggap kitab-kitab itu adalah di antara kitab-kitab yang perlu dibaca dan dipegangi.  
Persoalan kedua, jika Syi'ah sekarang berbeza dari Syi'ah dahulu maka apakah nama Syi'ah sekarang ini? Apakah buku rujukan mereka dan siapakah 'ulama' yang telah menyampaikan Syi'ah ini kepada mereka?
3. Persoalan ketiga, adakah golongan 'ulama'-ulama' Iran sekarang ini, begitu juga 'ulama'-ulama' Syi'ah di negeri lain manafikan hubungannya dengan 'ulama'-ulama' mereka terdahulu? Jika tidak, bagaimanakah kita dapat mengatakan mereka berbeza daripada Syi'ah dahulu?

Sebagai contohnya, lihatlah kepada Khomeini sendiri. Jika kita mengatakan Khomeini memang berhasrat untuk mengubah fahaman Syi'ah di negaranya, adakah kita nampak apa-apa perubahan pada Khomeini sendiri, sama ada melalui tulisan-tulisan, kitab-kitab dan sebagainya? Nampaknya tidak ada apa-apa perbezaan di antara beliau dengan ‘ulama’-‘ulama’ Syi’ah dahulu. Misalnya ‘ulama’ Syi’ah dahulu mengatakan Sayyidina Abu Bakar, ‘Umar dan ‘Utsman jahil tentang Islam, Khomeini juga menulis demikian di dalam *Kasyf Al-Asrar* (*muka surat 110-111*).

Jika ‘ulama’ Syi’ah dahulu telah mengkafirkan Sayyidina ‘Umar, Khomeini juga mengatakan demikian. Jika Syi’ah dahulu mengatakan Sayyidina Abu Bakar, ‘Umar dan sahabat-sahabat yang lain memeluk Islam kerana motif politik dan kerana inginkan kuasa, Khomeini juga mengatakan demikian dalam *Kasyf Al-Asrar* (*halaman 114, edisi Farsi*), dan sampai mati Khomeini tidak pernah menafikan apa yang ditulisnya sebelum ini walaupun telah dikritik dan ditegur oleh ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah di seluruh dunia.

Sesetengah ‘ulama’ di tanahair kita menganggap isu Syi’ah sebagai suatu isu yang kecil. Ia ibarat “kemucut” yang tidak perlu seseorang menyibukkan diri dengannya kerana jika anda menumpukan perhatian kepada soal-soal remeh-temeh seperti ini maka anda akan ketinggalan dalam mengejar cita-cita untuk menegakkan negara Islam yang dapat menyelesaikan masalah ummah yang belum dapat diselesaikan kerana tidak wujudnya negara Islam sekarang, kata mereka! Hanya musuh-musuh Islam sahaja yang memperbesar-besarkan soal Syi’ah ini untuk mengalihkan pandangan ummat Islam daripada perkara yang besar kepada perkara-perkara remeh-temeh dan persoalan mazhab di dalam Islam.

Golongan ‘ulama’ seperti ini sepatutnya mempastikan terlebih dahulu benarkah Syi’ah itu suatu perkara kecil dan tepat jika dibaratkan dengan “kemucut”? Adakah mengkafirkan sahabat boleh dianggap sebagai ajaran yang kecil dan remeh-temeh? Adakah ajaran yang memfitnah para isteri Rasulullah s.a.w. terutama Siti ‘Aisyah boleh dianggap sebagai “kemucut”? Jika benar seperti apa yang dikatakan oleh Syi’ah maka bagaimanakah dengan agama yang kita anuti sekarang? Tentu agama yang kita terima sekarang boleh diragui kerana ianya disampaikan kepada ummat kemudian oleh para sahabat dan isteri Rasulullah s.a.w. yang telah bertanggung-jawab mengubah al-Qur’an, pengkhianat, zalim, dan perampas harta orang lain seperti yang digambarkan oleh Syi’ah!?

Bolehkah anda menganggap kecil Syi'ah yang telah menyebabkan syahidnya Sayyidina 'Utsman dan telah menaburkan benih-benih perpecahan dengan terkorbannya Sayyidina 'Utsman, menantu Rasulullah s.a.w. yang dikatakan oleh baginda: "Jika aku mempunyai anak perempuan lagi tentu aku akan mengahwinkannya dengan 'Utsman"?

Bolehkah anda menganggap kejatuhan Baghdad di tangan Hulaku Khan dengan bantuan dan kerjasama dari Menteri Syi'ah Ibn al-'Alqami, yang telah menyebabkan berjuta-juta ummat Islam terbunuh dan sungai Dajlah ketika itu bertukar menjadi sungai darah, khutub khanah-khutub khanah besar telah dikosongkan dan buku-bukunya dibuang ke dalam sungai sehingga air sungai menjadi hitam kerana dakwatnya sebagai perkara kecil? Bolehkah peristiwa yang menyayat hati setiap penulis sejarah dan mereka menulisnya dengan memejam mata, peristiwa yang besar seperti ini bolehkah dianggap kecil? Bolehkah kita menganggap Syi'ah yang telah menghancurkan kerajaan Baghdad melalui Hulaku Khan sebagai golongan kecil yang tidak perlu dihiraukan? Tidakkah kejatuhan Baghdad ke tangan penakluk yang ganas ini disebabkan oleh pakatan seorang alim Syi'ah bernama Nasiruddin at-Tusi dan menteri yang berfahaman Syi'ah Ibn al-'Alqami yang telah meminta Hulaku Khan supaya menyerang Baghdad pada tahun 656 H?

4. Sesetengah 'ulama' mengatakan mereka terpengaruh dengan revolusi Iran tidak dengan Syi'ahnya. Tetapi jika diperhatikan kepada pujian dan sanjungan yang diberikan oleh mereka, nampaknya kejayaan mereka itu (Syi'ah) adalah didorong oleh ruh keagamaan yang suci dan kejayaan yang dicapai oleh mereka itu adalah oleh sebab sifat ketaqwaan mereka yang begitu tinggi. Sedangkan sebenarnya kejayaan sesuatu revolusi tidak membuktikan kebenarannya. Mereka juga kagum dengan peribadi Khomeini yang hidup penuh dengan kezuhudan. Rumah tempat tinggalnya terdiri dari dua buah bilik yang terlalu sederhana, dan tempat tidurnya hanyalah sebuah ruang di rumah itu yang ditutupi oleh tabir dan sebagainya.

Jika kejayaan sesuatu revolusi itu menjadi ukuran kebenaran maka adakah benar revolusi Perancis yang dicetuskan oleh orang-orang yang 'aqidahnya bukan 'aqidah Islam? Adakah benar revolusi Russia yang juga dicetuskan oleh golongan yang tidak percayakan ajaran agama? Dan jika kezuhudan seseorang itu menjadi ukuran kebenaran perjuangannya, maka bagaimanakah dengan Mahatma Gandhi, seorang

pemimpin agung India yang begitu zuhud sehingga tidak berbaju dan hidup di dalam sebuah rumah dari tanah, tetapi adakah Mahatma Gandhi berada di atas jalan kebenaran?

Bagaimana pula dengan Nabi Allah Sulaiman a.s yang mempunyai istana begitu indah dan melambangkan kemewahan yang tidak ada tolok bandingnya? Diceritakan oleh al-Qur'an sendiri bahawa ketika Ratu Balqis masuk ke dalam istana Baginda a.s, beliau terpaksa menyingsingkan pakaianya kerana menyangka lantai istana Nabi Sulaiman itu sebagai air yang berolak? Adakah Nabi Sulaiman a.s tidak benar kerana baginda mempunyai istana yang melambangkan kemewahan sebegitu rupa? Tidak, sekali-kali tidak! Kebenaran tidak ditentukan oleh kezuhudan atau kemewahan hidup. Yang menentukan benar atau tidak benar ialah landasan tempat masing-masing berpijak, sama ada ia berpijak di atas landasan yang hak atau batil.

5. Sikap sesetengah ‘ulama’ kita terhadap golongan anti hadits jauh berbeza daripada sikap mereka terhadap Syi‘ah. Padahal apakah bezanya golongan anti hadits itu dengan Syi‘ah? Jika ‘ulama’-‘ulama’ itu menentang golongan tersebut kerana ia tidak menerima hadits sebagai sumber hukum sedangkan bukan semua hadits ditolak mereka, kenapakah golongan ‘ulama’ tanahair kita telah mencurahkan begitu banyak tenaga, wang dan waktu sehingga beberapa buah institusi keagamaan telah menerbitkan beberapa buah buku untuk menentang sebuah buku tulisan ketua mereka? Tetapi sebaliknya mereka tidak bersikap demikian terhadap Syi‘ah yang tidak menerima semua hadits (walaupun sahih atau mutawatir) selain dari yang diriwayatkan oleh Ahlul Bait? Riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh sahabat-sahabat lain dituduh mereka sebagai riwayat-riwayat yang diada-adakan dan direka. Jika atas alasan ini semata-mata mereka telah menolak dan mengkritik kumpulan anti hadits, sepatutnya atau sekurang-kurangnya mereka juga mengkritik Syi‘ah sepertimana mereka mengkritik kumpulan itu.

Sebabnya di samping Syi‘ah itu memiliki fahaman seperti golongan anti hadits, mereka juga memiliki fahaman-fahaman lain yang jauh lebih jelek daripada fahaman golongan anti hadits. Umpamanya raj‘ah, bada’, tahrif al-Qur'an, ‘aqidah Imamah dan sebagainya seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Kenapakah mereka tidak memberikan perhatian dan tumpuan yang sewajarnya kepada persoalan Syi‘ah yang jauh lebih merbahaya daripada isu yang hanya dicetuskan seorang ketua anti hadits tempatan?

Pada hal golongan Syi'ah telah menerbitkan ribuan buah buku yang membela ajarannya dan menyeru pula orang-orang lain supaya mengikuti fahamannya.

6. Sesetengah golongan yang dianggap ‘ulama’ mengambil jalan mudah dengan menghukum setiap kitab Syi'ah yang memuatkan ‘aqidah-‘aqidah yang menyeleweng dari Islam seperti yang telah penulis sebutkan sebelum ini sebagai kitab-kitab yang diada-adakan dan ditulis oleh musuh-musuh Islam untuk memburuk-burukkan Iran dan Syi'ah yang dianuti Iran sekarang.

Soalnya, adakah mereka tidak menerima kitab-kitab yang tersebut itu sebagai kitab-kitab karangan tokoh-tokoh Syi'ah walaupun nama-nama kitab itu tersebut di dalam senarai kitab-kitab tulisan tokoh-tokoh Syi'ah? Jika mereka tidak menafikannya maka seharusnya mereka mengemukakan kitab-kitab berkenaan yang betul dan tidak diselewengkan oleh musuh-musuh Islam. Jika mereka tidak dapat berbuat demikian, maka sikap golongan ‘ulama’ yang seperti ini sesungguhnya adalah satu sikap yang tidak bertanggungjawab dan boleh menyesatkan ummat Islam yang terpengaruh dan setia kepada mereka.

7. Ramai juga di antara golongan ‘ulama’ tanahair kita menganggap Iran sebagai sebuah negara Islam dan revolusinya adalah revolusi Islam. Anggapan yang seperti ini lahir dari sikap mereka yang tidak berhati-hati dan terus menerima sahaja dakwaan pemimpin-pemimpin Iran bahawa Iran adalah sebuah Republik Islam.

Satu persoalan pokok yang seharusnya diletakkan di hadapan sebelum ‘ulama’ seperti ini membuat keputusan mereka iaitu: Apakah ta'rif negara Islam?

Jika mereka meletakkan persoalan ini di hadapan, tentulah jawapannya tidak seperti keputusan yang telah mereka buat selama ini. Tidakkah ta'rif negara Islam itu ialah negara yang pemegang polisi pemerintahannya terdiri daripada orang-orang yang mempunyai keyakinan (beraqidah) terhadap ajaran Islam yang sebenar (bukan Islam pada nama dan dakwaan semata-mata) dan melaksanakan hukum-hukum syari'at di dalamnya? Adakah golongan yang percayakan ‘aqidah-‘aqidah seperti yang telah dikemukakan sebelum ini boleh dianggap sebagai orang yang betul dan benar dalam ‘aqidahnya? Jika mereka tidak betul dan benar dalam ‘aqidahnya, adakah mereka boleh dianggap sebagai orang-orang Islam?

Sebenarnya negara Iran yang ditegakkan melalui revolusi cetusan Khomeini dan rakyatnya adalah negara Syi'ah bukannya negara Islam!!

8. Di antara ‘ulama’-‘ulama’ di tanahair kita ada yang membantah golongan ‘ulama’ yang begitu ketara menentang Syi’ah dengan berkata: “Kenapakah Syi’ah yang berjuang untuk membebaskan ummah atas nama Islam ditentang dengan begitu hebat sekali sedangkan isma-isma yang langsung tidak berasaskan Islam bermahrajalela di mana-mana? Kita ingin bertanya golongan ‘ulama’ yang membantah demikian, apakah mereka telah melupai hakikat sejarah Islam ketika mana ummat Islam telah berjaya menundukkan dua kuasa besar dunia dengan kefahaman dan ‘aqidah Islam yang tulen, musuh-musuh Islam merasakan tidak mampu berhadapan dengan ummat Islam yang begitu kukuh ‘aqidahnya kecuali dengan membentuk satu kelompok atas nama Islam untuk menghancurkan Islam dari dalam. Tidakkah Islam jatuh kerana golongan seperti ini?

Tidakkah Rom dan Farsi tidak dapat memecah-belahan ummat Islam ketika itu? Tetapi ‘Abdullah bin Saba’ dan kumpulannya yang telah berjaya memecah-belahan mereka?

Isma-isma yang tidak berasaskan Islam itu tidaklah mengelirukan ummat Islam apatah lagi ‘ulama’-‘ulama’nya tetapi Syi’ah yang telah dihukum bukan Islam oleh ‘ulama’-‘ulama’ Islam terdahulu, hari ini telah mengelirukan bukan sahaja orang awam Islam tetapi juga para ‘ulama’ mereka.

Tidakkah keadaan golongan yang seperti ini perlu didedahkan kepada ummat Islam dan ditentang oleh ‘ulama’-‘ulama’nya? Mereka adalah musuh atas nama Islam sama seperti golongan ‘Abdullah bin Saba’ yang telah meretakkan hubungan ummat Islam di peringkat awalnya atas nama cintakan ‘Ali dan Ahlul Bait!

9. Sesetengah ‘ulama’ menganggap orang-orang yang menentang Syi’ah sebagai golongan yang terlalu mengikut sentimen dan tidak memikirkan kepentingan ummah. Soalnya, apakah perasaan mereka tidak tersentuh jikalau seseorang atau sesuatu golongan memburuk-burukkan salaf kita yang terdiri daripada para sahabat, ummahatul mukminin isteri-isteri Rasulullah s.a.w. dan juga para imam mujtahidin yang telah

memelihara dan mempertahankan Islam dari dicerobohi sehingga mereka menyerahkan Islam yang suci kepada kita?

Bagaimanakah kepentingan ummat Islam akan terpelihara jika al-Qur'an yang ada bersama mereka akan diyakini mereka sebagai al-Qur'an yang telah diubah, jika as-Sunnah yang dipelajari adalah rekaan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang jahat, yang telah murtad sepeninggalan baginda? Jawablah wahai para 'ulama' sekalian!

Apakah salahnya jika kami menentang Syi'ah yang memaki para sahabat bahkan mengkafirkan mereka? Apakah salahnya jika kami menentang golongan yang menganggap sumber-sumber asas Islam tidak boleh diyakini lagi? Bahkan adalah menjadi kewajipan kita mendedahkan penyelewengan dan kekufuran golongan yang sedang melanda ummah agar mereka terselamat dari gelombang fitnah yang sedang menggongcang 'aqidah mereka. Tidakkah Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ اللَّهَ اخْتَارَ لِي أَصْحَابَيْ فَجَعَلَهُمْ أَصْحَابَيْ وَأَصْهَارِيْ وَسَيِّجَعُ مِنْ بَعْدِيْ قَوْمٌ يَتَقْصِّرُونَهُمْ وَيَسْبُونَهُمْ فَإِنْ أَدْرَكْتُمُوهُمْ فَلَا تُنَاكِحُوهُمْ وَلَا تُؤَاكِلُوهُمْ وَلَا تُشَارِبُوهُمْ وَلَا تُتَصَلُّوْ مَعَهُمْ وَلَا تُتَصَلُّوْ عَلَيْهِمْ

Bermaksud: "Sesungguhnya Allah telah memilih sahabat-sahabat untukku. Dia (Allah) menjadikan mereka sebagai sahabat-sahabatku, mertua-mertuaku dan menantu-menantuku. Nanti akan muncul satu golongan sepeninggalanku yang memburuk-burukkan dan memaki hamun mereka. Kiranya kamu sempat bertemu dengan mereka, janganlah kamu mengahwini mereka, janganlah kamu makan dan minum bersama mereka, janganlah kamu berjemaah bersama mereka dan janganlah kamu menyembahyangkan jenazah mereka." ('Ali al-Muttaqi, Kanzu Al-Ummal, jilid 11, halaman 540)

'Uwaim bin Sa'idah al-Ansari meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:-

إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى اخْتَارَنِي وَاخْتَارَلِي أَصْحَابَيْ فَجَعَلَ لِي مِنْهُمْ وُزَرَاءً وَأَخْتَانًا وَأَصْهَارًا فَمَنْ سَبَهُمْ فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ وَلَا يُقْبَلُ مِنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ صَرَفًا وَلَا عَدْلًا

Bermaksud: “Sesungguhnya Allah Tabaraka Wa Ta’ala telah memilihku (sebagai nabi) dan telah memilih sahabat-sahabat untukku. Di antara mereka ada yang telah dijadikanNya sebagai pembantu-pembantu, menantu-menantu dan sebagai mertua-mertuaku. Sesiapa yang memburuk-burukkan mereka, akan dilaknat oleh Allah, para malaikat dan manusia semuanya. Tidak akan diterima darinya pada hari qiamat nanti ibadat sunat dan fardhu.” (Hakim, Al-Mustadrak, jilid 3, halaman 632) Al-Hakim dan Imam Dzahabi mengatakan hadits ini sahih.

Ringkasnya, jika anda perhatikan kepada hujah-hujah dan alasan-alasan golongan ‘ulama’ yang membenarkan Syi‘ah, anda akan dapat bahawa alasan-alasan yang timbul dari mereka itu sebenarnya adalah hasil dari kedangkalan ma’lumat dan ketidak-telitian dalam menghadapi soal ini. Golongan ‘ulama’ ini pada hakikatnya masih kabur tentang ajaran Syi‘ah yang dianuti di Iran sekarang.

## PENUTUP

Sebagai mengakhiri buku kecil ini saya berseru kepada ‘ulama’-‘ulama’ tanahair supaya peka dengan persoalan-persoalan yang menyentuh dan menggugat ‘aqidah ummah.

Jangan sekali-kali mengeluarkan sesuatu kenyataan sama ada secara lisan atau secara bertulis kecuali setelah membuat kajian dan penyelidikan yang mendalam. Sebelum itu mereka seharusnya meneliti sekurang-kurangnya kitab-kitab Syi‘ah seperti tersenarai di bawah ini:-

1. *Al-Kafi* karangan Al-Kulaini.
2. *Al-Istibshar* karangan at-Thusi
3. *Tahzibu al –Ahkam* juga karangan at-Thusi
4. *Man La Yahdhuruhu al-Faqih* karangan Ibnu Babwah al-Qummi
5. *Biharu Al-Anwar* karangan al-Majlisi.
6. *Yanabi’ Al-Mawaddah* karangan al-Qunduzi.
7. *Tafsir As-Shafi* karangan al-Kasyani.
8. *Tafsir Majma‘ul Bayan* karangan Abi ‘Ali at-thabarsi.
9. *Tafsir al-Qummi* karangan al-Qummi.
10. *Tafsir al-‘Ayyasyi* karangan al-‘Ayyasyi.
11. *Fashlul Khitab Fi Tahrifi Kitabi Rabbi al Arbab* karangan at-Thabarsi.
12. *Kasyfu Al-Asrar* karangan Ayatullah Khomeini.
13. *Syarah Nahjul Balaghah* - Ibn Abil Hadid.
14. *As-Sab‘ah Min As-Salaf*. karangan Sayyid Murtadha al-Fairuzabadi an-Najafi.
15. ‘Aqa‘idu Al-Imamiyyah Al-Ithna ‘Asyariyyah, karangan Ayatullah Sayyid Ibrahim al-Musavi al-Zinjani an-Najafi.
16. *Ashlu as-Syi‘ah Wa Ushuluha* karangan Muhammad Husain Aal Kasyifi al-Ghitha’.
17. *Al-Ihtijaj* karangan at-Thabarsi.
18. *Al-‘Itiqadat* karangan Ibnu Babwah al-Qummi.
19. ‘Aqaidu al-Imamiyyah karangan al-Burujardi.
20. *Al-Hukumah al-Islamiyyah* karangan Khomeini.

Setelah meneliti kitab-kitab ini barulah mereka boleh membuat keputusan.

Pada pandangan saya, jika ‘ulama’-‘ulama’ al-Azhar yang terkenal kealimannya telah kecundang dalam usaha-usaha mereka untuk mendekatkan antara aliran Ahli Sunnah dengan Syi‘ah, betapa pula dengan ‘ulama’-‘ulama’ di tanahair kita yang kebanyakannya tidak pernah

pun membaca kitab-kitab Syi'ah dan jauh kurang pengalamannya dalam hal ini berbanding dengan 'ulama'-ulama' yang lalu. Usahlah saudara cuba berkompromi dengan golongan yang taqiyyah menjadi selimut mereka dan bohong sudah menjadi pakaian mereka, agar kita tidak tersengat dua kali di lubang yang sama.

Ingatlah kepada firman Allah:

يَتَأْمِنُ الَّذِينَ إِمَّا لَا تَتَّخِذُوا بِطَانَةً مِّنْ دُونِكُمْ لَا يَأْلُو نَكُمْ حَبَالًا وَدُوًا مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ الْبُغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ

وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَ لَكُمُ الْآيَتِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٨﴾

"Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi orang dalam (yang dipercayai). Mereka tidak akan henti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka suka kepada apa yang menyusahkan kamu. Telah nyata kebencian mereka pada pertuturan mulutnya dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah Kami jelaskan keterangan-keterangan itu kepadamu jika kamu mahu memahaminya." (Ali-'Imran: 118)

**LAMPIRAN 1**

Pada muka surat 6 di dalam buku ini, kita telah menyebutkan beberapa nama ‘ulama’ salaf dan khalaf yang telah mengeluarkan Syi‘ah dari Islam tetapi kita tidak mengemukakan teksnya di sana. Untuk lebih menyakinkan para pembaca sekalian, di sini kita akan nukilkan teks kenyataan-kenyataan atau fatwa-fatwa mereka berhubung dengan kekufuran Syi‘ah bersama dengan terjemahannya. Mana yang terlalu panjang kita ringkaskan tetapi kita tetap mengambil bahagian yang terpenting dari kata-kata mereka yang menjelaskan perkara ini.

1. Hujjatul Mutakallimin Abul Muzaffar al-Isfiraini di dalam kitabnya *At-Tabshir Fi Ad-Din* pada muka surat 24 menyebut:-

وَاعْلَمُ أَنَّ جَمِيعَ مَنْ ذَكَرَنَا هُمْ مِنْ فِرَقِ الْإِمَامَيْةِ مُتَفَقُونَ عَلَى تَكْفِيرِ الصَّحَابَةِ وَيَدْعُونَ أَنَّ الْقُرْآنَ قَدْ غَيَّرَ عَمَّا  
كَانَ وَوَقَعَ فِيهِ الرِّبَادَةُ وَالنُّقْصَانُ مِنْ قِبَلِ الصَّحَابَةِ وَيَزْعُمُونَ أَنَّهُ قَدْ كَانَ فِيهِ النَّصُّ عَلَى إِمَامَةِ عَلِيٍّ فَأَسْقَطَهُ  
الصَّحَابَةُ عَنْهُ وَيَزْعُمُونَ أَنَّهُ لَا اعْتِمَادَ عَلَى الْقُرْآنِ الْآَنَ وَلَا عَلَى شَيْءٍ مِنَ الْأَخْبَارِ الْمَرْوِيَّةِ عَنِ الْمُصْطَفَى صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَزْعُمُونَ أَنَّهُ لَا اعْتِمَادَ عَلَى الشَّرِيعَةِ التَّيْفِيْرِيَّةِ فِي أَيْدِيِّ الْمُسْلِمِينَ وَيَنْتَظِرُونَ إِمَاماً يُسَمُُّونَهُ  
الْمَهْدِيَّ يَخْرُجُ وَيَعْلَمُهُمُ الشَّرِيعَةَ وَلَيَسْوُا فِي الْحَالِ عَلَى شَيْءٍ مِنَ الدِّينِ.

وَلَيَسَ مَقْصُودُهُمْ مِنْ هَذَا الْكَلَامِ تَحْقِيقَ الْكَلَامِ فِي الْإِمَامَةِ وَلَكِنْ مَقْصُودُهُمْ إِسْقَاطُ كُلُّفَةِ تَكْلِيفِ الشَّرِيعَةِ  
عَنْ أَنفُسِهِمْ حَتَّى يَتَوَسَّعُوا فِي اسْتِحْلَالِ الْمُحَرَّمَاتِ الشَّرِيعَةِ وَيَعْتَذِرُوا عِنْدَ الْعَوَامِ بِمَا يَعْذُونَهُ مِنْ تَحْرِيفِ  
الشَّرِيعَةِ وَتَغْيِيرِ الْقُرْآنِ مِنْ عِنْدِ الصَّحَابَةِ وَلَا مَزِيدَ عَلَى هَذَا النَّوْعِ مِنَ الْكُفُرِ إِذَا بَقَاءَ شَيْءٍ مِنَ الدِّينِ

Bermaksud: “Ketahuilah, bahwa semua golongan *Imamiyyah* yang telah kami sebutkan di atas sekata dalam mengkafirkan para sahabat dan mereka mendakwa bahawa al-Qur'an yang ada ini telah diubah daripada keadaan sebenarnya. Di dalamnya telah dilakukan banyak tokoh tambah oleh pihak sahabat. Mereka menganggap di dalam al-Qur'an yang asal ada nas yang jelas tentang keimaman (*Imamah*) ‘Ali tetapi telah digugurkan (dibuangkan) oleh sahabat nas itu. Mereka menganggap al-Qur'an yang ada sekarang tidak boleh dipegang lagi. Begitu juga dengan hadits-hadits yang diriwayatkan

dari Rasulullah s.a.w. (oleh orang lain selain dari golongan mereka). Mereka menganggap bahawa syari'at yang dipakai oleh ummat Islam sekarang tidak boleh dipakai lagi dan mereka menanti seorang imam yang mereka namakan sebagai al-Mahdi yang akan keluar mengajarkan syari'at yang sebenarnya. Sedangkan mereka sedikitpun tidak berada di atas landasan agama yang benar.

Tujuan mereka dari ungkapan-ungkapan seumpama ini tidaklah untuk memastikan urusan Imamah tetapi matlamat sebenarnya tidak lain ialah untuk menggugurkan segala bebanan syari'at daripada diri mereka agar mereka dapat menghalalkan segala apa yang diharamkan oleh syarak dengan sepas hati mereka dengan alasan syari'at yang ada sekarang sudah diselewengkan dan al-Qur'an yang wujud pada orang ramai telahpun diubah oleh sahabat. Tidak ada lagi kekufuran yang lebih dahsyat dari kekufuran seumpama ini kerana fahaman-fahaman dan ajaran-ajaran yang seumpama ini tidak akan dapat mengekalkan seseorang di atas satupun ajaran agama."

2. Qadhi 'Iyadh al-Maliki di dalam *As-Syifa'* berkata:-

نَقْطَعُ بِتَكْفِيرِ كُلِّ قَائِلٍ قَالَ قَوْلًا يَتَوَصَّلُ بِهِ إِلَى تَضليلِ الْأُمَّةِ وَتَكْفِيرِ جَمِيعِ الصَّحَابَةِ.

Bermaksud: "Kita menghukum putus tentang kufurnya setiap orang yang fahamannya boleh mengakibatkan semua ummat dianggap sesat dan semua sahabat dianggap kafir." (*Jilid 2, halaman 286*)

Di satu tempat yang lain di dalam kitab yang sama beliau menulis;-

وَكَذَلِكَ مَنْ أَنْكَرَ الْقُرْآنَ أَوْ حَرْفًا مِنْهُ أَوْ غَيْرَ شَيْئًا مِنْهُ أَوْ زَادَ فِيهِ

Bermaksud: "Begin juga (kita menghukum putus tentang kufurnya) orang yang tidak menerima al-Qur'an semua sekali atau satu huruf daripadanya atau mengubah sesuatu daripadanya atau menambahkan sesuatu di dalamnya." (*Jilid 2, halaman 289*)

Di dalam kitab yang sama juga beliau menuliskan;-

وَكَذَلِكَ نَقْطَعُ بِتَكْفِيرِ غُلَةِ الرَّأْفَضَةِ فِي قَوْلِهِمْ إِنَّ الْأَئِمَّةَ أَفْضَلُ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ

Bermaksud: "Beginu juga kita menghukum putus tentang kufurnya golongan pelampau Rafidah yang berfahaman para imam lebih utama daripada para nabi." (Jilid 2, halaman 290)

3. Syeikh 'Abdul Qadir al-Jailani di dalam kitabnya *Ghunyat At-Talibin* (Jilid 1, halaman 87) menulis di bawah tajuk *Fasal Tentang Golongan-Golongan Yang Sesat Dari Jalan Petunjuk*. Di dalam fasal ini beliau telah menyebutkan golongan Khawarij kemudian selepasnya menyebutkan pula berbagai-bagai puak dari golongan Syi'ah. Beliau menulis; -

وَالَّذِي اتَّفَقَتْ عَلَيْهِ طَوَافِ الْرَّافِضَةِ وَفِرَقَهَا إِبْلَاتُ الْإِمَامَةِ عَقْلًا وَأَنَّ الْإِمَامَةَ نَصٌّ وَأَنَّ الْإِمَامَةَ مَعْصُومُونَ مِنَ الْأَفَاتِ وَالْغَلَطِ وَالسَّهْوِ وَالْخَطَا..... وَمِنْ ذَلِكَ تَفْضِيلُهُمْ عَلَيًّا فِي جَمِيعِ الصَّحَابَةِ وَتَنْصِيصُهُمْ عَلَى إِمامَتِهِ بَعْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَبَرُّهُمْ عَنْ أَبِيهِ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَغَيْرِهِمَا مِنَ الصَّحَابَةِ إِلَّا نَفَرَا مِنْهُمْ..... وَمِنْ ذَلِكَ أَيْضًا إِدْعَاءُهُمْ أَنَّ الْأُمَّةَ ارْتَدَتْ بِتَرْكِهِمْ إِمَامَةَ عَلَيٍّ إِلَّا سِتَّةَ نَفَرٍ وَهُمْ عَلَيُّ وَعَمَارُ وَالْمِقْدَادُ بْنُ الْأَسْوَدِ وَسَلْمَانُ الْقَارِسِيُّ وَرَجُلَانِ آخَرَانِ..... وَمِنْ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ إِنَّ لِلإِمَامِ أَنْ يَقُولَ لَسْتُ بِإِيمَامٍ فِي حَالِ التَّقْيَةِ ..... وَأَنَّ الْأَمْوَاتَ يَرْجِعُونَ إِلَى الدُّنْيَا قَبْلَ يَوْمِ الْحِسَابِ ..... وَمِنْ ذَلِكَ أَنَّ الْإِمَامَ يَعْلَمُ كُلَّ شَيْءٍ مَا كَانَ وَمَا يَكُونُ مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ حَتَّى عَدَّ الْحَصَى وَقَطَرَ الْأَمْطَارِ وَوَرَقَ الْأَسْجَارِ وَأَنَّ الْأَئِمَّةَ تَظَاهِرُ عَلَى أَيْدِيهِمْ الْمُعْجِزَاتُ كَالآنْبِيَاءِ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ.

Bermaksud: "Semua golongan Rawafidh sepakat tentang tsabitnya Imamah berdasarkan akal dan Imamah ini adalah suatu ketentuan Allah berdasarkan nas, dan bahawa para imam adalah ma'sum dari segala dosa, kesalahan, kesilapan dan kelalaian.....

Di antara 'aqidah mereka lagi ialah mengutamakan 'Ali dari sekalian sahabat dan mereka menganggap keimamam 'Ali sesudah nabi adalah ditentukan oleh Allah dan Rasulullah s.a.w. Begitu juga mereka berlepas diri (memutuskan hubungan kasih sayang dan menaruh kebencian) terhadap Sayyidina Abu Bakar, 'Umar dan lain-lain dari kalangan sahabat kecuali beberapa orang dari mereka.

Di antara ‘aqidah mereka lagi ialah bahawa para sahabat telah murtad sepeninggalan baginda kerana mereka tidak menerima keimamam Sayyidina ‘Ali kecuali 6 orang dari mereka iaitu ‘Ali, ‘Ammar, Miqdad bin Aswad, Salman al-Farisi dan dua orang lagi.....

Di antara ‘aqidah mereka lagi ialah seseorang imam boleh berkata: “Aku bukan imam” dalam keadaan taqiyyah..... . Di antara ‘aqidah mereka lagi ialah orang-orang yang telah mati akan kembali ke dunia sebelum qiamat (raj’ah). Di antara ‘aqidah mereka lagi ialah imam mengetahui segala sesuatu, sama ada yang telah berlaku atau akan berlaku dari urusan dunia dan agama hatta bilangan pasir di bumi, bilangan titisan hujan dan bilangan daun-daun kayu dan para imam mempunyai mukjizat seperti juga para Nabi a.s.”

Selepas menyebut berbagai-bagai golongan Syi‘ah dan ‘aqidah mereka Syeikh ‘Abdul Qadir al-Jailani menulis tentang keserupaan dan kesamaan di antara pemikiran Syi‘ah dan pemikiran Yahudi. Beliau telah mengemukakan banyak contoh. Di antara contoh yang terakhir yang diberikan oleh beliau adalah seperti berikut:-

وَالْيَهُودُ حَرَفَتِ التَّوْرَةَ وَكَذَلِكَ الرَّافِضَةُ حَرَفُوا الْقُرْآنَ لِأَنَّهُمْ قَالُوا الْقُرْآنُ غَيْرُ وَبُلْلَ وَخُولَفَ

بَيْنَ نَظَمِهِ وَتَرْتِيْبِهِ وَأَحِيلَ عَمَّا أُنْزِلَ عَلَيْهِ وَفُرِءَ عَلَى وُجُوهِ غَيْرِ تَابِتَةٍ عَنِ الرَّسُولِ وَأَنَّهُ قَدْ نُقصَ

مِنْهُ وَزِيدٌ فِيهِ

Bermaksud: “Orang-orang Yahudi telah menyelewengkan Taurat, begitu juga golongan Rafidah. Mereka telah menyelewengkan al-Qur'an kerana mereka mempercayai al-Qur'an telah diubah, ditukargantikan isinya, diubah tertib dan susunannya, dipinda daripada keadaan asalnya diturunkan dan dibacakan mengikut cara-cara yang tidak tsabit dari Rasulullah s.a.w. Selain dari itu al-Qur'an yang ada ini juga telah dikurangkan daripada yang asal dan ditambahkan (sesuatu yang lain) ke dalamnya.” (*Ibid, jilid 1, halaman 90*)

4. Mulla ‘Ali al-Qari di dalam kitabnya *Syarah Al-Fiqhi Al-Akbar* menulis:-

وَلَوْ أَنْكَرَ خِلَافَةَ الشَّيْخَيْنِ يَكُفُرُ أَفْوُلٌ وَجْهُهُ أَنَّهَا بَيَّنَتْ بِالْإِجْمَاعِ مِنْ غَيْرِ نِزَاعٍ

Bermaksud: "Sekiranya seseorang menolak (tidak menerima kebenaran) Khalifah Abu Bakar dan `Umar, dia akan menjadi kafir, sebabnya ialah kerana perkara itu telah pun tsabit berdasarkan ijmak para sahabat dengan tidak dibantah oleh sesiapapun dari kalangan mereka." (Halaman 163)

Di satu tempat yang lain dari bukunya yang sama, beliau menulis tentang ‘aqidah golongan yang dikatakan kufur secara ijmak oleh para imam dan ‘ulama’ Islam iaitu:-

وَمَنْ جَحَدَ الْقُرْآنَ أَيْ كُلُّهُ أَوْ سُورَةً مِنْهُ أَوْ آيَةً

Bermaksud: "Dan orang-orang yang menolak al-Qur'an sama ada semua sekali atau satu surah daripadanya atau satu ayat." (Halaman 167)

5. Imam Abu Sa'ad 'Abdul Karim bin Muhammad bin Mansur at-Tamimi as-Sam'ani (wafat 562 H) telah menghukum kafir Syi'ah yang mengkafirkan para sahabat pilihan ketika beliau menulis di dalam bukunya Al-Ansaab;

وَمِنْهُمْ مَنْ قَالَ بِالنَّصْرِ عَلَى الْإِمَامِ وَأَكْفَرَ الَّذِينَ تَرَكُوا بَيْعَةَ عَلَيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَنَحْنُ نُكَفِّرُهُمْ لِتَكْفِيرِهِمْ  
الصَّحَابَةَ الْأَخِيَارَ وَيُقَالُ لَهُمْ لَوْ كَانَ أَبُو وَعْمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا كَافِرِينَ لَكَانَ عَلَيْهِمْ بِتَرْوِيْجِهِ إِبْتَهَ أُمُّ كُلُّثُومِ  
الْكُبُرَى مِنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ كَافِرًا أَوْ فَاسِقًا.

Bermaksud: "Di antara golongan Imamiyyah, ada yang menganggap imam-imam ditentukan berdasarkan nas. Mereka mengkafirkan orang-orang yang tidak berbai'ah kepada `Ali. Kita pula mengkafirkan mereka kerana mereka telah mengkafirkan para sahabat pilihan malah kita akan berkata kepada mereka: "Bahawa sekiranya Abu Bakar dan `Umar kafir, tentu `Ali juga kafir atau fasiq kerana telah mengahwinkan anaknya Ummu Kulthum dengan Sayyidina `Umar." (Jilid 1 , halaman 344)

6. 'Allamah Bahrul 'Ulum 'Abdul 'Ali al-Lucknowi di dalam bukunya *Fawaatihi Ar-Rahamut* menulis tentang golongan Syi'ah yang menganggap sebahagian dari al-Qur'an yang sebenarnya telah hilang, begini;-

فَمَنْ قَالَ بِهَا الْقَوْلَ فَهُوَ كَافِرٌ لِإِنْكَارِهِ الْحَرْبُوْرِيَّ فَأَفَهَمْ

Bermaksud: “Orang-orang yang berfahaman demikian adalah kafir kerana ia telah menolak sesuatu yang dikira termasuk di dalam “dharuriat ad-din”.” (Halaman 617).

7. Ibn ‘Abidin as-Syami menulis di dalam bukunya *Raddu Al-Muhtar*,-

وَيَهْدَا ظَاهِرًا أَنَّ الرَّفِضِيَّ إِنْ كَانَ مِنْ يَعْتَقِدُ الْأُلُوهِيَّةَ فِي عَلَيٍّ وَأَنَّ جُرْبِيلَ غَلَطٌ فِي الْوَحْيِ أَوْ كَانَ يُنْكِرُ صُحْبَةَ

الصَّدِيقِ أَوْ يَقْذِفُ السَّيِّدَةَ السُّدِّيَّةَ فَهُوَ كَافِرٌ لِمُخَالَفَتِهِ الْقَوَاطِعَ الْمَعْلُومَةَ مِنَ الدِّينِ بِالْحَرْبُوْرَةِ.....

Bermaksud: “Dari itu jelaslah seseorang Rafidhi akan menjadi kafir kerana menyalahi “dharuriat ad-din” jika ia mempercayai ‘Ali mempunyai sifat-sifat ketuhanan atau Jibril tersalah di dalam menyampaikan wahyu, atau ia menolak hubungan persahabatan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq dengan Rasulullah s.a.w. (tidak menganggap beliau sebagai sahabat Rasulullah s.a.w.) atau dia menuduh Sayyidatina ‘Aisyah r.a. (dengan sesuatu pekerti yang buruk setelah Allah S.W.T. membersihkannya).” (Jilid 3, halaman 46)

8. ‘Allamah Kamaluddin yang lebih dikenali dengan Ibn al-Humam (wafat 681 H) di dalam kitabnya, *Fathu Al-Qadir, Bab Al-Imamah* (jilid 1, halaman 304) menulis:-

وَفِي الرَّوَايَاتِ أَنَّ مَنْ فَضَلَ عَلَيًّا عَلَى الْثَّلَاثَةِ فَمُبْتَدِعٌ وَإِنْ أَنْكَرَ خِلَافَةَ الصَّدِيقِ أَوْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا فَهُوَ

كَافِرٌ

Bermaksud: “Rawafidh yang mengutamakan Sayyidina ‘Ali daripada tiga orang khulafa’ sebelumnya adalah ahli bid’ah. Sekiranya mereka menolak kekhilafahan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq atau kekhilafahan Sayyidina ‘Umar r.a. maka mereka adalah kafir.”

9. Anwar Syah al-Kasymiri di dalam kitabnya *Faidhu Al-Bari* (jilid I, halaman 120) menukilkan dari segolongan ‘ulama’ bahawa memaki Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina ‘Umar boleh membawa kepada kekufturan. Kata beliau: “Yang sebenarnya ialah memaki sahabat semua sekali atau sebahagian besar daripada mereka boleh membawa kepada kekufturan.”

101

www.DarulKautsar.net

Di dalam bukunya *Ikfar Al-Mulhidin* (halaman 51) Anwar Syah al-Kasymiri menulis;—

وَلَا خَلْفَ مُنْكِرٍ خِلَافَةً أَبِي بَكْرٍ أَوْ عُمَرَ أَوْ عُثْمَانَ لِأَنَّهُ كَافِرٌ.....

Bermaksud: “..... dan tidak juga boleh berimamkan orang yang menolak kekhilafahan Abu Bakar atau ‘Umar atau ‘Utsman kerana orang yang seperti itu adalah kafir.”

- Syah Waliyullah di dalam kitabnya *Al-Musawwa Syarah Al-Muwatta* telah membahagikan kafir kepada tiga macam. Kata beliau;—

إِنَّ الْمُخَالِفَ لِلَّدِينِ الْحَقُّ إِنْ لَمْ يَعْتَرِفْ يَهُ وَلَمْ يُذْعِنْ لَهُ لَا ظَاهِرًا وَلَا بَاطِنًا فَهُوَ كَافِرٌ وَإِنْ اعْتَرَفَ بِلِسَانِهِ وَقَلْبِهِ  
عَلَى الْكُفُرِ فَهُوَ الْمُنَافِقُ وَإِنْ اعْتَرَفَ يَهُ ظَاهِرًا لَكِنَّهُ يَفْسِرُ بَعْضَ مَا ثَبَتَ مِنَ الدِّينِ ضَرُورَةً بِخِلَافِ مَا فَسَرَهُ  
الصَّحَابَةُ وَالْتَّائِبُونَ وَاجْمَعَتْ عَلَيْهِ الْأُمَّةُ فَهُوَ الزُّنْدِيقُ

Bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang menentang dan menolak agama Islam sekiranya ia tidak mengakui kebenaran Islam dan tidak tunduk kepadanya zahir dan batin, maka dia adalah kafir. Sekiranya ia mengakui kebenaran Islam dengan lidahnya tetapi hatinya masih terikat dengan kekufuran, maka ia adalah munafiq dan sekiranya ia mengakui kebenaran Islam secara zahir tetapi mentafsirkan sebahagian daripada perkara yang tsabit di dalam agama secara putus dan mudah berlainan dari apa yang ditafsirkan oleh para sahabat, para tabi`in dan ijmak ummah, maka ia adalah zindiq.”

Selepas itu Syah Waliyullah mengemukakan beberapa contoh kezindiqan. Pada ketika itu beliau menulis tentang Syi'ah, katanya;—

وَكَذَلِكَ مَنْ قَالَ فِي الشَّيْخِينِ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ مَثَلًا لَيْسَا مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ مَعَ تَوَاثِيرِ الْحَدِيثِ فِي بِشَارَتِهِمَا أَوْ قَالَ  
إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَاتَمُ النُّبُوَّةِ لَكِنَّ مَعْنَى مَدَا الْكَلَامُ أَنَّهُ لَا يَجُوزُ أَنْ يُسَمِّي بَعْدَهُ أَحَدٌ بِالنَّبِيِّ وَأَمَّا  
مَعْنَى النُّبُوَّةِ وَهُوَ كَوْنُ الْإِنْسَانِ مَبْعُوتًا مِنَ اللَّهِ تَعَالَى إِلَى الْخَلْقِ مُفْتَرَضٌ الطَّاعَةُ مَعْصُومًا مِنَ الذُّنُوبِ وَمِنْ

البقاء على الخطأ فيما يرى فهو موجود في الأئمة بعده فذلك هو الزنب وقد اتفق جماهير المتأخرین من  
الحنفیة والشافعیة على قتل من يجري ذلك المجرم

Bermaksud: "Demikian juga umpamanya orang yang mengatakan Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina `Umar bukan ahli syurga, sedangkan hadits yang menceritakan mereka berdua ahli syurga adalah mutawatir atau ia berkata memang Nabi Muhammad s.a.w. penyudah sekalian nabi tetapi maksud penyudah sekalian nabi itu ialah tidak harus seseorang yang datang selepasnya dinamakan dengan nabi. Adapun intisari dan hakikat kenabian, iaitu keadaan seseorang diutuskan daripada pihak Allah kepada makhluk-Nya, yang wajib ditaati, terpelihara daripada dosa-dosa dan terpelihara daripada berterusan di atas kesalahan dan kesilapan pada pendapatnya; intisari-intisari dan hakikat-hakikat itu semuanya ada pada imam-imam selepasnya. Maka orang yang berfahaman seperti itu adalah zindiq. Jumhur `ulama' muta'akhir dari kalangan Hanafiyyah dan Syafiyyah sepakat menghukumkan supaya orang yang seperti itu dibunuhi." (*Musawwa Syarah Muwattha' Imam Malik, jilid 2, halaman 110*)

Di dalam bukunya *Tafhimat Ilahiyyah* beliau menulis; -

امام باصطلاح ای شان معصوم مفترض الطاع □ منصوب للخلق است ووحی باطنی در حق امام تجویز  
می نمایند پس در حقیقت ختم نبوت را منکر اند □ و بزبان آنحضرت صلی الل □ علی □ وسلم  
را خاتم الانبیاء می گفت □ باشند

Bermaksud: "Imam menurut istilah mereka (Imamiyyah Ithna `Asyariyyah) ialah seorang yang ma`sum (terpelihara daripada melakukan dosa dan kesalahan), wajib ditaati, dilantik oleh Allah untuk makhluk-Nya dan mendapat wahyu batin. Maka sebenarnya dengan kepercayaan seperti itu mereka telah menolak `aqidah "Khatmi an-Nubuwwah" walaupun lidah mereka mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah nabi yang terakhir dan penyudah sekalian nabi." (*Tafhimat Ilahiyyah, halaman 244*)

11. 'Allamah Mahmud al-Alusi menukilkan di dalam kitab tafsirnya *Ruhu Al-Ma'ani* ketika mentafsirkan ayat 29, surah al-Fath:

وَفِي الْمَوَاهِبِ أَنَّ الِإِمَامَ مَالِكًا قَدْ اسْتَنْبَطَ مِنْ هَذِهِ الْآيَةِ تَكْفِيرَ الرَّوَافِضِ الَّذِينَ يُغْضِبُونَ الصَّحَابَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمْ فَإِنَّهُمْ يَغْيِطُونَهُمْ وَمَنْ غَاطَهُ الصَّحَابَةُ فَهُوَ كَافِرٌ وَوَاقِفُهُ كَثِيرٌ مِنَ الْعُلَمَاءِ اَنْتَهَى

Bermaksud: “Tersebut di dalam kitab *Al-Mawahib* bahawa Imam Malik telah membuat kesimpulan dari ayat ini tentang kafirnya golongan Rawafidh yang menaruh kebencian dan dendam terhadap para sahabat r.a. Golongan Rawafidh itu benci dan dendam terhadap para sahabat sedangkan sesiapa sahaja yang menaruh kebencian dan dendam terhadap sahabat, dia adalah kafir. Pendapatnya itu dipersetujui oleh ramai ‘ulama’.” (*Ruhu Al-Ma’ani*, jilid 26, halaman 116)

12. Syeikh Ahmad as-Sarhindi yang dikenali sebagai Imam Rabbani dan Mujaddid Alf ath-Thani di dalam risalahnya yang kemudiannya dikumpulkan dan diberi nama *Maktabat Imam Rabbani*, menulis; -

و ش ک نیست ک شیخی ن از اکابر صحاب اند بل ک افضل ایشان پس تکفیر بل ک

تنقیص ایشان موجب کفر وزنق و ضلالت باشد کما لا یخفی

Bermaksud: “Tidak syak lagi bahawa Syaikhain (Abu Bakar dan ‘Umar) adalah yang paling utama dari kalangan sahabat. Jadi mengkafirkan mereka bahkan merendah-rendahkan mereka sahaja boleh membawa kepada kekufuran, kezindiqan dan kesesatan sebagaimana tidak tersembunyi lagi (kepada orang-orang yang mengerti).” (Halaman 31)

## LAMPIRAN 2

Pada muka surat 76-81 kita telah mengemukakan satu fatwa yang telah dikeluarkan oleh seorang tokoh ‘ulama’ hadits pada tahun 1928 dan disokong pula oleh berpuluhan-puluhan tokoh ‘ulama’ besar di benua kecil India. Kita juga telah menyenaraikan nama-nama mereka. Fatwa itu dikeluarkan ketika mana tidak terlintas lagi di fikiran mereka bahawa pada suatu hari nanti akan tegak sebuah negara di atas fahaman dan ideologi Syi‘ah yang telah dikafirkan oleh mereka.

Setelah negara Iran di bawah pimpinan Khomeini tertegak dengan berasas dan bersendikan ideologi Syi‘ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah dan Khomeiniyyah, ramai pula ummat Islam di merata tempat terkeliru dan terpukau dengan zahir keislamannya. Kerana itulah pada tahun 1987, setelah sesetengah ummat Islam benar-benar terkeliru dengan revolusi cetusan Khomeini itu, ‘ulama’ di benua kecil India sekali lagi tampil mengeluarkan fatwa tentang kufurnya Syi‘ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah yang menjadi pegangan Khomeini dan penguasa-penguasa di Iran sekarang. Tidak ada sedikitpun perbezaan di antara ajaran Imamiyyah sekarang dengan Imamiyyah dahulu.

Maulana Muhammad Manzur Nu‘mani seorang tokoh ‘ulama’ India yang disegani dan sudah terlalu tua, memikul tanggungjawab yang besar ketika beliau mengumpulkan maklumat-maklumat tentang ‘aqidah-‘aqidah Syi‘ah dan membentangkan di dalam satu risalah yang kemudiannya dihantarkan kepada tokoh ‘ulama’ di India yang dianggap paling terkenal di India pada masa sekarang iaitu al-‘Allamah al-Muhaddith Maulana Habibu ar-Rahman, dan di Pakistan risalah itu ditujukan kepada Mufti Besarnya al-‘Allamah al-Muhaddith Mufti Wali Hasan yang dianggap tokoh ‘ulama’ terkemuka di sana, dengan tujuan meminta fatwa mereka berdua.

Ringkasnya mereka berdua di dalam fatwanya telah menghukumkan kafir dan terkeluar dari Islam golongan Syi‘ah yang mempunyai kepercayaan seperti kepercayaan golongan Syi‘ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah itu. Kita sengaja tidak menukilkan fatwa mereka berdua begitu juga soalan yang dikemukakan oleh Maulana Manzur Nu‘mani kerana agak panjang fatwa-fatwa dan soalan-soalan itu. Walau bagaimanapun soalan dan juga fatwa-fatwa oleh dua tokoh ‘ulama’ itu telah dikumpulkan oleh Maulana Manzur Nu‘mani di dalam sebuah buku bernama *Khomeini Aur Syi‘iyat Kia He*. (Buku ini ada di dalam simpanan penulis)

Kemudian perlu diketahui bahawa fatwa Maulana Habib ar-Rahman tersebut telah disokong oleh semua ‘ulama’ Ahli Sunnah Wal Jama‘ah di India dan fatwa Mufti Wali Hasan itu pula telah disokong oleh semua ‘ulama’ di Pakistan. Nama-nama ‘ulama’ yang menyokong fatwa-fatwa di kedua-dua buah negara tersebut telah disenaraikan juga oleh Maulana Manzur Nu‘mani di dalam bukunya itu.

### **LAMPIRAN 3**

Di sini kita akan mengemukakan fatwa ‘ulama’-‘ulama’ Ahli Sunnah Wal Jama‘ah di zaman lampau tentang Syi‘ah. Kita akan mendapati mereka juga telah mengeluarkan fatwa yang sama iaitu tentang kufurnya dan terkeluarnya Syi‘ah Imamiyyah Ithna ‘Asyariyyah itu daripada Islam. Kita akan mengemukakan beberapa fatwa sahaja di sini sebagai contoh.

1. Seorang ahli tafsir besar dan faqih pada abad ke 10 H iaitu ‘Allamah Abu as-Sa‘ud (wafat 982 H) yang merupakan Syeikhul Islam dan Mufti Besar di zaman Khilafah Utsmaniyyah di Turki. Beliau pernah menulis satu fatwa berikutnya berdasarkan beberapa soalan tentang Syi‘ah yang dikemukakan oleh Khalifah Utsmani lantaran kekacauan yang sentiasa dicetuskan oleh Syi‘ah di zamannya. Kita akan menterjemahkan sahaja soalan Khalifah Utsmani dan jawapannya oleh ‘Allamah Abu as-Sa‘ud kerana agak panjang isi fatwanya itu.

Soalan Khalifah itu berbunyi:

“Adakah harus berperang dengan orang-orang Syi‘ah dan adakah orang-orang kita yang mati kerana menentang Syi‘ah dianggap syahid sedangkan mereka mendakwa pimpinan mereka adalah dari kalangan Ahlul Bait Nabi s.a.w. dan mereka juga mengucap dua kalimah syahadah?”

‘Allamah Abu as-Sa‘ud menjawab soalan itu dengan fatwanya seperti di bawah:

“Berperang dengan golongan Syi‘ah adalah satu jihad besar. Orang-orang kita yang mati kerana berperang dengan mereka adalah syahid. Mereka penderhana kerana mengangkat senjata menentang khalifah dan kafir kerana beberapa sebab. Mereka tidak termasuk di dalam 72 golongan Islam kerana telah mencipta kekufuran dan kesesatan yang tersendiri dari sampah sarap ‘aqidah-‘aqidah rekaan golongan-golongan yang sesat. Selain dari itu kekufuran mereka tidak berada di suatu tahap yang tertentu malah ia sentiasa meningkat naik....” (Kemudian ‘Allamah Abu as-Sa‘ud menulis, selepas mengemukakan beberapa sudut kekufuran Syi‘ah, begini;)

"Kerana itulah 'ulama'-'ulama' kita di zaman lampau sepakat mengatakan harus mengangkat senjata menentang mereka dan orang yang ragu tentang kekafiran mereka akan dianggap kafir.

Mengikut mazhab Imam Abu Hanifah, Sufyan ath-Tsauri dan al-Auza'i, jika golongan Syi'ah ini bertaubat dari kekufuran mereka dan menerima Islam maka mereka tidak akan dibunuh dan diharap mereka juga akan dimaafkan oleh Allah S.W.T. setelah bertaubat seperti orang-orang kafir yang lain.

Tetapi mengikut mazhab Imam Malik, Syafi'i, Ahmad, Laith bin Sa'ad dan banyak lagi 'ulama'-'ulama' besar yang lain, bahawa taubat mereka tidak akan diterima dan pengakuan Islam mereka tidak akan dihiraukan malah mereka akan dibunuh sebagai menjalankan hukum had." (Kemudian 'Allamah Abu as-Sa'ud menulis kepada khalifah di zamannya untuk memilih yang mana di antara pendapat yang disebut tadi lebih sesuai untuk dipraktikkan, kemudian beliau menulis;)

"Golongan Syi'ah yang berada di merata tempat yang gejala-gejala 'aqidahnya tidak dapat dipastikan tidaklah akan diganggu. Hukum-hukum seperti di atas tidaklah diperlakukan ke atas mereka. Tetapi golongan pemimpin dan pengikut-pengikutnya yang berperang bagi pihak pemimpin-pemimpin itu tidaklah boleh kerajaan membiarkan dengan begitu sahaja tanpa bertindak sesuatu terhadap mereka kerana golongan ini berdasarkan sebab-sebab yang telah disebutkan, terus menerus mengamalkan kekufuran. Tidak syak lagi memerangi mereka lebih penting lagi dari memerangi orang-orang kafir yang lain.

Sayyidina Abu Bakar telah mengisyiharkan perang terlebih dahulu terhadap Musailamah dan pengikut-pengikutnya sebelum memerangi kafir yang lain sedangkan di sekeliling Madinah penuh dengan musuh-musuh Islam yang terdiri dari bermacam-macam kafir. Semua golongan kafir yang lain itu dapat dikalahkan setelah fitnah Musailamah dibersihkan dari muka bumi. Demikian juga sikap Sayyidina 'Ali ketika menghadapi fitnah Khawarij.

Ringkasnya berjihad menentang mereka tidak syak lagi merupakan kerja yang terpenting dan orang-orang yang mati di dalam memerangi mereka adalah syahid."

(Sekian fatwa 'Allamah Abu as-Sa'ud)

Fatwa 'Allamah Abu as-Sa'ud ini telah dinukilkkan oleh 'Allamah Ibn 'Abidin asy-Syami di dalam risalahnya yang bernama *Tanbihu Al-Wulati Wa Al-Hukkam 'Ala Ahkami Syatimi Khairi Al-Anam Au Ahadi Ashabih Al-Kiram*. (Risalah ini diterbitkan bersama risalah-risalahnya yang lain dengan judul *Rasaa'il Ibn 'Abidin* oleh *Suhail Academy, Lahore, jilid 1, halaman 369*)

2. Tersebut di dalam *Fatawa Alamgiriyyah, jilid 2, halaman 264*:-

الرَّافِضِيُّ إِذَا كَانَ يَسْبُّ الشَّيْخِينَ وَيَلْعَنُهُمَا وَالْعَيْدُ بِاللَّهِ فَهُوَ كَافِرٌ وَلَوْ قَدَّفَ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا بِالزَّنَّا كَفَرَ  
بِاللَّهِ وَمَنْ أَنْكَرَ إِيمَانَ أَبِي بَكْرٍ الصَّدِيقِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَهُوَ كَافِرٌ وَعَلَى قَوْلِ بَعْضِهِمْ هُوَ مُبْتَدِعٌ وَلَيْسَ بِكَافِرٍ  
وَالصَّحِيحُ أَنَّهُ كَافِرٌ وَكَذَلِكَ مَنْ أَنْكَرَ خِلَافَةَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِي أَصْحَاحِ الْقَوْلِ كَذَلِكَ فِي الظَّهِيرَيَّةِ وَيَجِبُ  
إِكْفَارُهُمْ بِإِكْفَارِ عُثْمَانَ وَعَلَيٍّ وَطَلْحَةَ وَالزُّبِيرِ وَعَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ ..... وَيَجِبُ إِكْفَارُ الرَّوَافِضِ فِي  
قَوْلِهِمْ يَرْجِعُونَ الْأَمْوَاتَ إِلَى الدُّنْيَا وَيَتَنَاسُخُ الْأَرْوَاحُ وَبِالْتَّنَاقُلِ رُوحُ الْأَلَّهِ إِلَى الْأَئِمَّةِ ..... وَيَقُولُهُمْ إِنَّ جِبْرِيلَ  
عَلَيْهِ السَّلَامُ غَلَطَ فِي الْوَحْيِ إِلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دُونَ عَلَيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَهُؤُلَاءِ  
الْقَوْمُ خَارِجُونَ عَنْ مِلَّةِ الإِسْلَامِ وَأَحْكَامُهُمْ أَحْكَامُ الْمُرْتَدِينَ كَذَلِكَ فِي الظَّهِيرَيَّةِ.

Bermaksud: "Apabila Rafidhi memaki Syaikhain (Abu Bakar dan 'Umar) dan melaknat mereka berdua (wal 'iyazu billah) maka dia menjadi kafir. Sekiranya dia menuduh 'Aisyah berzina maka bererti dia telah kufur kepada Allah. Orang yang tidak menerima Imamah Abu Bakar as-Siddiq adalah kafir. Menurut pendapat setengah 'ulama' dia adalah ahli bid'ah bukan kafir. Pendapat yang benar di dalam perkara ini ialah dia menjadi kafir, demikian juga orang yang tidak menerima kekhilafahan 'Umar r.a. menurut pendapat yang sahih. Demikian tersebut di dalam *Fatawa Az-Zahiriyyah*.

Wajib mengkafirkan mereka (Rawafidh dan Khawarij) kerana mereka mengkafirkan Utsman, 'Ali, Talhah, Zubair dan 'Aisyah r.a. Wajib juga dihukum kafir Rawafidh kerana i'tiqad mereka tentang akan kembalinya orang-orang mati ke dunia (raj'ah) dan kerana kepercayaan berpindah-pindah ruh dari satu tubuh ke satu tubuh yang lain dan kerana berpindahnya ruh Tuhan kepada para imam ..... dan juga kerana kepercayaan mereka bahawa Jibril telah tersalah menurunkan wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang

sepertinya diturunkan kepada 'Ali bin Abi Talib. Semua mereka yang tersebut tadi telah terkeluar dari Islam. Hukum yang akan dilaksanakan ke atas mereka adalah sama dengan hukum yang akan dilaksanakan ke atas orang-orang murtad. Demikian disebutkan dalam *Al-Fatawa Az-Zahiriyyah*."

3. Di dalam *Fatawa Bazzaziyyah*, yang dikumpulkan oleh Hafiz Muhammad bin Muhammad bin Syihab yang dikenali sebagai Ibn Bazzaz (wafat 837 H) yang dicetakkan di tepi *Fatawa Alamgiriyyah*, pada jilid 6, halaman 319 tersebut; -

الرَّأْفِضِيُّ إِنْ كَانَ يَسْبُّ الشَّيْخَيْنِ وَيَلْعَنُهُمَا فَهُوَ كَافِرٌ

Bermaksud: "Jika seseorang Rafidhi memaki hamun Syaikhain (*Abu Bakar dan 'Umar*) dan melaknat mereka berdua, maka dia menjadi kafir."

4. Di dalam *Fatawa 'Aziziyyah* yang dikumpulkan oleh al-Imam Syah 'Abdul 'Aziz, tersebut; -

بلا شبه فرقہ امامیہ حضرت ابو بکر رضی اللہ عنہ کی خلافت سی منکر بین اور کتب فقهہ میں مذکور سی

کہ حضرت ابو بکر صدیق رضی اللہ عنہ کی خلافت کا جس ن□ انکار کے ا□ اجماع امت کا

منکر□ وا اور کافر□ وگے ا

Bermaksud: "Tidak syak lagi golongan Imamiyyah tidak menerima kekhilafahan Sayyidina Abu Bakar r.a. Tersebut di dalam kitab-kitab fiqh bahawa sesiapa yang tidak menerima kekhilafahan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq bererti dia tidak menerima ijmak ummah dan dengan itu dia telah menjadi kafir." (*Lihat terjemahan Fatawa 'Aziziyyah dalam bahasa Urdu, halaman 377*)

Daripada kenyataan-kenyataan dan fatwa-fatwa 'ulama' Islam di abad-abad lampau dapat kita mengetahui sejauh manakah bertangannya ajaran Syi'ah itu dengan ajaran Islam yang murni dan bagaimana pula sikap mereka terhadap golongan itu.

Oleh itu janganlah ada lagi di kalangan kita yang belum mengetahui tentang hakikat Syi'ah, cuba memandang enteng perkara ini. Jika mereka tidak berpeluang mengkaji sendiri ajaran Syi'ah yang begitu jelik itu, cukuplah bagi mereka fatwa-fatwa dan kenyataan 'ulama'-ulama' yang lalu untuk dijadikan pegangan dan jika mereka tidak berpuashati juga

dengan kenyataan-kenyataan ‘ulama’ kita yang lalu, maka sekali lagi saya menyeru golongan ‘ulama’ yang seperti ini supaya jangan terburu-buru mengeluarkan sesuatu kenyataan tentang Syi‘ah sebelum mereka sendiri mempastikan ajaran-ajaran golongan ini melalui kitab-kitab mu‘tabar mereka yang sebahagian daripadanya telah disebutkan sebelum ini. Ingatlah kepada firman Allah S.W.T. yang berbunyi:-

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادُ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Bermaksud: “Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggunganjawabnya.” (Surah al-Isra’, ayat 36)

Saya tuliskan semua ini tidak lebih dari menjunjung firman Allah S.W.T:-

لِيُحَقَّ الْحَقُّ وَيُبَطِّلَ الْبَطْلَ وَلَوْ كَرِهَ الْمُجْرِمُونَ

Bermaksud: “Supaya Allah menegakkan yang benar dan menghapuskan yang salah sekalipun golongan yang berdosa (musyrikin) tidak menyetujuinya.” (Al-Anfal: 8)